

"KITA semua adalah berke-
wajiban untuk membina,
bukannya merobohkan tama-
dun dengan penyebaran
unsur-unsur negatif yang di-
cetuskan oleh jahiliah mo-
den. Kita tetap berpegang
kepada ajaran-ajaran Al-
Qur'an bagi mendapatkan ke-
berkatan di dalam semua tin-
dak-tanduk kita." - Titah Sem-
pena Pertandingan Membaca
Al-Qur'an Bahagian Dewasa
Peringkat Kebangsaan Tahun
1424 Hijrah/2003 Masihi



"DAN ingatlah tatkala
Tuhan kamu memberi-
tahu, demi sesungguhnya
jika kamu bersyukur
nescaya Aku akan tam-
bah nikmat-Ku kepada-
mu, dan demi sesung-
guhnya jika kamu kufur
ingkar sesungguhnya
azab-Ku amatlah keras."
- Surah Ibrahim ayat 7.

Kebawah DYMM tinjau dua buah institusi pendidikan



PENUH PERHATIAN ... KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam prihatin mengenai perkembangan mutu pembelajaran yang diikuti oleh penuntut-
penuntut Sekolah Menengah Sayyidina Husain dengan diiringi oleh Pengetua sekolah berke-
naan, Awang Haji Jumat bin Haji Salleh. - (Lagi berita dan foto di muka 2, 8 dan 9).

Kemudahan sekolah dan disiplin penuntut jadi tumpuan

Oleh Jaafar Ibrahim
jaafar.ibrahimi@information.gov.bn

JERUDONG, Rabu, 10 Mei. - Dalam
usaha memastikan kelancaran pendidikan
di negara ini, Kebawah Duli Yang Maha
Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wad-
daulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam meneruskan
lawatan kerja yang tidak berjadual bagi
meninjau perkembangan sekolah-sekolah,
maktab-maktab dan institusi-institusi pen-
didikan di seluruh negara.

Pada hari ini, baginda berangkat me-
ninjau Sekolah Menengah Sayyidina

Husain, Mukim Sengkuring dan Sekolah
Menengah Sayyidina Hassan, Mukim
Kilanas. Kedua-dua insituti berkenaan ter-
letak di Daerah Brunei dan Muara.

Seperti juga lawatan-lawatan baginda
terdahulu, tinjauan baginda terhadap
kedua-dua sekolah itu lebih menumpukan
secara dekat keadaan pembelajaran, di-
splin penuntut, keadaan bangunan dan
kemudahan-kemudahan yang terdapat di
sekolah-sekolah tersebut.

Sesungguhnya keberangkatan baginda
menunjukkan pemedulian dan kepriha-
tinan baginda terhadap pentingnya tahap
pencapaian pendidikan di negara ini.

Lihat muka 2

Keberangkatan lawatan kerja ke Institut Latihan ABDB.

PENANJONG GARISON,
Selasa, 16 Mei. - Kebawah
Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sul-
tan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah,
Sultan dan Yang Di-Per-
tuan Negara Brunei Darus-
salam, Pemerintah Ter-
tinggi Angkatan Bersenjata
Diraja Brunei (ABDB)
berkenan berangkat melau-
kan lawatan kerja ke
Institut Latihan ABDB.

Keberangkatan tiba
baginda di Markas Latihan
ABDB dijunjung oleh Tim-
balan Menteri Pertahanan,
Yang Berhormat Pehin
Dato Singamaneri Kolonel
(B) Dato Paduka Haji
Awang Mohd. Yasmin bin
Haji Umar; Pemerintah
ABDB, Yang Dimuliakan

Laporan Abd. Karim Haji Abu Bakar
karim.abubakar@information.gov.bn
Bolhassan Haji Abu Bakar
bolhassan.bakar@information.gov.bn

Pehin Dato Lailaraja Mejar
Jeneral Dato Paduka Seri
Haji Awang Halbi dan
Setiausaha-setiausaha
Tetap serta Timbalan Setia-
usaha Tetap Kementerian
Pertahanan.

Sejurus keberangkatan
tiba baginda dijunjung
untuk menerima tabik hor-
mat diraja dan memeriksa
kawalan kehormatan penuh
terdiri daripada 110 an-
gota Batalion Ketiga Ten-
tera Darat Diraja Brunei di
bawah perintah, Mejar Haji
Ismadi bin Haji Jumat.

Sembah taklimat me-

ngenai struktur dan orga-
nisasi Institut Latihan
ABDB telah disembahkan
oleh Komandan Institut
Latihan ABDB, Leftenan
Kolonel Haji Said bin Haji
Puteh.

Kemudian baginda di-
junjung meninjau bebera-
lokasi di bawah kelolaan
Institut Latihan ABDB
yang meliputi Dewan Ge-
rak Badan, Sekolah Penga-
jian, Rekrut Kompeni,
Kompeni Kursus, Dewan
Makan dan Padang Tem-
bak 30 meter.

Lihat muka 3



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam disembahkan
taklimat mengenai aturan kerja kursus semasa baginda berangkat ke Makmal Sains Sekolah
Pengajian, Institut Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. - Foto : Mohd. Zul-izzi Haji
Duraman.



ANTARA YANG MENARIK

Kebawah DYMM
melawat dua buah
sekolah menengah
- Muka 8 & 9

Haluan:
'Menjejak Kampung'
mewujudkan sikap
kerjasama kerajaan,
swasta dan orang
ramai
- Muka 10

Sukan SUKMA Ke-XI:
Brunei Darussalam
sertai 14 acara
- Muka 14

Layak menyertai
perlindungan
Piala Malaysia
- Muka 15

RTB siar Piala Dunia
2006
- Muka 15

Sentiasa bersyukur
atas nikmat, rezeki
yang dikurniakan
- Muka 2 ANEKA

TAHUKAH AWDA

"KEMALANGAN jalan
raya yang berpunca dari
kecuaiannya pemandu ken-
daraan yang menguna-
kan telefon bimbit atau
mengirim pesanan ring-
kas (message) semasa
memandu telah mening-
kat dan ada yang meng-
akibatkan kemalangan
jiwa. Tahukah awda ba-
hawa di bawah Seksyen
29 (A) Akta Lalulintas
dalam Bab 68 telah
memperuntukkan ba-
hawa siapa yang melaku-
kan kesalahan dengan
menggunakan telefon
bimbit semasa memandu
akan dikenakan denda
sebanyak \$1,000.00 bagi
kesalahan pertama. Dan
akan didenda \$2,000.00
bagi kesalahan kedua
dan seterusnya. - Sumber
Bahagian Perhubungan
Awam Pasukan Polis
Diraja Brunei.



Dari Sidang Pengarang

17 MEI 2006 BERSAMAAN 1427 ربيع الآخر 19

KEMBALI KEPADA PERUBATAN ISLAM

MINGGU lalu, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mendedahkan mengenai terdapatnya penyelewengan aqidah di Negara Brunei Darussalam, khususnya dalam apa yang disebutkan sebagai perbomohan. Pendedahan itu, sesungguhnya memeranjatkan banyak pihak kerana perkara itu tidak sepatutnya berlaku dalam jangka masa 22 tahun itu, penyelewengan aqidah terus berlaku. Maka sebagai negara Islam, kita semua mempunyai peranan penting bagi menyampaikannya sebarang apa jua maklumat mengenai dengan salah laku perbomohan itu. Peranan ini penting kita tanai bagi menyelamatkan aqidah umat Islam dan demi keharmonian dan kesejahteraan agama, bangsa dan negara.

Menurut Bahagian Penguatkuasaan Agama, Jabatan Hal Ehwal Syariah, sejumlah 39 kes penyelewengan telah direkodkan di antara 1993 - 2005. Apa yang menyedihkan dalam jangka masa 22 tahun itu, penyelewengan aqidah terus berlaku. Maka sebagai negara Islam, kita semua mempunyai peranan penting bagi menyampaikannya sebarang apa jua maklumat mengenai dengan salah laku perbomohan itu. Peranan ini penting kita tanai bagi menyelamatkan aqidah umat Islam dan demi keharmonian dan kesejahteraan agama, bangsa dan negara.

Namun seperti yang dimaklumi ada atau bertambahnya sebilangan orang ramai yang lebih gemar memilih rawatan yang tidak berdasarkan ajaran Islam, dan perawat-perawat yang belum dapat membezakan antara rawatan Islam dan rawatan bercanggah dengan Islam seperti ilmu hitam dan sebagainya.

Sememangnya, Islam sendiri menggalakkan dan menyifatkan kerja mengubati suatu amalan yang baik dan terpuji. Namun demikian dalam Islam itu sendiri, perubatan Islam ialah yang berdasarkan ilmu dari Al-Qur'an dan Al-Hadis. Kita sedia mengetahui bahawa, Al-Qur'an adalah merupakan penawar yang sempurna untuk semua jenis penyakit dunia dan akhirat. Tetapi malangnya, orang-orang kitani tidak menggunakan kedua-dua sumber berkenaan malah mereka lebih 'berkilab' kepada perubatan yang berorientasikan syaitan, jin dan iblis.

Perkara ini dapat dilihat di mana pengamal perubatan tradisional menggunakan kuasa magik, sihir atau kuasa ghaib atau menggunakan jampi-jampian dan ayeng tawar-tawaran untuk menyembuhkan sebarang penyakit termasuk gangguan-gangguan hantu, jin dan syaitan.

Orang-orang kitani lebih gemar menjalani perubatan dengan cara sedemikian. Mereka langsung tidak mengendahkan sama ada perkara itu bercanggah dengan Islam atau sebaliknya. Tetapi disebabkan kecekatan dalam agama Islam, orang kitani lebih suka memilih jalan yang salah dari yang lurus. Inilah fenomena yang kita hadapi, yang perlu kita tangani bersama.

Kaedah perbomohan itu terang-terangan bercanggah dengan ajaran Islam sebenarnya iaitu seperti penggunaan jampi-jampian yang tidak difahami, menggunakan darah haid, amalan sihir, mendakwa pandai menarik roh dan mengetahui perkara ghaib, berupaya memperlihatkan iblis, syaitan, Malaikat dan memberi azimat kebal dan pandai memilih nasib orang.

Dan yang amat menyedihkan ada pengamal perubatan tradisional melakukan perkara maksiat yang di luar tabie manusia, seperti mencabul kehormatan pesakit wanita dan yang ganjilnya meminta ganjaran seperti 'pikaras' atau bayaran yang tinggi, jika tidak pesakit akan mendapat bala dan lambat sembuh. Semua perkara ini adalah 'temberang' dan sama sekali bertentangan dengan aqidah Islam.

Jelas kepada kita, semua amalan dan bentuk ajaran sedemikian, tidak diragui lagi membawa kepada penyelewengan dari segi aqidah. Dan yang malang lagi, pengamalannya atau pelakunya boleh terjerumus kepada kesesatan, menimbulkan fitnah dan perpecahan di kalangan keluarga dan masyarakat. Apakah kita mahu, perkara ini menjadi duri dalam daging di dalam kehidupan harian kita? Apakah kita mahu perkara ini berleluasa dan berlarutan? Setentunya kita tidak menginginkan penyelewengan ini bertapak dan bermaharajalela di bumi Darussalam ini.

Justeru itu, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin ketika berucap di Majlis Harakah Da'wah Sempena 20 Tahun Penubuhan Pusat Da'wah Islamiyah menyeru umat Islam agar bekerjasama dengan pihak autoriti dalam agama sekiranya mendapati adanya salah laku dan penyelewengan aqidah yang dilakukan oleh segelintir perawat dalam bidang pengobatan.

Maka sesuai dengan trend masa kini, sudah tiba masanya bagi kita mengubah kecenderungan dan persipi sebilangan masyarakat untuk kembali kepada perubatan Islam yang bersumberkan Al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam terutama dalam perkara atau kes-kes yang berkaitan dengan soal-soal kebatinan, gangguan makhluk halus seperti sihir-menyihir dan juga istilah yang dinamakan ilmu hitam.

Kebawah DYMM tinjau dua buah sekolah menengah

Liputan Jaafar Ibrahim
jaafar.ibrahim@information.gov.bn

JERUDONG, Rabu, 10 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanalkh Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berangkat mengadakan lawatan kerja yang tidak berjadual di kedua-dua buah sekolah menengah di Daerah Brunei dan Muara.

Mula-mula baginda berangkat meninjau Sekolah Menengah Sayyidina Husain yang terletak di Kampung Jerudong iaitu kira-kira 17 kilometer dari Bandar Seri Begawan.

Keberangkatan baginda kira-kira jam 9.30 pagi dijunjung oleh Pengetua sekolah berkenaan, Dayang Hajah Rosni binti Haji Mohd. Amin yang juga menyampaikan sembah klaimat sepanjang lawatan itu.

Dalam tinjauan baginda hampir sejam itu, baginda telah melihat secara dekat keadaan bangunan dan kemudahan yang terdapat di sekolah berkenaan. Antara yang baginda lawati ialah bilik-bilik darjah, dewan serbaguna, kantin, pejabat pentadbiran sekolah dan bilik pejabat guru-guru serta bahagian luar bangunan sekolah untuk meninjau lebih dekat akan keadaan sekolah tersebut.

Sekolah tersebut mula beroperasi pada 9 Mei 1994 dengan dikenali sebagai Sekolah Menengah Jerudong. Pada 13 Ogos 1996, sekolah tersebut dirasmikan dengan nama yang baru sebagai Sekolah

Menengah Sayyidina Husain yang terletak di tanah seluas 16.18 hektar.

Moto sekolah tersebut ialah Berilmu, Beriman dan Berwawasan, sememangnya iaitu sebagai institusi pendidikan progresif, melahirkan individu yang beriman, berilmu, serba boleh mampu menghadapi cabaran global di alaf baru serta menyumbangkan positif ke arah merealisasikan aspirasi negara.

Sejak 12 tahun lalu, sekolah berkenaan mencapai kejayaan baik di bidang akademik mahupun kokurikulum. Dalam peperiksaan Penilaian Menengah Bawah (PMB) dan peperiksaan Peringkat Biasa (O Level), sekolah tersebut mencapai keputusan yang memberangsangkan.

Kini Sekolah Menengah Sayyidina Husain mempunyai hampir 1,500 orang penuntut yang belajar dari Tingkatan Satu hingga Lima. Kebanyakannya penuntutnya datang dari kampung-kampung Sengkuring A dan B, Selayun, Sungai Tampoi, Tagap, Jerudong, Bukit Bunga, Menunggol Jerudong, Angor, Peninjau, Tanjong Nangka, Kulapis, Katimahar, Lugu dan kawasan Polo Jerudong yang kesemuanya terletak di Mukim Jerudong.

Sementara itu, jumlah tenaga pengajar ialah kira-kira 200 orang termasuk guru-guru dari luar negara.

Dari sekolah tersebut, baginda meneruskan lawatan ke Sekolah Menengah Sayyidina Hassan

yang terletak di Jalan Ban 5, Kampong Kilanas iaitu kira-kira 15 kilometer dari ibu negara.

Keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Pengetua sekolah berkenaan, Awang Haji Jumat bin Haji Salleh, yang juga menyampaikan klaimat penerangan sepanjang lawatan itu serta beberapa orang tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Sejurus keberangkatan, baginda mula-mula meninjau secara dekat bilik-bilik darjah dari Tingkatan Dua hingga Lima termasuk bilik Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Dalam lawatan hampir sejam itu, baginda juga melawat pejabat pentadbiran sekolah dan bilik pejabat guru-guru serta se-

kitar luar bangunan sekolah untuk meninjau secara dekat akan landskap sekolah berkenaan.

Seperti juga sekolah-sekolah lain, moto sekolah tersebut ialah Berusaha, Berakhlak dan Berilmu. Sementara visinya ialah menggalakkan inovasi, keusahawanan dan semangat ke arah kecemerlangan. Dalam tahun 2006 ini, sekolah tersebut mempunyai empat strategi penting untuk dicapai iaitu menjana kecemerlangan akademik, pembangunan bagi membentuk kakitangan penuntut, meningkatkan kecakapan guru dan mengeratkan hubungan kerjasama sekolah dengan masyarakat.

Institusi berkenaan yang telah mula beroperasi pada tahun 1994 kini mempunyai lebih 2,000

penuntut yang menutur dari Tingkatan Satu hingga Lima yang kebanyakan penuntutnya adalah daripada penduduk Mukim Kilanas termasuk Kampung Mulu dan Kampung Pengkal Batu. Jumlah tenaga pengajar pula ialah kira-kira 200 orang termasuk guru dari luar negara.

Selain meninjau dan melihat secara dekat keadaan pembelajaran, disiplin penuntut, keadaan bangunan dan kemudahan-kemudahan yang terdapat di sekolah-sekolah tersebut, sepanjang lawatan itu baginda juga berinteraksi bersama para penuntut dan tenaga pengajar.

Kesemuanya ini menunjukkan rasa prihatin berat baginda terhadap kepentingan pendidikan di negara ini.

Dari muka 1

Sepanjang lawatan baginda ke sekolah berkenaan, baginda menumpukan elemen-elemen tersebut yang jelas merupakan ramuan yang penting dan mustahak dalam merealisasikan pendidikan negara ini mencapai tahap yang cemerlang.

Kerana, kita tidak menafikan, pendidikan adalah merupakan aset negara yang paling berharga dan berperanan penting dalam melahirkan tenaga-tenaga kerja yang mahir dan berilmu pengetahuan dalam menjana dan meneruskan kesinambungan pembangunan negara di masa mendatang.

Dalam masa hampir tiga jam, baginda meninjau, menyaksikan dan melihat secara dekat keempat-empat aspek berkenaan. Ternyata dalam tinjauan baginda kali ini, baginda banyak meluangkan masa untuk melihat secara peribadi pembelajaran penuntut-penuntut dengan meninjau beberapa buah kelas dari kategori Tingkatan Dua hingga membawa kepada Tingkat Lima.

Baginda dalam kesempatan itu juga

berinteraksi bersama-sama para penuntut dan tenaga pengajar membincangkan isu-isu pelajaran dan kaedah-kaedah yang terbaik dalam mengesankan lagi sistem pembelajaran di negara ini. Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam kesempatan berharga itu telah menitahkan dengan menekankan betapa pentingnya para penuntut untuk menggunakan sepenuhnya kemudahan pembelajaran yang disediakan oleh kerajaan baginda dan menumpukan perhatian yang sepenuhnya terhadap pelajaran.

Sementara itu, para penuntut pula tidak melepaskan peluang keemasan, di samping menjunjung ziarah, mereka juga berinteraksi dengan baginda dan juga meninjau baginda untuk menurunkan tanda-tangan baginda di nota buku mereka.

Sepanjang keberangkatan di dua institusi pendidikan berkenaan baginda disertai oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid bin Pengiran Haji Mohd. Yassin dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Afsah binti Haji Abdul Majid, yang juga telah menyampaikan klaimat penerangan ke hadapan majlis baginda.

Hubungan Brunei - Norway semakin erat

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanalkh Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Harald V, Raja Negara Norway dan kepada Tuan Yang Terutama Jens Stol-

tenberg, Perdana Menteri Negara Norway sempena Hari Perlembagaan Negara Norway.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persahabatan yang erat yang sentiasa terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dengan Negara Norway. Baginda percaya hubungan ini akan dapat dikekalkan

lagi pada tahun-tahun akan datang ini pada peringkat dua hala dan pelbagai hala.

Seterusnya dalam perutusan itu, baginda berharap semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Harald V sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat berkenaan akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam

perutusan kepada Tuan Yang Terutama Jens Stolberg, Perdana Menteri Negara Norway, baginda juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama dan kerajaan serta rakyat tersebut sempena Hari Perlembagaan Negara Norway.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persahabatan yang erat sentiasa terjalin sejak sekian

lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Negara Norway. Keadaan sedemikian titah baginda akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa akan datang dengan kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing. Untuk itu baginda berharap semoga Perdana Menteri Norway akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Pertukaran, lantikan pegawai kanan kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 11 Mei. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanalkh Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Alai Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini Jabatan Perdana

Menteri, memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perintah bagi pertukaran dan lantikan beberapa orang pegawai kanan seperti berikut:

Datin Paduka Hajah Intan binti Haji Md.

Kassim, Pengarah Biro Mencegah Rasuah ditukar ke Kementerian Pertahanan selaku Pegawai Tugas-Tugas Khas; Pengiran Kasim bin Pengiran Haji Tahir, Ketua Penasihat Undang-Undang di Pejabat Peguam Negara ditukar dan dilantik menjadi Pemangku Pengarah Biro Mencegah Rasuah; Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Mohiddin, Pe-

ngarah Pentadbiran Am dan Kewangan, Pasukan Polis Diraja Brunei ditukar ke Kementerian Kesihatan; Pengiran Mohiddin bin Pengiran Badaruddin, Pegawai Pentadbir Kanan di Kementerian Kesihatan ditukar ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam selaku Pegawai Pentadbir Kanan dan Awang Noor Jusmin bin Haji Abd. Samad, Pegawai Pentadbir Kanan

di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ditukar ke Pasukan Polis Diraja Brunei selaku Pegawai Pentadbir Kanan, Pasukan Polis Diraja Brunei.

Menurut siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri, pertukaran-pertukaran dan lantikan-lantikan pegawai-pegawai tersebut berkuat kuasa mulai hari Jumaat, 12 Mei 2006.

KEMASYARAKATAN

Tangani masalah sosial secara bersepadu

Oleh Sukri Hidayat Haji Abu Bakar

TEMBURONG, Jumaat, 5 Mei. - Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dato Seri Pahlawan Haji Ibrahim mekankan agar semua pihak memainkan peranan masing-masing dalam usaha menangani masalah sosial serta membendung sebarang gejala negatif daripada terus merebak di kalangan masyarakat terutama generasi muda di negara ini.

Yang Dimuliakan berka- selain dari langkah-lang- yang dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, keprihatinan masyarakat juga perlu termaklukkan 'komitmen' daripada pihak swasta dan pertu-uhan-pertubuhan bukan keaja- dalam menyokong an menyediakan program-program dan aktiviti-aktiviti terfaedah kepada para belia- an remaja bagi mengisi aku lapang mereka me- hui cara yang sihat dan pro-uktif.

"Sewajarnya juga bagi bu bapa dan keluarga ter-

BLNG
beri
sumbangan

Oleh Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
aidah.omaralli@infor-
mation.gov.bn

KUALA BELAIT, Ju-
maat, 28 April. - Per-
satuan Pengurusan Ber-
hubung Isu-isu Autisma -
atihan Pendidikan dan
S u m b e r - s u m b e r
(SMARTER) menerima
sumbangan dari Syarikat
BLNG Sendirian Berhad
(BLNG).

Sumbangan berupa
cek bernilai \$3,000.00 di-
sampaikan oleh Penasihat
Khas BLNG, Bahagian
Kesihatan, Keselamatan
Alam Sekitar dan Kualiti
(HSEQ), Awang Haji
Mohd. Yusof bin Haji
Mohd. Taufik kepada
Yang Dipertua SMART-
TER Brunei, Malai Haji
Abdullah bin Malai Haji
Othman yang diadakan di
Cawangan SMARTER di
sini. Sumbangan itu me-
rupakan hasil aktiviti
amal yang diungkayahkan
oleh BLNG tahun lepas.

Dari muka 1

Baginda kemudiannya
dijunjung berangkat ke
Mes Pegawai Penanjong
Garison untuk menikmati
santap tengah hari bersama
dengan pegawai-pegawai
Institut Latihan ABDB.

Seterusnya baginda
berkenan menandatangani
Lembaran Kenangan La-

dekati sentiasa mendidik dan
memberikan perhatian ber-
terusan demi menangkis apa
juga pengaruh-pengaruh ne-
gatif sama ada dari rakan-
rakan sebaya atau media
massa, cetak dan elektronik,
tegas YDM semasa meras-
mikan Projek Menjejak Kam-
pong berlangsung di Dewan
Belalong, Kompleks Kema-
syarakatan di sini.

Tambah YDM, media
cetak dan elektronik seperti
'satelit Tv' sudah mudah dida-
pati dan diikuti siarannya
oleh semua orang di negara
ini tidak mengira kawasan
sama ada di bandar ataupun
kampungan-kampungan dan ka-
wasan pedalaman.

Segala bentuk penyiaran
elektronik dari luar ini jelas
YDM, sudah tentunya akan
mendedahkan kepada budaya
dan gaya hidup dari luar yang
mudah mempengaruhi dan
diikuti oleh remaja khusus-
nya tanpa menyedari ia akan
mendatangkan kesan negatif
kepada pembangunan akhlak
dan pemikiran mereka.

Dalam hal ini YDM
mengharapkan semoga
'orang kitani' yang bergiat
dan berkarya di dalam bidang
penyiaran khususnya Radio
dan Televisyen Brunei akan
terus menyediakan bahan-
bahan atau program-program
tempatan yang popular dan
diminati ramai yang bukan
sahaja berbentuk hiburan
tetapi dapat memberi pe-

ngaruh, pengajaran dan kesan
yang baik dan positif kepada
semua peringkat masyarakat.

Seperti Projek Menjejak
Kampung, ujar YDM, ia
bukan sahaja membolehkan
masyarakat setempat menge-
nali lebih dekat, meningkat-
kan kefahaman dan perhu-
bungan yang baik dengan
pihak media tetapi melalui
pelbagai acara dan aktiviti
yang disusun ia bukan sahaja
memberikan hiburan malah
memberikan pengalaman
serta pengajaran yang bergu-
na dan berfaedah kepada
anggota masyarakat.

Pada majlis itu YDM juga
berharap agar kepimpinan
akar umbi yang diterajui oleh
penghulu-penghulu mukim
dan ketua-ketua kampung
dapat mengambil peluang
dari Projek Menjejak Kam-
pong sebagai satu wadah
dalam mempromosi dan me-
nonjolkan produk-produk
kampung, kebudayaan, amal-
an-amalan serta nilai-nilai
tradisi masyarakat setempat.

Apa yang lebih penting,
saran, YDM, ia dapat menon-
jolkan usaha-usaha perusa-
haan dalam membangun dan
memajukan kampung supaya
akan dapat dikongsikan dan
menjadi contoh dan teladan
yang dapat diikuti oleh kam-
pong-kampung lain.

Daerah Temburong ujar
YDM mempunyai keunik-
annya tersendiri dengan pel-
bagai hasil produk seperti
pembuatan makanan tradisi,



**PEMANGKU Menteri Hal
Ehwal Dalam Negeri, Yang
Dimuliakan Pehin Orang
Kaya Dewa Pahlawan Dato
Paduka Haji Awang Dani.**

hasil kraf tangan dan se-
umpamanya yang mempun-
yai keistimewaan dan iden-
titinya tersendiri yang boleh
diusahakan dengan baik dari
segi teknik, mutu pengelu-
aran serta pembungkusan
dan pemasarannya supaya
bukan sahaja dapat dipa-
sarkan di dalam negara tetapi
juga mampu menembusi
pasaran luar negara.

Pekan Bangar pula, me-
nurut YDM, merupakan
pintu masuk ke Ulu Tem-
burong yang sudah menjadi
destinasi pelancongan dige-
mari dan terkenal bukan
sahaja kepada pelancong-
pelancong dari luar dan
dalam negara malah sering
dikuasai oleh pembesar-
pembesar negara dari luar
negara.

Pada majlis itu, YDM
juga mengingatkan bahawa
sabagai rakyat dan penduduk
yang bernaung di Negara
Brunei Darussalam ini kita
mestilah mempunyai sema-
ngat patriotik iaitu kecintaan
dan kesetiaan kepada negara,
agama, raja dan bangsa.

Dana Pengiran Muda Mahkota terima sumbangan \$7,000.00

Oleh Bolhassan Haji Abu Bakar bolhassan.bakar@information.gov.bn

JERUDONG, Ahad, 30 April. - Dana
Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah
Untuk Anak-anak Yatim terus menerima
sumbangan derma dari pelbagai pihak yang
prihatin terhadap golongan yang kurang
bernasib baik di negara ini.

Sehubungan dengan itu sebahagian hasil
dari penjualan tiket Konsert Mega The
Dream Expands yang dianjurkan oleh
'Expression Music' telah didermakan kepada
Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee
Billah Untuk Anak-anak Yatim.

Sumbangan derma berjumlah \$7,000.00

yang diterima oleh Menteri Kebudayaan,
Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin
Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B)
Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad
selaku tetamu kehormat telah diserahkan
kepada Ketua Pegawai Eksekutif Dana
Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah
Untuk Anak-anak Yatim, Dato Paduka Awang
Haji Ali Hashim bin Haji Daud.

Konsert Mega 'The Dream Expands'
berlangsung di The Empire Theatre, Empire
Hotel and Country Club.



**KONSERT Mega 'The Dream Expands' yang dianjurkan oleh Expression Music telah berlang-
sung di The Empire Theatre, Empire Hotel and Country Club. - Foto: Mohd. Zul-izzi Haji**

Agensi kerajaan perlu proaktif memperkenalkan perkhidmatannya

Oleh Abu Bakar haji Abdul Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

TUNGKU, Selasa, 2 Mei. -
Naib Canselor Universiti
Brunei Darussalam
(UBD), Dato Paduka Dr.
Haji Ismail berkata, agensi
kerajaan khususnya yang
berhadapan dengan orang
ramai perlu mengambil
langkah proaktif bukan
hanya memperkenalkan
produk dan perkhidmatan-
nya yang tersedia malah
memberi tahu bahawa
fungsi agensi-agensi kera-
jaan perlu berubah dan
tidak lagi sekadar mengend-
alikan fungsi yang 'stereo
type' dan 'routine' tapi
menggambarkan 'rele-
vancy' dan kepentingan-
nya dalam era penuh per-
saingan ini.

Persaingan menurut
Dato Paduka, tidak lagi
dalam erti kata produk atau
perkhidmatan yang sama
atau bertolak dari garisan
yang sama tetapi persaingan
mencapai dan menarik
pelanggan atau pengguna
yang dipanggil 'market
share'.

Dalam hal itu, katanya
kehadang semasa dan ke-
inginan orang ramai perlu
diambil kira, kerana mere-
ka merupakan 'stake-
holder' yang sangat pen-
ting untuk menentukan ke-
wujudan institusi berke-
naan.

Dato Paduka menje-
laskan pendekatan kera-
jasama dan sikap proaktif
dengan menghampiri
pelanggan atau mendekati

orang ramai melalui pro-
duk sangat sesuai, meman-
dangkan orang ramai se-
makin sibuk dan kehilang-
an masa kerana urusan-
urusan lain yang diberikan
lebih keutamaan.

Dato Paduka Dr. Haji
Ismail menjelaskan per-
kara tersebut semasa me-
rasmikan Pameran Kha-
zanah dan Kesenian War-
isan Bangsa Sempena
Ulang Tahun Penubuhan
Ke-20 UBD di Ruang
Legar Perpustakaan UBD
di sini.

Menyentuh pameran
tersebut, beliau menyata-
kan ia merupakan satu
usaha memperkenalkan
khanazah ilmu, kepandaian
dan teknologi bangsa
Brunei yang mempunyai
mutu tersendiri dan unik,
di samping maklumat
penting untuk disebarkan
bukan saja untuk bangsa
Melayu tetapi juga semua
pihak di negara ini yang
mempunyai beraneka kha-
zanah dan kesenian selain
berguna kepada masya-
rakat antarabangsa di UBD
yang ingin sama-sama
mengetahui dan menda-
lami seni dan warisan
Brunei.

Jelasnya, pameran ter-
sebut akan membuka mata
dan minda generasi baru
untuk mengambil berat ter-
hadap harta benda, barang-
barang antik yang diper-
olehi dari zaman ke zaman,
hasil kesenian atau per-

tukangan tangan orang-
orang kitani yang perlu di-
tonjolkan agar generasi
akan datang tahu dan me-
ngenalinya seterusnya da-
pat mengetengahkan ilmu
kesenian ini ke satu tahap
yang dapat dikomersial-
kan.

Ke arah itu, beliau me-
nyeru supaya teknologi,
kepandaian dan kemahiran
dalam bidang seni per-
tukangan tangan Brunei ini
dapat dibuat pengkajian
dan seterusnya didoku-
mentasikan agar ia dapat
diselidiki dan dirujuk
untuk perkembangan ilmu
dan inovasi.

Sementara itu Awang
Haji Abdullah, Pengerusi
Pameran Perpustakaan me-
nerangkan bahawa Jabatan
Muzium-Muzium Brunei
dan Pusat Latihan Kesen-
ian dan Pertukangan tan-
gan Brunei di jemput ke
pameran tersebut kerana
agensi-agensi tersebut
mempunyai hubungan
dari segi motif, fungsi dan
keperluannya kepada
bangsa dan negara.

Malah jelasnya, pamer-
an tersebut juga selaras de-
ngan projek Jabatan Mu-
zium-Muzium Brunei yang
sedang mengadakan jera-
yawara mengenai barang-
barang yang telah di
jumpai, dikumpul, dikaji,
diselidik, disimpan dan
dipelihara supaya dipa-
merkan untuk pengetahuan
generasi baru, manakala
Pusat Latihan Kesenian
dan Pertukangan Tangan
pula berfungsi sebagai or-
ganisasi yang mengumpul
dan mengaktifkan hasil
tangan dari zaman dulu
lagi.



**PENASIHAT Khas BLNG, Bahagian Kesihatan, Keselamatan Alam Sekitar dan Kualiti (HSEQ),
Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Mohd. Taufik menyampaikan sumbangan cek kepada Yang Di-
pertua SMARTER Brunei, Malai Haji Abdullah bin Malai Haji Othman. - Foto ihsan SMARTER.**

watan dan menerima pe-
sambah yang disembahkan
oleh Komandan Institut
Latihan ABDB.

Keberangkatan lawatan
kerja baginda ke Institut
Latihan ABDB berakhir
dengan sesi bergambar
ramai bersama pegawai-
pegawai dan berkenan
untuk menerima junjung
ziarah dari pegawai-
pegawai Institut Latihan

ABDB dan para jemputan
khas.

Sejak lawatan baginda
pada 15 Mei 2000,
keberangkatan lawatan
kerja hari ini tentunya
menjadi catatan penting
dalam sejarah Institut
Latihan ABDB dan ia akan
menjadi ristaan seluruh
warga Institut Latihan
ABDB terhadap kepri-
hatinan baginda ke atas hal

ehwal ketenteraan bukan
sahaja didalam aspek latih-
an, bahkan pemedulian ba-
ginda mengenai isu-isu
kesejahteraan warga ten-
tera.

Ia juga akan menjadi
aspirasi anggota tentera
untuk terus komited di-
dalam mendukung peranan
ABDB dengan lebih wi-
bawa dan berkualiti tinggi.

LAWATAN RASMI DYT dan YTM KE REPUBLIK SINGAPURA

Kunjungan muhibah kepada Perdana Menteri Singapura

SINGAPURA, Selasa, 9 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Inspektor Jeneral Polis berkenan berangkat bagi membuat kunjungan muhibah kepada Perdana Menteri Republik Singapura di hari ketiga lawatan rasmi Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah ke Republik Singapura.

Majlis Kunjungan Muhibah bersama Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong berlangsung di Istana Negara.

Semasa perjumpaan itu, Duli Yang Teramat Mulia dan Tuan Yang Terutama bertukar-tukar pandangan mengenai hubungan dua hala. Kedua-dua

buah negara itu juga membincangkan isu-isu serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama dalam usaha memantapkan lagi hubungan kedua-dua negara dalam pelbagai bidang.

Mengiringi Duli Yang Teramat Mulia dalam perbincangan itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

Selesai sahaja majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia bersama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri kemudiannya diraikan dengan Majlis Santap Tengah Hari sempena lawatan rasmi ke Republik Singapura yang berlangsung di Istana Negara.

Majlis Santap Tengah Hari disembahkan oleh Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong dan isteri.

Di antara orang kenamaan yang hadir di majlis

Liputan Aliddin Haji Mokhtal
aliddin.mokhtal@information.gov.bn
Siti Muslihat Haji Salleh
muslihat.salleh@information.gov.bn
Foto :
Ramli Tengah dan Pg. Rafee Pg. Dato
Paduka Haji Metassim

itu ialah Menteri Pendidikan, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam dan isteri serta Menteri Kesihatan, Tuan Yang Terutama Khaw Boon Wan dan isteri.

Selepas itu, Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan menerima mengadap Menteri Kanan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Goh Chok Tong di ruang lain Istana Negara.

Hubungan rapat bersama antara kerajaan kedua-dua buah negara telah meningkat melalui pelbagai kerjasama seperti dalam bidang kepolisan, misalnya kedua-dua belah pihak telah mengadakan latihan bersama dimana kedua-duanya telah bersetuju untuk bertukar-tukar pendapat bagi

meningkatkan lagi kualiti pasukan dan persahabatan di antara kedua-dua buah negara.

Pasukan Polis Republik Singapura dan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) telah mengadakan latihan bersama baru-baru ini yang dikenali sebagai Latihan BRUSING XIV yang bermula pada 9 hingga 26 April yang lalu.

Kedua-dua negara juga melibatkan pelbagai aktiviti iaitu latihan polis hutan dari anggota Polis Simpanan Kompeni C dan Kontinjen Polis Gurkha Republik Singapura di kawasan sungai Payau Labi, Ulu Belait.

Sementara latihan taktik anti-penggunaan di antara Pasukan Gerak Khas PDB dan Pasukan Tindakan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ketika berkenan membuat kunjungan muhibah kepada Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong di Istana Negara.

Khas Polis Gurkha Republik Singapura di kawasan sasar Seremban-Tutong. Padang Tembak PDB, Kampong Tungku, Jerudong, Jerudong International School, Khemah Skwad Tempur Khas Angkatan Bersenjata Diraja

Brunei, Ibu Pejabat Polis Gadong dan Flat Berek Kelamin, Blok 'B' Balai Polis Pusat Bandar Seri Begawan.

Hubungan diplomatik itu terus dipereratkan lagi sebaik sahaja Negara Brunei Darussalam men-

capai kemerdekaan penuh pada Januari 1984 dan hubungan dua hala itu terus diperkukuhkan lagi melalui pertukaran lawatan antara pemimpin-pemimpin negara dan para pegawai atasan kedua-dua buah negara tersebut.



DYT disembahkan pesambah sebuah Pedang Pesuruhjaya dikenali sebagai 'Pedang Temasek' semasa Majlis Santap Beradat. Berangkat sama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah.

Berangkat ke Majlis Santap Beradat

SINGAPURA, Selasa, 9 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Inspektor Jeneral Polis dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan berangkat ke Majlis Santap Beradat yang disembahkan oleh Pasukan Polis Republik Singapura. Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia di Mes Pegawai Kanan Polis dijunjung oleh Pesuruhjaya Pasukan Polis Republik Singapura, Dato Seri Pahlawan Khoo Boon Hui dan para pegawai kanan polis Republik Singapura.

Sejurus keberangkatan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani buku lawatan dan seterusnya berkenan beramah mesra bersama para pegawai kanan Pasukan Polis Republik Singapura.

Juga berangkat ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

Sebelum majlis bermula, Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia berkenan mengabadikan gambar kenangan bersama para pegawai kanan polis kedua-dua belah pihak di kawasan pintu masuk Mes Pegawai.

Di Dewan Santap, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima pesambah yang berupa sebuah Pedang Pesuruhjaya dikenali sebagai 'Pedang Temasek'.

Ia merupakan acara tradisi Pasukan Polis Singapura sebagai tanda penghormatan bagi meraikan tetamu-tetamu khas yang terdiri dari pembesar-pembesar negara.

Siri Pedang Pesuruhjaya, 'Pedang Temasek' ini merupakan edisi keempat sejak mula diperkenalkan pada tahun 1982.

Pedang-pedang siri pertama dan ketiga telah direka dan dihasilkan oleh

sebuah Syarikat Pedang Wilkinson di London.

Pedang Temasek ini pula merupakan pedang pertama yang dihasilkan dan ditiru semula dengan lambang 'Lencana Diraja' oleh syarikat yang lain disebabkan syarikat terdahulu berhenti menghasilkan pedang.

Bongkol di hulu Pedang Temasek direka menyerupai kipas yang diukir dengan lambang Kerajaan Republik Singapura.

Bentuk seolah-olah kipas itu menggambarkan bahawa Pasukan Polis Singapura berada di merata tempat di Republik Singapura, sementara di sebelah mata pedang diukir dengan nama keseluruhan Pesuruhjaya Pasukan Polis sehingga ke hari ini.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1819 Pasukan Polis Republik Singapura mencatatkan 18 orang pesuruhjayanya dan sehingga 31 Mac 2005 pasukan ini mempunyai seramai 37,839 anggota.

Menerima mengadap

SINGAPURA, Khamis, 11 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Menteri Pertahanan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Rear Admiral (NS) Teo Chee Hean yang berlangsung di Hotel Grand Hyatt.

Pada Majlis Mengadap itu, Duli Yang Teramat Mulia dan Tuan Yang Terutama melahirkan rasa puas hati mengenai hubungan yang sangat baik dalam bidang pertahanan di antara kedua-dua buah negara.

Mengiringi Duli Yang Teramat Mulia dalam majlis perbincangan itu ialah Yang Amat Mulia



DYT menerima mengadap Menteri Pertahanan Republik Singapura, TYT Rear Admiral (NS) Teo Chee Hean berlangsung di Grand Hyatt. Berangkat di majlis itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

Pengiran Muda Abdul Qawi.

Negara Brunei Darussalam mempunyai hubungan tradisi yang cukup erat sejak sekian lama dengan Republik Singa-

pura dan mempertingkatkan lagi hubungan diplomatik secara rasmi setelah Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan sepenuhnya pada tahun 1984.

Jalinan kerjasama antara kedua-dua buah negara meliputi pelbagai bidang seperti politik, ekonomi, pendidikan, ketenteraan, penyiaran, kebudayaan dan teknologi.

Melawat Institut Kesihatan Mental

SINGAPURA, Selasa, 9 Mei. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah mengadakan atur cara lawatan berasingan di sebelah pagi, hari ketiga lawatan rasmi ke Republik Singapura dengan berangkat melawat Institut Kesihatan Mental (IMH) atau juga dikenali sebagai Hospital Woodbridge.

Ketibaan Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Ketua Eksekutif IMH, Leong Yew Meng dan Naib Pengerusi Lembaga Perubatan institut berkenaan, Profesor Rathi.

Sebelum memulakan lawatan ke beberapa lokasi di institut ini, Yang Teramat Mulia terlebih dahulu disambatkan taklimat mengenai latar belakang, misi dan visi penubuhannya iaitu sebagai pusat pi-

lian bagi rawatan kesihatan mental menjelang tahun 2007. Sembah taklimat disambatkan oleh Leong Yew Meng.

Sejurus selepas itu, Yang Teramat Mulia dijunjung untuk menanam sepon pokok 'Ironwood' sebagai tanda keberangkatan YTM ke institut ini.

Sepanjang lawatan, Yang Teramat Mulia antaranya dibawa meninjau muzium mini, wad kanak-kanak, wad pemulihan dan wad peribadi khas atau wad kelas pertama.

Institut yang dibina di tapak seluas 30 hektar berupaya menempatkan sekitar 2,200 pesakit mental di dalam 55 buah wad yang terletak di Buangkok Green Medical Park, Buangkok View. Ianya menawarkan pelbagai



YTM menyaksikan model bangunan Institut Kesihatan Mental (IMH) di Buangkok Green Medical Park, Buangkok View.

perkhidmatan yang lebih komprehensif bagi para pesakit mental daripada tiga kumpulan umur iaitu kanak-kanak dan remaja, dewasa dan juga orang tua.

Antara misi institut berkenaan ialah untuk

menyediakan perkhidmatan yang mudah diperolehi, bersepadu dan komprehensif kos efektif, di samping meneruskan pembelajaran dan penyelidikan terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

LAWATAN RASMI DYTM DAN YTM KE REPUBLIK SINGAPURA

Lawatan ke Jabatan Penyiasatan Jenayah dan Polis Kawalan Pantai

SINGAPURA, Selasa, 9 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Inspektor Jeneral Polis Diraja Brunei hari ini berangkat meneruskan atur cara lawatan bagi hari ketiga lawatan rasmi ke Republik Singapura dengan mengadakan lawatan ke Jabatan Penyiasatan Jenayah (CID) dan Polis Kawalan Pantai (Police Coast Guard) di Kompleks Cantonment di sini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia ke CID dijunjung oleh Pesuruhjaya Polis Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dato Seri Pahlawan Khoo Boon Hui.

Turut sama bagi mengiringi keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi dan Menteri Negara Kanan di Kementerian Undang-Undang dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Tuan Yang Terutama Associate Professor Ho Peng Kee selaku Menteri Pengi-

ring sepanjang lawatan rasmi Duli Yang Teramat Mulia ke Republik Singapura.

Duli Yang Teramat Mulia dijunjung berangkat naik ke tingkat 25 bagi disambatkan taklimat mengenai struktur CID dan hubungannya antara Interpol Brunei Darussalam dan Interpol Republik Singapura dalam berkongsi maklumat dan pengetahuan penyiasatan yang disambatkan oleh Pengarah CID, Penolong Pesuruhjaya Kanan Polis Republik Singapura, Lock Wai Han.

Sebagai anggota ASEANAPOL, kedua-dua Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pasukan Polis Republik Singapura komited kepada pertubuhan tersebut. Pada sidang tahunan Ketua-ketua Polis ASEAN, (ASEANAPOL) Ke-25 di Bali, Republik Indonesia tahun lalu antara lain membincang dan meluluskan beberapa ketetapan seperti meningkatkan mekanisme kerjasama dan penyaluran antara negara-negara anggota dalam memerangi pengedaran dadah, penganas, membanteras penyeludupan

manusia, pertukaran maklumat perisikan dan maritim. Di samping mewujudkan kerjasama dalam menangani jenayah-jenayah komersial, pemalsuan kad kredit serta bertukar-tukar maklumat dan perkongsian teknik penyiasatan.

Seterusnya Duli Yang Teramat Mulia dijunjung melawat ke beberapa cawangan yang terdapat di jabatan berkenaan.

Dari CID, Duli Yang Teramat Mulia dijunjung untuk melawat Polis Kawalan Pantai (Police Coast Guard) di Pangkalan Brani di Tanjong Pagar.

Di sini Duli Yang Teramat Mulia disambatkan taklimat mengenai tanggungjawab dan Operasi Polis Kawalan Pantai dalam mengawasi keselamatan di perairan Singapura dan kedaulatan republik itu.

Sebelum Duli Yang Teramat Mulia dijunjung berangkat melawat ke Blok 'B' Hanger, Duli Yang Teramat Mulia dijunjung untuk menandatangani buku lawatan.

Di kawasan Blok 'B'

Liputan
Aliddin Haji Mokhtal
aliddin.mokhtal@information.gov.bn
Siti Muslihat Haji Salleh
muslihat.salleh@information.gov.bn
Foto:
Ramli Tengah dan
Pg. Rafee Pg. Dato
Paduka Haji
Metassim

Hanger di sini, Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan meninjau secara dekat beberapa kenderaan yang dibina khas yang digunakan dalam operasi tertentu.

Antara kenderaan yang dipamerkan termasuk kenderaan taktikal polis, kenderaan pancutan air dan kenderaan Unit Pengangkutan.

Juga menarik perhatian Duli Yang Teramat Mulia ialah persembahan serangan taktikal yang disambatkan oleh beberapa anggota pasukan khas polis kawalan pantai dalam menyelamatkan kapal yang dirampas.

Semasa keberangkatan



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah disembarkan taklimat mengenai operasi membebaskan kapal semasa berangkat melawat ke Pasukan Polis Kawalan Pantai.

ini, Duli Yang Teramat Mulia memperlihatkan ketangkasan dalam menggunakan senjata pistol.

Pusat Polis Kawalan Pantai ini diamanahkan untuk menguatkuasakan undang-undang maritim. Di samping menjalankan perkhidmatan lain termasuk mengawal sempadan perairan Republik Singapura. Semasa perang pengawal pantai dipertanggungjawabkan bagi mengawal keselamatan pelabuhan, menangkis perisikan tentera laut dan meronda kawasan pantai.



DYTM menyaksikan peralatan yang terdapat di Jabatan Penyiasatan Jenayah (CID).

Mengunjungi Persatuan Badminton Singapura

SINGAPURA, Selasa, 9 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Inspektor Jeneral Polis, di sebelah petangnya meneruskan lawatan ke Persatuan Badminton Republik Singapura.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Yang Terutama Lim Swee Say yang juga Presiden Persatuan Badminton Republik Singapura; Bekas Setiausaha Parlimen Kanan, Kementerian Penerangan, Perhubungan dan Kesenian, Tuan Yaitman Yusof dan Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Masyarakat, Belia dan Sukan dan Kementerian Pembangunan Negara, Dr. Mohamad Maliki Osman

serta pemain-pemain dari Pasukan Kebangsaan Republik Singapura.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan menyertai perlawanan persahabatan badminton berpasangan dengan bekas Setiausaha Parlimen Kanan, Kementerian Penerangan, Perhubungan dan Kesenian, Tuan Yaitman Yusof, manakala Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi berpasangan dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Yang Terutama Lim Swee Say yang juga Presiden Persatuan Badminton Republik Singapura.

Seterusnya Duli Yang Teramat Mulia berpasangan dengan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi dalam perlawanan persahabatan bersama dua orang pemain kebangsaan badminton Republik Singapura iaitu Kendrick Lee



DYTM berpasangan dengan YAM Pengiran Muda Abdul Qawi semasa perlawanan persahabatan badminton bersama pemain kebangsaan Singapura.

dan Erwin.

Dalam perlawanan itu Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Amat Mulia memamerkan permainan yang sangat baik dengan memberikan persaingan yang hebat kepada pihak lawan.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya diperkenalkan bersama para pe-

main dari pasukan Kebangsaan Republik Singapura dan sebelum berangkat pulang, Duli Yang Teramat Mulia berkenan berpasangan dengan seorang pemain wanita kebangsaan Republik Singapura.

Dalam perlawanan itu, pasangan Duli Yang Teramat Mulia telah berjaya menewaskan pasangan la-

wannya.

Dewan Badminton Singapura dibuka pada tahun 1951 dan dilengkapi dengan enam buah gelanggang badminton serta boleh menampung lebih 5,000 penonton bagi menyaksikan sebarang perlawanan yang diadakan di dewan ini.

Berangkat ke Pusat Sukan Tanglin

SINGAPURA, Selasa, 9 Mei. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab Rahman berangkat ke Pusat Sukan, Tanglin bagi perlawanan skuasy persahabatan.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia ke kelab tersebut dijunjung oleh Presiden Persatuan Raket Skuasy Singapura, Desmond Hill dan seterusnya menyambatkan taklimat ringkas mengenai kelengkapan yang terdapat di gelanggang skuasy ini.

Pusat sukan ini dibina dalam tahun 1978 dan mempunyai beberapa gelanggang skuasy termasuk sebuah gelanggang bagi perlawanan bergu berpasangan.

Pusat Gelanggang Skuasy ini merupakan sebahagian kemudahan sukan yang dapat diperolehi di Kelab Tanglin.

Selain skuasy, Pusat Sukan Tanglin juga menyediakan pelbagai kemudahan sukan lain termasuk tenis, ruang aerobik, gimnasium dan sebagainya.

Pada masa ini, kerja-kerja pembinaan sedang giat dilaksanakan bagi menambah kemudahan-kemudahan sukan yang lain iaitu gelanggang tertutup bagi sukan tenis dan 'lawn ball' serta kawasan letak kereta.

Semasa lawatan Yang Teramat Mulia juga telah mengadakan perlawanan persahabatan bersama bekas pemain skuasy terkemuka Singapura, Zainal Abidin.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah semasa beraksi di perlawanan persahabatan bersama bekas pemain skuasy terkemuka Singapura, Zainal Abidin di Pusat Sukan Tanglin.

SINGAPURA, Khamis, 11 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab Rahman berangkat ke Night Safari salah sebuah tempat yang menjadi tarikan pelancong.

Juga berangkat ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

Sejurus keberangkatan tiba, Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Kurator Night Safari, Tuan Kumar

Pillai dan Pengarah Eksekutif, Puan Tanny Laj.

Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia kemudian dijunjung menaiki 'tram', kenderaan khusus untuk membawa penumpang melalui kawasan sepanjang 3.2 kilometer di dalam kawasan seluas 40 hektar yang mengambil masa selama 45 minit.

Sepanjang laluan, para penumpang menyaksikan pelbagai jenis binatang liar, antaranya dari kawasan pergunungan Himalaya, Asia Tenggara termasuk Afrika Selatan.

Antara binatang-binatang yang boleh disak-

sikan termasuklah, badak sumbu, gajah, zirafah, harimau dan singa serta pelbagai binatang liar yang lain yang sukar dilihat dan didapati dirantai sebelah sini.

Mula beroperasi dalam tahun 1994, tempat yang jauh dari kebisingan kota ini menempatkan lebih 1,000 spesies binatang liar di belantara yang sering keluar pada waktu malam.

Setiap pelancong yang menaiki laluan 'tram' di tegah membuat sebarang penggambaran, kerana binatang-binatang di dalam kawasan ini amat sensitif kepada sinaran lampu atau pancaran kamera.

Berkunjung ke Night Safari

KESIHATAN

Menjaga kesihatan melalui gaya hidup sihat



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan menyertai senamrobik pemanas badan sebelum memulakan aktiviti berjalan kaki dan mendaki bukit di kawasan Tasek Lama, Bandar Seri Begawan. - Foto: Abdullah Haji Awang Damit.

Oleh Haji Ahmad Haji Salim ahmad.salim@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 30 April. - Mengawal penyakit lebih baik daripada mengubatinnya merupakan ungkapan yang sungguh bermakna di mana setiap orang perlu menjaga kesihatan melalui pelbagai kegiatan yang menjurus kepada gaya hidup sihat.

Sehubungan dengan itu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya hari ini menganjurkan aktiviti berjalan kaki dan mendaki bukit di kawasan Tasek Lama dikendalikan oleh Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya

Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan; Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Idris bin Haji Belaman adalah antara yang menyertai kegiatan tersebut.

Sebelum aktiviti berjalan kaki dikendalikan oleh pegawai dan kakitangan Jabatan Penjara diikuti dengan aktiviti berjalan kaki dan mendaki sejauh kira-kira 3.2 kilometer.

Aktiviti yang merupakan salah satu projek

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri itu juga antara lain bertujuan untuk mempromosikan kawasan Tasek Lama sebagai kawasan riadah kepada orang ramai sesuai dengan alam semula jadinya yang indah dan terdapatnya air terjun di kawasan tersebut.

Menurut pihak penganjur, untuk memberikan keselesaan kepada orang ramai menjalankan aktiviti-aktiviti kesihatan di kawasan Tasek Lama, Jabatan Bandaran telah membuat beberapa pembinaan ke atas kawasan tersebut dengan membina beberapa buah pondok, landskap, tempat berjalan kaki selain surau, tandas dan sebagainya.

Kementerian Pertahanan tangani Pandemik Influenza

BERAKAS, Rabu, 19 April. - Kementerian Pertahanan telah mengadakan susulan taklimat dan Forum Mengenai Menangani Pandemik Influenza di Dewan Pahlawan, Berakas Garison.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis itu ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof. Juga hadir di majlis itu ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat; Timbalan Setiausaha Tetap 1, Pemerintah dan Komandan Unit ABDB dan Pengarah-pengarah

Kementerian Pertahanan.

Kira-kira 400 orang para pegawai tentera dan awam, ketua-ketua jabatan dan juga para wakil jemputan dari Kementerian Kesihatan dan Jabatan Pertahanan hadir di majlis tersebut.

Kementerian Pertahanan telah menghasilkan Rancangan Pandemik Influenza sendiri iaitu Rancangan Pandemik Influenza Kementerian Pertahanan atau 'The Ministry of Defence Influenza Pandemic Preparedness Plan (IPPP)' pada bulan Disember tahun lepas yang mana adalah ulasan Pelan Tindakan yang telah dikeskinkan sejajar dengan Rancangan Pandemik Influenza Kementerian Ke-

sihatan dan Jabatan Pertahanan.

Taklimat tersebut adalah bagi memberikan keterangan terperinci kepada para pegawai dan anggota-anggota mengenai Rancangan Pandemik Influenza Kementerian Pertahanan agar mereka faham terhadap peranan dan tanggungjawab fasa-fasa Pandemik Influenza.

Skop taklimat ini meliputi perkembangan Pandemik Influenza, Strategi Rancangan Pandemik Influenza Kementerian Pertahanan, keterangan rancangan persediaan fasa tiga hingga enam, bantuan-bantuan ABDB kepada negara serta peranan dan tanggungjawab yang perlu diambil jika berlakunya

Wabak Selesema Burung di Negara Brunei Darussalam.

Taklimat ini juga menekankan perlindungan-perindungan bagi kesejahteraan seluruh warga Kementerian Pertahanan, ABDB, memastikan tugas seharian masih dapat diteruskan dan mengekalkan semangat keyakinan diri dan juga menyahut sokongan negara.

Sebelum itu, ABDB telah mengadakan demonstrasi kounter khas melayani pesakit (flu desk) Pandemik Influenza dan klinik pengasingan di Berakas Garison sebagai kesinambungan Rancangan Pandemik, Influenza Kementerian Pertahanan.



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi semasa hadir di Majlis Forum.



TAKLIMAT juga mengetengahkan sesi soal jawab.

Utamakan kebersihan sekolah

Oleh Abdullah Asgar abdullah.asgar@information.gov.bn

BERAKAS, Sabtu, 6 Mei. - Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin mengingatkan kepada guru-guru besar di sekolah-sekolah agama di negara ini supaya mengutamakan kebersihan sekolah masing-masing.

Jelasnya, kebersihan itu bukan saja dititikberatkan kepada persekitaran bangunan malah yang lebih penting ialah penggunaannya semestinya tahu dan bertanggungjawab mengenai kebersihan.

"Dalam agama Islam sendiri mementingkan kebersihan dalam setiap umatnya ditambah lagi sekolah agama itu dan guru-gurunya dijadikan contoh oleh masyarakat di negara ini dalam hal kebersihan," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat menam-

bah, kebersihan itu bukan saja dikekalkan atau dijaga pada bangunan kekal sekolah agama milik Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) malah bagi bangunan milik Kementerian Pendidikan dan bangunan sementara juga mestilah dijaga kebersihannya.

Yang Berhormat meluahkan peringatannya itu ketika lawatan kerja ke Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah Berakas, KHEU yang bertujuan bagi meninjau prasarana dan memastikan kebersihan sekolah agama dititikberatkan.

Dalam lawatan itu Yang Berhormat juga mengingatkan kepada guru-guru supaya meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran serta mengemaskini lagi kurikulum, buku-buku teks agama dan mata-

mata pelajaran yang diajarkan di sekolah-sekolah agama.

Di samping itu, Yang Berhormat juga menekankan mengenai pendidikan Al-Qur'an dan amali agama bagi setiap murid sekolah bagi memastikan perkara fardu ain mereka diajarkan sehingga benar-benar betul, termasuklah sembahyang mereka bermula dari mengambil wuduk hinggalah di akhir sembahyangnya mengucapkan salam.

Lawatan Yang Berhormat itu disertai sama oleh Pengarah Pengajian Islam, Dayang Hajah Kasmah binti Haji Siput; Penolong Pengarahnya, Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abdul Ghani serta pegawai-pegawai KHEU.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah diikuti dengan taklimat oleh Guru Besar sekolah

tersebut, Dayang Hajah Salmah binti Haji Ahmad.

Kemudian diikuti dengan sesi perbincangan bersama Yang Berhormat dan setelah itu diteruskan dengan meninjau serta melawat secara lebih dekat proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah berkenaan.

Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah merupakan bangunan kekal di bawah KHEU yang mula digunakan pada tahun 1988 dalam sesi pagi dan petang bermula dari pra hingga darjah enam.

Sekolah tersebut kini ini mempunyai keramaian penuntut bagi sesi pagi seramai 448 orang dengan menggunakan 19 buah bilik darjah dan 26 orang tenaga pengajar manakala bagi sesi petang pula mempunyai seramai 801 orang murid dengan menggunakan 30 buah bilik darjah dengan 30 orang guru.

Inisiatif Jepun - ASEAN membendung Pandemik Influenza

JAKARTA, Selasa, 2 Mei. - Timbalan Menteri Luar Jepun, Tuan Yang Terutama Mitoji Yabunaka telah menyerahkan senarai ubat dan peralatan bagi menangani Pandemik Influenza kepada Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Ong Keng Yong.

Keseluruhan 500,000 biji Tamiflu dan 700,000 pasang peralatan keselamatan kakitangan (PPE) akan disimpan di Republik Singapura di bawah Inisiatif Jepun - ASEAN menangani Pandemik In-

fluenza.

Projek ini berasaskan inisiatif yang diumumkan oleh Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Koizumi semasa Sidang Kemuncak ASEAN - Jepun yang diadakan pada bulan Disember 2005 lepas.

Pada persidangan tersebut, Perdana Menteri Jepun mengumumkan bahawa beliau akan membantu integrasi ASEAN dan menyumbang 7.5 bilion yen (AS\$70.1) kepada ASEAN termasuk projek

simpanan (stockpile) menghadapi kemungkinan berlakunya Pandemik Influenza.

Berdasarkan inisiatif beliau itu, dana baru Tabung Integrasi Jepun - ASEAN (JAIF) telah ditubuhkan dengan rasminya pada 27 Mac 2006 dan merupakan yang pertama di bawah dana baru itu.

Majlis tersebut juga menandakan bermulanya fasa simpanan Tamiflu dan PPE yang disimpan dalam gudang di Republik Singapura.

UGAMA

Sempurnakan pendidikan fardu ain

Oleh Bolhassan Haji Abu Bakar bolhassan.bakar@information.gov.bn

TUTONG, Rabu, 3 Mei. - Guru-guru besar dan guru-guru sekolah agama disarankan agar terus memberikan sumbangan dan kerjasama dalam pendidikan agama, khususnya dalam menyempurnakan fardu ain iaitu sembahyang fardu lima waktu para pelajar dan pembacaan Al-Qur'an.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain menyuarakan perkara itu dalam perjumpaan bersama kumpulan keempat guru-guru besar dan guru-guru sekolah agama seluruh negara hari ini.

Dalam perjumpaan yang berlangsung di Sekolah Ugama Pengiran

Anak Puteri Nor'ain di sini, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa sumbangan dan kerjasama dari guru-guru besar amat penting dalam usaha mempertingkatkan mutu pembelajaran pelajar-pelajar sekolah agama, kerana mereka lebih dekat dengan pelajar dan lebih tahu mengenai hal ehwal pembelajaran agama di sekolah masing-masing.

"Sejak sekolah agama diperkenalkan pada tahun 1956, guru-gurulah tunggak kejayaannya," jelas Yang Berhormat.

Dalam perjumpaan itu, guru-guru besar dan guru-guru agama telah mendengar intisari titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Per-

tuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Awal Tahun 1427 Hijrah.

Di antara intisari kandungan titah baginda itu ialah penyusunan semula atau pengemaskinian semua yang berkaitan dengan persekolahan dan pendidikan agama hendaklah dibuat, termasuk juga menyemak sukatan dan kurikulumnya.

Setiap kanak-kanak Brunei Muslim adalah wajib diasuh menyempurnakan fardu ain, sekurang-kurangnya sempurna dalam sembahyang mereka dan bacaan Al-Qur'an lancar.

Kepentingan melahirkan rakyat yang taat beragama, di mana mereka akan menjadi pelita um-

mah yang mempunyai fahaman dan pegangan yang betul.

Kanak-kanak pada masa kini menghadapi cabaran setelah dewasa. Mereka perlu mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran serta iman yang kuat.

Perbincangan secara menyeluruh dibuat pada pagi itu merangkumi sukatan pelajaran, kurikulum, pendidikan fardu ain, buku teks, mata pelajaran agama, strategi dan kaedah pengajaran serta pembelajaran agama oleh semua guru agama.

Perjumpaan ini merupakan sebahagian daripada tanggungjawab guru-guru besar dan guru-guru sekolah agama untuk memantau dan memastikan keberkesananannya.

Juga ditekankan dalam perbincangan tersebut ialah kepentingan pengajaran tulisan Jawi di sekolah-sekolah agama.

"Oleh itu, perjumpaan ini diadakan bagi sama-sama berbincang dalam menjunjung titah baginda," ujar Yang Berhormat.

Perjumpaan pertama telah diadakan di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakillah Hayatul Bolkiah, Kampong Serusop, disusuli perjumpaan kedua di Sekolah



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain di perjumpaan bersama Guru-guru Besar dan Guru-guru Sekolah Agama seluruh negara berlangsung di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Nor'ain Daerah Tutong. - Foto: Hernie Suliana Haji Othman.

Ugama Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Setia dan perjumpaan ketiga di Sekolah Persediaan Arab, Daerah Temburong.

Ianya antara lain bertujuan untuk meninjau secara lebih dekat proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan di sekolah-sekolah agama yang pada masa ini dan

bagi membolehkan percampuran fikiran dalam usaha mempertingkatkan mutu pembelajaran di sekolah-sekolah agama.

Hadir sama dalam perjumpaan tersebut termasuklah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Ishaaq bin Haji Abdullah dan Pengarah

Pengajian Islam, Dayang Hajah Kasmah binti Haji Siput serta pegawai-pegawai kanan kementerian berkenaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai dan diikuti ucapan alu-aluan oleh Pegawai Pengajian Islam Daerah Tutong, Sheikh Haji Khalid bin Sheikh Haji Yahya.

Peraduan Menghafaz Ayat-ayat Lazim

Oleh Haji Ahmad Haji Salim ahmad.salim@information.gov.bn

KAMPONG MENTIRI, Jumaat, 5 Mei. - Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Mentiri dan Guru-guru Kelas Al-Qur'an dan Muqaddam hari ini melangsungkan Peraduan Menghafaz Ayat-ayat Lazim bagi murid-murid Kelas Al-Qur'an dan Muqaddam.

Peraduan yang berlangsung di Masjid Kampong Mentiri dibahagikan kepada dua kategori iaitu kategori 'A' dan 'B' yang terbuka kepada peserta lelaki dan perempuan yang berumur 6 hingga 7 tahun, 8, 9 hingga 10 dan 11 hingga 12 tahun.

Ketua Bahagian Idarah (Pentadbiran) Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Ahmad bin

Haji Mohin menjadi tetamu kehormat di majlis itu yang juga menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang Peraduan Menghafaz Ayat-ayat Lazim.

Terdahulu sebelum itu peraduan tersebut bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai yang diketuai oleh Imam Masjid Kampong Mentiri, Awang Haji Aji bin Haji Abdul Rahman dan kemudian diikuti peraduan menghafaz oleh 25 orang peserta yang terpilih ke peringkat akhir.

Dalam pertandingan bagi kategori 'A' lelaki berumur 6 hingga 7 tahun telah dimenangi oleh Awang Ahmad Bukhari bin Haji Aji, bagi kategori

umur 8, 9 dan 10 tahun dijuarai oleh Awang Asnawi bin Simadi dan Awang Mohd. Fadhlul Amir bin Jikiri, johan bagi kategori berumur 11 hingga 12 tahun.

Sementara bagi peserta perempuan kategori berumur 6 hingga 7 tahun dijuarai oleh Dayang Nor-nabihah binti Junaidi, Dayang Norhafizah binti Haji Suhaili memenangi kategori berusia 8, 9 dan 10 tahun dan johan kategori berumur 11 hingga 12 tahun ialah Dayang Nurul Nunirah binti Miramit.

Peraduan Menghafaz Ayat-ayat Lazim merupakan aktiviti tahunan bagi murid-murid Kelas Al-Qur'an dan Muqaddam Masjid Kampong Mentiri.



KETUA Bahagian Bimbingan dan Latihan Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Suhaimi bin Haji Mohd. Noor menyampaikan ceramah di Majlis Halaqah Belia Masjid Bagi Belia-Belia Masjid Daerah Tutong di Masjid Kampong Lubok Pulau. - Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Belia berperanan besar mencorak negara

Oleh Haji Ahmad Haji Salim ahmad.salim@information.gov.bn

TUTONG, Selasa, 2 Mei. - Peranan belia adalah sangat besar bagi mencorakkan sebuah negara di masa hadapan. Di mana kalau belia itu bagus dan maju negara akan terus maju sesuai dengan wawasan negara.

Menyentuh mengenai peranan belia ini, para anggota negara MABIM (Malaysia, Brunei dan Indonesia) telah sepakat menjadikan isu belia sebagai salah satu bidang kerjasama para anggota MABIM bagi melahirkan para belia yang beriman, berilmu, bertaqwa dan berwibawa serta menjamin kesejahteraan, kestabilan dan kekuatan generasi negara-negara anggota.

Ketua Bahagian Bimbingan dan Latihan, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Suhaimi bin Haji Mohd. Noor menyatakan perkara tersebut ketika menyampaikan ceramah bertajuk "Tanggungjawab Belia Terhadap Syiar Islam" di Majlis Halaqah Belia Masjid Bagi Belia-Belia Masjid Daerah Tutong yang berlangsung di Masjid Kampong Lubok Pulau di sini.

Beliau seterusnya berkata, para belia di negara ini adalah sangat beruntung kerana sentiasa mengambil perhatian dan dipeduli oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid

yang mana sesuai dengan misi, visi dan matlamat jabatan.

Antara lain katanya, visi dan misi itu ialah Jabatan Hal Ehwal Masjid sebagai pusat perkembangan ilmu pengetahuan dan pemikiran ke arah taqwa. Sementara itu tambahnya, matlamat jabatan pula adalah untuk membentuk ummah ke arah kemandirian aqidah, syariah, akhlak, taqwa dan ilmu.

"Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Perutusan Negara Brunei Darussalam

melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid telah banyak membina masjid di seluruh negara yang bukan sahaja bertujuan untuk kita mendirikan ibadat sembahyang lima waktu, sembahyang hari raya dan sebagainya tetapi untuk menambah ilmu pengetahuan tentang agama dan sebagainya," jelasnya.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain selaku tetamu kehormat hadir di majlis itu.

Majlis Halaqah Belia

Masjid adalah anjuran Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan tujuan memberikan motivasi dan kefahaman mengenai peranan dan tanggungjawab belia-belia terhadap syiar Islam.

Di samping itu ia juga memberikan sifat kepimpinan dan rasa tanggungjawab sebagai belia Islam, mengeratkan silaturahim di kalangan belia-belia masjid Daerah Tutong dan juga salah satu program pengisian sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam khusus bagi belia-belia di Daerah Tutong.

Pegawai Perkhidmatan Awam Singapura lawat KHEU

Oleh Sukri Hidayat Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 24 April. - Rombongan seramai 21 orang yang terdiri daripada Pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Republik Singapura yang diketuai oleh Pengarah Pembangunan Polisi Maktab Perkhidmatan Awam, Republik Singapura, Tuan Chan Heng Kee telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Ke-

menterian Hal Ehwal Ugama di sini.

"Lawatan ini yang tidak syak lagi dapat mengukuhkan kerjasama serta persahabatan antara kedua-dua belah pihak, di samping pihak pelawat dapat mempelajari serta mendalami ilmu pengetahuan mengenai Islam, khususnya yang diamalkan di Negara Brunei Darussalam."

Setiasua Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin berucap demikian ketika hadir bagi mengalu-alukan rombongan pelawat tersebut.

Turut hadir bersama rombongan ialah Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Ter-



ROMBONGAN pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Republik Singapura diberikan taklimat semasa lawatan sambil belajar ke Kementerian Hal Ehwal Ugama di Jalan Menteri Besar. - Foto: Ramli Haji Tengah.

utama Joseph K H Koh.

Lawatan tersebut merupakan di antara program yang diatur semasa rombongan berada di Negara Brunei Darussalam bagi mengikuti Kursus Asas dan Lawatan Sambil Belajar Pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Republik Singapura, selama dua hari ke Negara Brunei Darussalam.

SEORANG pegawai dari Republik Singapura yang telah ditemui bual oleh wakil PELITA BRUNEI, Egwin Lian berkata, Program Lawatan Sambil Belajar ini dapat mempelajari dan mendalami ilmu pengetahuan mengenai Islam, khususnya yang diamalkan di Negara Brunei Darussalam. Dia juga berkata, program lawatan tersebut akan diteruskan setiap tahun (kanan). - Foto: Ramli Haji Tengah.





KEBAWAHA DYMM M BUAH SEKOLAH M



MEMASTIKAN KEBERSIHAN ... Baginda juga turut memberikan perhatian terhadap kebersihan makanan yang dijual di sekolah tersebut dengan berangkat meninjau kantin sekolah berkenaan (atas).

BERINTERAKSI ... Baginda berinteraksi bertanyakan sesuatu kepada seorang penuntut lelaki (kanan).



MENINJAU KEADAAN SEKOLAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam meninjau keadaan sekolah (atas) dan kemudahan dewan serbaguna (kanan) semasa baginda berangkat melawat Sekolah Menengah Sayyidina Husain sambil diiringi oleh Pengetua sekolah berkenaan, Dayang Hajah Rosni binti Haji Mohd. Amin.

BERAMAH MESRA ... Di samping menumpukan disiplin penuntut dan kemudahan sekolah, baginda juga mengambil peluang beramah mesra bersama sebahagian penuntut Sekolah Menengah Sayyidina Husain (bawah).

PRIHATIN ... Dalam lawatan itu baginda juga melihat secara dekat prasarana kemudahan padang sekolah (bawah kanan).



AWAT DUA NGAH

H Duli Yang Maha
aduka Seri Baginda
Haji Hassanal Bolkiah
adaulah, Sultan dan
uan Negara Brunei
rangkat mengadakan
ang tidak berjadual di
sekolah menengah di
dan Muara pada hari
ulu.

erangkat meninjau
ah Sayyidina Husain
Mukim Sengkabung
Menengah Sayyidina
terletak di Mukim

ga lawatan-lawatan
ulu, tinjauan baginda

terhadap ke dua-dua sekolah itu lebih
menumpukan secara dekat keadaan
pembelajaran, disiplin penuntut,
keadaan bangunan dan kemudahan-
kemudahan yang terdapat di sekolah-
sekolah tersebut.

Sepanjang keberangkatan di dua
institusi pendidikan berkenaan bagin-
da disertai oleh Setiausaha Tetap
Jabatan Perdana Menteri, Pengiran
Dato Paduka Haji Abdul Hamid bin
Pengiran Haji Mohd. Yassin dan
Timbalan Setiausaha Tetap Ke-
menterian Pendidikan, Dayang Hajah
Afsah binti Haji Abdul Majid yang
juga telah menyebarkan taklimat
penerangan ke hadapan majlis bagin-
da.



Liputan
Jaafar Ibrahim
jaafar.ibrahim@information.gov.bn
Foto : Halim Haji Sulaiman
dan Abdullah Haji Awang
Damit

BERINTERAKSI ... Baginda meluangkan
masa berinteraksi bersama penuntut-penun-
tut perempuan Sekolah Menengah Sayyidina
Husain (kiri).

PENUH MINAT ... Baginda meneliti secara
dekat kandungan buku teks dan buku tulis
seorang penuntut semasa baginda meninjau
bilik-bilik darjah Sekolah Menengah
Sayyidina Hassan (atas kiri dan atas kanan).

BERBUAL MESRA ... Para tenaga pengajar
Sekolah Menengah Sayyidina Hassan tidak
melepaskan peluang untuk berbual mesra
bersama baginda (atas).



CENDERAMATA ... Bagin-
da berkenan menerima
cenderamata berbentuk
plak Sekolah Menengah
Sayyidina Hassan yang
disembahkan oleh Penge-
tua sekolah tersebut,
Awang Jumat bin Haji
Salleh (kiri sekali).

TERTARIK ... Baginda ter-
tarik mengenai penga-
jaran yang menggunakan
kecanggihan Teknologi
Malam dan Komunikasi
(ICT) dengan menerima
penerangan yang disem-
bahkan oleh Cikgu Aziz
bin Haji Mohd. Salleh
mengenai pelajaran sejarah
(kiri).



PRIHATIN ... Baginda berbual mesra bersama seorang penuntut sambil
menitahkan sesuatu (atas).

KEGIATAN SEKOLAH ... Baginda menyaksikan koleksi barangan ASEAN di
Bilik Sudut ASEAN (ASEAN Corner) sebagai suatu cara meningkatkan kefa-
haman mengenai pertubuhan itu (kiri).

PEMEDULIAN ... Dalam siri keberangkatan lawatan ke sekolah-sekolah,
baginda juga menumpukan perhatian mengenai keadaan bangunan dan
kemudahan-kemudahan yang terdapat di sekolah-sekolah (kiri sekali).

EKONOMI

Menteri Tenaga melawat Korea dan Jepun

Oleh Abdullah Asgar abdullah.asgar@information.gov.bn



MENTERI Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya sejurus sebelum berangkat bagi mengetuai rombongan lawatan tahunan ke Korea dan Jepun. - Foto: Halim Haji Sulaiman.

BERAKAS, Ahad, 7 Mei. - Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya yang juga selaku Pengerusi Gas Cecair Asli Brunei Sendirian Berhad (BLNG) mengetuai rombongan lawatan tahunan ke Korea dan Jepun, dihasratkan untuk meningkatkan kerjasama dan membincangkan hal-hal kepentingan dua hala.

Semasa lawatan ke Korea Yang Berhormat beserta rombongan dijadualkan menghadiri taklimat mengenai Shell Korea selain mengadakan perjumpaan bersama Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Korea Gas Corporation.

Sementara itu semasa berada di Jepun rombongan Yang Berhormat akan menghadiri taklimat mengenai situasi pasaran oleh Mitsubishi dan Shell

Jepun, di samping mengadakan perjumpaan dengan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Elektrik Tokyo, Gas Tokyo dan Gas Osaka, tiga syarikat perniagaan terbesar Jepun yang merupakan pembeli dan pelanggan terbesar gas Brunei.

Ketika berada di Tokyo Yang Berhormat juga dijadualkan membuat perjumpaan dengan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri Jepun (METI), di mana kedua-dua menteri akan membincangkan kerjasama perdagangan dan kepentingan dua hala.

Jepun merupakan rakan perniagaan utama gas Brunei yang mengimport 6.01 tan gas cecair asli (LNG) setiap tahun di bawah perjanjian jangka masa panjang bermula 34 tahun lepas sejak kargo pertama LNG dihantar ke gas Osaka.

Dalam bulan Jun tahun lepas, BLNG menghantar

kargo yang ke 5000 kali ke Jepun, menunjukkan satu signifikan yang besar bagi industri gas negara.

Sementara itu Korea pula mula mengimport gas dari negara ini sejak 1994 di bawah perjanjian jangka pendek sebelum perjanjian jangka masa panjang di meterai pada tahun 1997.

BLNG kini sedang memulakan siri 'Plant Rejuvenation Programme' di mana hampir 20 kegiatan utama akan dijalankan di bawah 'Asset Reference Plan' yang dihasratkan dapat meningkatkan keupayaan logi LNG sehingga tahun 2013 sekurang-kurangnya untuk tempoh 20 tahun lagi.

Projek utama yang pertama di bawah rancangan ini ialah menggantikan empat daripada lima 'Cryogenic Heat Exchangers' yang telah siap pada Ogos lalu.

Cawangan baru TAIIB dilancarkan

Berita dan Foto oleh Dk. Hajah Saidah Pg. Hj. Omaralli saidah.omaralli@information.gov.bn

KUALA BELAIT, Isnin, 24 April. - Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny menyatakan, dunia institusi kewangan hari ini tidak lagi hanya menunggu pelanggan akan tetapi terpaksa bergerak lebih proaktif menemui pelanggan dalam menawarkan produk dan perkhidmatannya.

Dato Paduka seterusnya berkata produk dan perkhidmatan yang ditawarkan semestinya mempunyai kelebihan dan daya tarikan berbanding dengan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi kewangan atau perbankan lain.

Perkara tersebut penting bagi satu-satu institusi kewangan itu bagi memastikan pelanggannya sentiasa setia dan tidak berpaling kepada institusi atau perbankan lain, jelas Yang Mulia Dato Paduka semasa melancarkan bangunan baru Cawangan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Pembukaan Cawangan Insurans Islam TAIB Sendirian Berhad di sini.

Justeru itu, tambah Dato Paduka, Perbadanan TAIB dan Insurans TAIB telah mengambil beberapa langkah dengan menawarkan produk-produk dan perkhidmatan tertentu bagi memenuhi kehendak badan-badan korporat mahupun pengusaha kecil dan sederhana (SME).

Dato Paduka selaku Pengerusi Perbadanan TAIB berkata, Perbadanan TAIB berkemampuan untuk menyediakan produk-produk kewangan yang berkonsep Syariah seperti produk pembiayaan korporat di bawah konsep Musyarakah dan Al Bai'uth Bithaman Ajil.

Manakala Insurans Islam TAIB, kata Dato Paduka ianya telah menubuhkan satu bahagian baru untuk menyediakan perkhidmatan perlindungan khas. "Insya-Allah pada tahun 2006 ini, Perbadanan TAIB juga akan mengeluarkan beberapa produk pelaburan," kata Dato Paduka.

Dato Paduka seterusnya menjelaskan tujuan mengeluarkan beberapa

produk pelaburan itu bertujuan untuk memberi peluang kepada rakyat negara ini untuk melabur, menyimpan dan seterusnya melibatkan diri dalam pelaburan bagi mengembangkan simpanan mereka melalui pendapatan pulangan yang lebih menarik.

"Keistimewaan menyimpan atau menabung di Perbadanan TAIB dijamin 100 peratus oleh kerajaan. Orang ramai tidak perlu ragu-ragu akan keselamatan simpanan mereka," ujar Dato Paduka.

Sehubungan itu, Dato Paduka menyeru agar perbadanan berkenaan akan sentiasa mempertingkatkan usaha bagi menamakan budaya menyimpan di kalangan masyarakat di negara ini selaras dengan salah satu misi perbadanan itu untuk menamakan budaya menyimpan.

Bersempena majlis pelancaran tersebut beberapa produk dan perkhidmatan perbankan termasuk produk insurans turut dilancarkan seperti produk pembiayaan hartanah ekuiti dan perkhidmatan pembayaran bil melalui kaunter atau mesin ATM TAIB.

Pada masa yang sama perbadanan berkenaan juga akan mengaktifkan semula perkhidmatan Skim Pembiayaan Kenderaan Al Ijarah Thumma Al Bai' dengan menawarkan skop pembiayaan yang lebih menarik dan kompetitif, manakala Insurans Islam TAIB telah melancarkan 'Pelan Takaful Sinar' iaitu satu produk insurans Islam yang menggalakkan pesertanya bera- mal sambil memperoleh keuntungan. Pelancaran

produk-produk dan perkhidmatan tersebut sejajar dengan dasar terbaru perbadanan berkenaan bagi meningkatkan perniagaannya dengan menggunakan cawangan-cawangannya di seluruh negara sebagai salah satu 'market arm' kepada perbadanan itu dan anak-anak syarikatnya.

Cawangan TAIB Kuala Belait merupakan cawangan yang pertama bagi Perbadanan TAIB. Pada awal operasinya di daerah ini, perbadanan berkenaan hanya memberikan perkhidmatan secara bergerak tiga hari dalam seminggu dan beroperasi di Dewan Kemasyarakatan Kuala Belait bagi memberikan kemudahan kepada akaun simpanan kepada penduduk di daerah ini.

Pada 20 Ogos 1992 sebuah rumah kerajaan yang terletak di Jalan Maulana digunakan bagi menempatkan Cawangan TAIB. Dalam tempoh penggunaan selama hampir 13 tahun cawangan itu telah memperkembangkan perkhidmatannya dengan mempelbagaikan lagi produk akaun simpanan serta menawarkan beberapa produk pembiayaan.

Kini Cawangan TAIB berpindah ke bangunan baru yang mempunyai ruang yang lebih luas dan selesa berkonsep 'Mesra Pelanggan' termasuk penyediaan ruang khas bagi pelanggan platinum perbadanan itu dan juga pelanggan korporat. Lokasi baru itu lebih strategik kerana kedudukannya yang berhampiran dengan bangunan-bangunan komersial serta berdekatan dengan Kawasan Perumahan Kampong Pandan dan Mumong.



TIMBALAN Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny ketika melancarkan bangunan baru Cawangan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan pembukaan Cawangan Insurans Islam TAIB Sendirian Berhad Kuala Belait.

PEMBANGUNAN

Terminal Feri Penumpang Serasa siap tahun 2007

Oleh Haji Ahmad Haji Salim ahmad.salim@information.gov.bn

MUARA, Sabtu, 29 April. - Projek Pembinaan Terminal Feri Penumpang Serasa yang bernilai \$4.88 juta yang dijangkakan siap sepenuhnya pada bulan Julai 2007 akan dapat memberikan keselesaan kepada orang ramai khususnya para penumpang tempatan dan luar negara.

Sehubungan dengan itu Majlis Perletakan Batu Asas Bagi Terminal Feri Penumpang Serasa dilangsungkan di kawasan tapak seluas 13,761 meter berdekatan dengan Jabatan Laut divisi.

Majlis Perletakan Batu Asas diadului oleh Timbalan Menteri Perhubungan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yusof bin Haji Abdul Hamid diikuti oleh

Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Md. Yusof bin Haji Md. Hassan; Pengarah Pelabuhan, Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Perhubungan.

Projek Pembinaan Terminal Feri Penumpang Serasa merupakan salah satu projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8 dan salah satu lagi prasarana yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Penyerahan tapak bagi projek kepada kontraktor

Alisan Jaya telah dibuat pada bulan November 2005 dan apabila siap nanti Terminal Feri Penumpang ini akan menggantikan Terminal Feri Penumpang Sementara di Bangunan Jabatan Laut.

Terminal Feri Penumpang Serasa yang baru itu bercirikan bangunan ala Melayu dengan bentuk atap tungkup yang unik berilhamkan sumber inspirasi kegunaannya sebagai tempat bertolak dan tiba penduduk tempatan dan pelawat asing dari luar negeri.

Tingkat bawah bangunan terminal tiga tingkat ini mengandungi Zon A1 sehingga Zon D di mana Zon A1 antara lain dilengkapi dengan bilik legar, kemudahan pemeriksaan polis (X Ray),

kaunter tiket dan bilik pegawai keselamatan manakala Zon B1 pula menempatkan kemudahan bilik orang kenamaan (VIP), kaunter 'Check in', pemeriksaan keselamatan, kaunter pemeriksaan imigresen dan kawasan scanning'.

Sementara itu bahagian tingkat satu bangunan ini mengandungi bilik-bilik pejabat bagi agensi-agensi yang memberikan perkhidmatan, bilik serbaguna atau pameran, bilik mesyuarat serta tandas bagi pegawai lelaki dan perempuan.

Bahagian tingkat dua dan tiga pula akan menempatkan pejabat pelabuhan dan bilik 'tower' dan balkoni manakala luar bangunan menempatkan sebanyak 67 lot tempat letak kereta, perhentian bus dan teksi.

Apabila beroperasi nanti, ia merupakan sebuah terminal yang 'full fledge landing place with CIQS facility' dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan bagi pemeriksaan imigresen, kastam, kuarantin, keselamatan dan Keselamatan.

Selain itu terminal ini juga menyediakan kemudahan-kemudahan seperti kawasan berasingan bagi penumpang bertolak dan tiba, kaunter menjual tiket, kaunter check-in, restoran, lounge, Bilik Orang kenamaan, kaunter Maklumat Pelancongan, lalu-laluan khusus jika terdapat wabak seperti SARS dan beberapa buah pejabat bagi agensi-agensi yang berkenaan.



TIMBALAN Menteri Perhubungan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yusof bin Haji Abdul Hamid semasa Majlis Perletakan Batu Asas Bagi Terminal Feri Penumpang Serasa. - Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

LAWATAN RASMI DYTM DAN YTM KE REPUBLIK SINGAPURA



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah sejurus sebelum berangkat pulang selepas mengadakan lawatan rasmi lima hari ke Republik Singapura.

Melawat Kontinjen Gurkha

SINGAPURA, Rabu, 10 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Inspektor Jeneral Polis dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berangkat melawat Kontinjen Gurkha yang ditubuhkan pada 9 April 1949.

Juga berangkat ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

Keberangkatan tiba DYTM dijunjung oleh Pesuruhjaya Pasukan Polis Republik Singapura, TYT Dato Seri Pahlawan Khoo Boon Hui dan Pemerintah Kontinjen Gurkha, Penolong Pesuruhjaya Tuan Bruce Niven.

Semasa lawatan, DYTM dan YTM berkesempatan menyaksikan gerak latihan yang dikendalikan termasuk kawad tentera, kemudahan latihan ketenteraan Kontinjen Gurkha dan Padang Tembak tertutup yang mengendalikan latihan-latihan menembak.

Di Padang Tembak Tertutup, DYTM dan YTM masing-masing mengambil kesempatan mencuba ketangkasan dalam menggunakan senjata ringan dan seterusnya dijunjung menyaksikan pameran pelbagai senjata dan pakaian seragam tentera.

Juga dilawati ialah Sekolah Rendah Gurkha yang menempatkan seramai 215 murid terdiri dari kelas-kelas tadika hingga darjah enam dengan lapan orang tenaga pengajar.

Masyarakat Gurkha terdiri dari lima suku kaum iaitu kaum Gurung yang kebanyakan berasal dari Barat Laut Nepal; Limbu dari Timur; Newar dari Kathmandu dan Sherpa dari utara serta Tamang dari utara Nepal.

Antara yang dipertunjukkan di sini termasuklah tarian asli Nepal.

Dari Sekolah Rendah Gurkha, DYTM dan YTM dibawa menyaksikan pertunjukkan taktik seni mempertahankan diri iaitu Akido dan Judo serta latihan hutan menyeberangi sungai.

Juga mengiringi DYTM dan YTM di sepanjang lawatan ialah

Menteri Negara Kanan di Kementerian Undang-undang dan Kemenerian Hal Ehwal Dalam Negeri, TYT Associate Professor, Ho Peng Kee selaku Menteri pengiring dan isteri.

Dari Kontinjen Gurkha, DYTM berangkat meneruskan lawatan ke Home Team Akademi.



DULI Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia menyaksikan persembahan seni mempertahankan diri ketika berangkat melawat Kontinjen Gurkha.

Memorandum Persefahaman Polis Brunei - Singapura

SINGAPURA, Isnin, 8 Mei. - Sebagai negara yang kecil, Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura berkongsi kepentingan geopolitik dan melihat adanya nilai dan manfaat terhadap kewujudan kerjasama yang berterusan di antara kedua-duanya bagi pembangunan negara dan penduduknya.

Pelbagai bidang kerjasama dan interaksi dalam pelbagai tahap di peringkat dua hala dan fora serantau yang ketika ini sedang berjalan di antara kedua-dua buah negara.

Bagi meningkatkan hubungan kerjasama di antara Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pasukan Polis Republik Singapura satu Memorandum Persefahaman antara kedua-dua belah pihak telah ditandatangani di Ibu Pejabat Pasukan Polis Republik Singapura di New Phonex Park.

Memorandum Persefahaman ditandatangani oleh Pesuruhjaya Polis Negara Brunei Darussalam, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin bin Jalani dan Pesuruhjaya Polis Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dato Seri Pahlawan Khoo Boon Hui.

Perjanjian ini membolehkan kedua-dua buah pasukan mengerat serta mengukuhkan kerjasama dalam bidang pertukaran maklumat seperti kearah usaha-usaha memerangi jenayah merentasi sempadan, di samping mengadakan latihan-latihan bersama dalam bidang kepolisan.

Liputan Aliddin Haji Mokhtal
aliddin.mokhtal@information.gov.bn
Siti Muslihat Haji Salleh
muslihat.salleh@information.gov.bn

Foto :
Ramle Haji Tengah
Pg. Rafee Pg. Dato
Paduka Haji
Metassim

Berangkat menamatkan lawatan rasmi

SINGAPURA, Khamis, 11 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berangkat meninggalkan Republik Singapura setelah menamatkan lawatan rasmi lima hari ke Republik Singapura.

Sebelum berangkat ke lapangan terbang, doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Emran bin Haji Kunchang.

Juga berangkat pulang bersama Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul 'Azim.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Changi untuk menyebarkan ucapan selamat berangkat ke hadapan majlis DYTM dan YTM ialah Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Republik Singapura, Tuan

Yang Terutama Wong Kan Seng.

Juga berangkat di lapangan terbang ialah Menteri Negara Kanan di Kementerian Undang-undang dan Kemenerian Hal Ehwal Dalam Negeri, TYT Associate Professor Ho Peng Kee selaku Menteri Pengiring sepanjang lawatan rasmi Duli Yang Teramat Mulia ke Republik Singapura, Pesuruhjaya Polis Republik Singapura, TYT Dato Seri Pahlawan Khoo Boon Hui dan isteri, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura, TYT Pengiran Dato Paduka Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Kula dan Datin; Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, TYT Joseph Koh dan isteri.

Lawatan rasmi DYTM dan YTM ke Republik Singapura itu adalah atas jemputan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Republik Singapura, TYT Wong Kan Seng yang menunjukkan keakraban dan kemesraan hubungan di antara Negara Brunei

Darussalam dan Republik Singapura.

Hubungan diplomatik itu terus dipererat lagi sebaik sahaja Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan sepeleunya pada Januari 1984 serta hubungan dua hala itu terus diperkukuhkan lagi dengan pertukaran lawatan antara para pemimpin negara dan pegawai-pegawai atasan daripada kedua-dua buah negara tersebut.

Sementara hubungan dalam bidang kepolisan pula diperkukuhkan dan dipertingkatkan lagi melalui pelbagai kerjasama dengan mengadakan latihan bersama dan bersetuju untuk bertukar-tukar pendapat bagi meningkatkan lagi kualiti pasukan dan persahabatan di antara kedua-dua buah negara.

Berangkat mengiringi DYTM dan YTM sepanjang lawatan tersebut ialah YTM Pengiran Muda Abdul Qawi.

Lawatan DYTM dan YTM ke Republik Singapura ini adalah lawatan rasmi yang kedua ke republik tersebut.

Lawatan ke Home Team Academy

SINGAPURA, Rabu, 10 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Inspektor Jeneral Polis meneruskan lawatan ke Home Team Academy (HTA), kira-kira 10 minit perjalanan menaiki kenderaan dari Kontinjen Gurkha.

Juga berangkat ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

Keberangkatan tiba DYTM dan YTM dijunjung oleh Pesuruhjaya Polis Republik Singapura, TYT Dato Seri Pahlawan Khoo Boon Hui.

Sepanjang lawatan,



DYTM menguji senjata pistol semasa di ruang latihan tertutup Home Team Academy (kanan).

DI HOME Team Akademi, DYTM disembahkan taklimat sebahagian daripada senjata ringan (bawah).



Duli Yang Teramat Mulia diiringi oleh Menteri Negara Kanan di Kementerian Undang-undang dan Kemenerian Hal Ehwal Dalam Negeri, TYT Associate Professor, Ho Peng Kee selaku Menteri pengiring.

Atur cara lawatan dimulakan dengan sembah taklimat antaranya mengenai peranan, operasi, organisasi dan struktur akademi.

DYTM seterusnya dibawa meninjau secara dekat kemudahan-kemudahan akademi dan berkenan mencuba senjata ringan.

DYTM juga berkesempatan menyaksikan demonstrasi kecekapan bidang kepolisan dalam menangani kekerasan jenayah dan kecakapan yang mungkin berlaku.

Sebelum berangkat meninggalkan akademi, DYTM juga disembahkan dengan anggota-anggota Pasukan Polis Diraja Brunei yang sedang menjalani latihan di akademi tersebut.

HTA yang dibina dengan harga \$276 juta merupakan institut latihan bagi pelbagai organisasi di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri seperti Pasukan Pertahanan Awam Republik Singapura, Biro Kawalan Narkotik, Penjara Republik Singapura, Pihak Berkuasa Imigresen dan Pemeriksaan, ICA dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri.

Dari HTA, DYTM seterusnya berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari yang disembahkan oleh Menteri Negara Kanan di Kementerian Undang-undang dan Kemenerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Tuan Yang Terutama Associate Professor Ho Peng Kee yang berlangsung di Hotel Shangri-La.

Kepentingan pekerja sentiasa terjamin

Oleh Bolhassan Haji Abu Bakar
bolhassan.bakar@informarion.gov.bn

ERAKAS, Sabtu 6 Mei. - Negara Brunei Darussalam akan menyediakan satu Rangkakerja Undang-Undang (legal framework), bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja sebagai salah satu langkah dalam memastikan kepentingan-kepentingan pekerja di tempat pekerjaan akan sentiasa terjamin.

Menteri Hal Ehwal Datu Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan berkata, Akta Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja (Occupational Safety and Health Act) akan diperkenalkan di samping Akta Kilang (Factories Act).

Menurut Yang Berhormat, negara anggota ASEAN berusaha terus berdaya saing dalam keadaan persekitaran dunia yang dinamik dengan mewujudkan pekerjaan yang kondusif bagi pekerja-pekerja untuk mempertingkatkan prestasi pekerja yang cemerlang.

"Dalam waktu yang sama, pekerja-pekerja harus bersikap versatil dan mempunyai peluang-peluang untuk mempelajari ke-

mahiran yang baru bagi memenuhi kehendak pasaran dunia yang sentiasa berubah-ubah," jelas yang Berhormat dalam temubual bersama media di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei sekembali dari menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh ASEAN Ke-19 yang berlangsung di Republik Singapura.

Di arena serantau dan antarabangsa pula, tambah Yang Berhormat, Negara Brunei Darussalam akan terus memainkan peranan yang penting dalam Lembaga Penyelaras Rangkaian Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja ASEAN (ASEAN - OSHNET).

Yang Berhormat percaya, bahawa dengan adanya kerjasama seumpama itu akan memberikan manfaat yang besar kepada semua pekerja di rantau ini.

Dalam pada itu, Yang Berhormat juga menyatakan bahawa Negara Brunei Darussalam akan menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Lembaga Penyelaras ASEAN - OSHNET Ke-8 pada tahun 2007 iaitu mesyuarat peringkat pegawai-pegawai kanan.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan ketika ditemubual oleh media di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei sekembali dari menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh ASEAN Ke-19 yang berlangsung di Republik Singapura. - Foto : Pg. Ibni Pg. Haji Hidup.

Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh ASEAN selama dua hari yang bermula pada 5 Mei dengan tema 'Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja' telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Republik Singapura, YAB Lee Hsien Loong.

Semasa berucap di mesyuarat tersebut, YB telah menekankan mengenai kepentingan bagi meningkatkan keupayaan (capacity building) di samping meningkatkan dan memantapkan kualiti sumber tenaga manusia di rantau ini merupakan faktor penting.

ASEAN, tegas YB, hendaklah terus berusaha untuk mencari jalan yang terbaik bagi mewujudkan dan melindungi pekerjaan.

"Pekerjaan haruslah dalam jangka yang panjang dan berdaya tahan supaya pekerja tersebut akan merasa terjamin di masa akan datang," ujar Yang Berhormat.

Dalam sesi berasingan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Negara Brunei Darussalam juga telah menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh ASEAN+3 dengan Rakan-rakan Dialog ASEAN iaitu Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea bagi mempertingkatkan kerjasama yang sedia ada dalam perburuan di samping menyelenggarakan pelaksanaan program kerja dalam menghadapi cabaran ekonomi global.

Mesyuarat Menteri-Menteri Buruh ASEAN Ke-20 yang seterusnya akan diadakan di Thailand pada tahun 2008.



PENGARAH Pengangkutan Darat, Awang Haji Mat Zahri bin Haji Yusof ketika menerangkan berkenaan had umur maksima penggunaan kenderaan-kenderaan perniagaan yang berdaftar di seluruh daerah.

Sesi muzakarah yang dihadiri oleh 150 pengusaha dan pemilik kenderaan komersial dipengerusikan oleh Pengarah Pengangkutan Darat, Awang Haji Mat Zahri bin Haji Yusof yang juga selaku Pengerusi Lembaga Melesen Pengangkutan Bermotor.

Muzakarah tersebut turut dijayakan oleh Ahli-ahli Lembaga Melesen Pengangkutan Bermotor (MTLA) dan Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Pengangkutan Darat.

Had umur kenderaan komersil dikemaskinikan

Oleh Sukri Hidayat Haji Abu Bakar

GADONG, Sabtu 6 Mei. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) mengemaskinikan atakara had umur kenderaan komersial berasaskan aspek ekonomi, keselamatan dan teknikal berkuatkuasa 1 Mei 2007.

Sementara itu penyamungkan permit pada masa ini akan dipertimbangkan menurut tatacara yang berjalan ketika ini sehingga 30 April 2007, bagaimana pun antara syarat penyamungkan permit hendaklah terlebih dahulu memenuhi pemeriksaan kelayakan kenderaan JPD.

Perkara tersebut dinyatakan dalam Siaran Akhbar JPD selepas Sesi Muzakarah Bersama Pengusaha dan Pemilik Kenderaan Komersial mengenai had umur bagi kenderaan-kenderaan komersial bertempat di Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat Jabatan Pengangkutan Darat.

Menurut Siaran Akhbar itu, had umur bagi semua jenis kenderaan adalah: Semua jenis bas (kecuali bas sekolah) yang pada masa ini dihadkan 10 tahun diubah kepada 12 tahun; Bas Sekolah kekal 10 tahun; Leksi termasuklah kenderaan yang berpermitkan 'KSPS' kekal 7 tahun manakala semua jenis trak termasuk kenderaan berat dari 10 tahun menjadi 12 tahun.

Had umur bagi kenderaan jenis Pick UP, Van dan kenderaan sebanding yang pada masa ini 10 tahun diubah ke 12 tahun; Semua kenderaan berat terpakai yang diimport dan digunakan untuk 'on-the-road' di negeri asal dari mana

kenderaan berkenaan diimport dikekalkan lima tahun manakala kenderaan berat terpakai yang diimport dan digunakan 'off-the-road' dari 5 tahun ke 8 tahun.

Tujuan Utama sesi muzakarah ini diadakan ialah bagi membuat penjelasan dan penerangan berkenaan dengan had umur maksima penggunaan kenderaan-kenderaan perniagaan yang berdaftar di seluruh daerah.

KKC strategi pengurusan

Oleh Sukri Hidayat Haji Abu Bakar

TUNGKU, Isnin 8 Mei. - Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Berka, Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) merupakan salah satu strategi pengurusan yang telah dikenal pasti ke arah pelaksanaan Wawasan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam bertujuan untuk menjadikan Perkhidmatan Awam sentiasa membangun dan berusaha dengan gayanya tersendiri menurut calak Islam dalam persekitaran yang sihat dan selamat di bawah inayah dan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala.

Beliau berkata KKC juga akan mendidik kakitangan supaya berdaya dan mempunyai inovasi dalam tugas masing-masing di samping mewujudkan budaya kerja yang mengutamakan 'team work' dan penyelesaian kerja yang lebih sistematik.

"Jika dilihat daripada struktur organisasi Kementerian Pembangunan yang

mempunyai lebih kurang 5,000 orang kakitangan dalam 12 buah Jabatan, masih terdapat banyak ruang untuk penyertaan daripada jabatan-jabatan dan unit-unit di bawah Kementerian Pembangunan dalam Konvensyen KKC ini," jelas Setiausaha Tetap (Teknikal & Profesional) Kementerian Pembangunan, Awang Haji Mohd. Said semasa Majlis Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang anjuran Kementerian Pembangunan.

Dalam konteks Kementerian Pembangunan katanya, semenjak penghujung tahun 2005, Kementerian itu telah memberi fokus kepada penyediaan satu Pelan Strategik bagi mencari jalan terbaik untuk memenuhi hasrat negara.

Tambahnya, dalam pelan tersebut, Kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya telah mengenal pasti Visi, Misi, Matlamat strategik dan Isu-isu utama strategik.

Beliau menjelaskan, untuk memantau tahap pencapaian visi, misi dan pelan

strategik itu, 'Balanced scorecard' akan digunakan sebagai salah satu alat pengurusan prestasi di mana sukat-sukat dan tanda aras telah disediakan di semua peringkat.

'Scorecard' mengambil kira beberapa faktor seperti pelanggan atau stakeholder, inovasi dan pembelajaran, proses kerja dalaman dan kewangan.

Awang Haji Mohd. Said menjelaskan, setiap sukat-sukat dan tanda aras memerlukan strateginya masing-masing untuk mencapainya dengan mengenalpasti masalah-masalah dalam proses kerja di peringkat pegawai dan kakitangan bawahan di mana KKC boleh digunakan sebagai salah satu kaedah bagi memudahkan cara pencapaian tanda aras yang ditetapkan.

Konvensyen KKC tersebut merupakan aktiviti tahunan Kementerian Pembangunan dan pada tahun ini sebanyak lima projek dari empat buah jabatan telah dipertandingkan.

Lahirkan Newsletter bermutu

GADONG, Khamis 4 Mei. - Seramai 23 orang yang terdiri dari pegawai-pegawai, kakitangan kementerian dan jabatan kerajaan serta Syarikat Penyajian Diraja Brunei telah menamatkan Bengkel Pengendalian dan Penulisan Newsletter.

Bengkel yang berlangsung selama empat hari itu dianjurkan oleh Unit Perhubungan Awam, Pasukan Polis Diraja Brunei dengan kerjasama Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri. Ianya antara lain bertujuan bagi mempertingkatkan kemahiran para peserta dalam pengendalian dan penulisan artikel serta mengaktifkan penerbitan 'Newsletter' di kalangan kementerian dan jabatan kerajaan.

Para peserta bengkel telah menerima sijil masing-masing dalam satu Majlis Penutupan Rasmi Bengkel yang dihadiri oleh Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Zainuddin Jalani selaku tetamu kehormat, yang berlangsung di Mess Pegawai Pasukan Polis di sini.

Dengan berakhirnya bengkel itu pihak penganjur berharap agar setiap kementerian dan jabatan kerajaan akan dapat melahirkan 'newsletter' yang lebih bermutu serta mendapat pengiktirafan sebagai sumber maklumat rasmi dan sebagai alat bagi pengamal media untuk membuat rujukan dan di masa yang sama 'newsletter' yang berkualiti juga akan membantu menjaga imej sesuatu kementerian dan jabatan di negara.

Pelita Brunei sempat menemubual salah seorang peserta bengkel iaitu Kapten

(L) Ali Mustafa Haji Umar mewakili Kementerian Pertahanan yang melahirkan rasa puas dan berbangga kerana berpeluang menyertai dan berjaya menamatkan bengkel walaupun tidak berkeyakinan bengkel itu tidak dapat melahirkan seorang yang mahir dalam menerbitkan 'newsletter' masing-masing.

"Disebalik mencaburi dan baru tahu akan cara penerbitan 'newsletter', dirinya merasakan ianya sangat baik untuk dipelajari memandangkan tenaga fasilitatornya terdiri dari orang-orang berpengalaman," katanya.

Walau bagaimanapun, mereka sendiri tidak keberatan berkongsi pengalaman masing-masing dalam mengajar dan membantu para peserta bagi menerbitkan 'newsletter' dan kami berharap akan ada bengkel lanjutan bagi menghalusi lagi penerbitan 'newsletter' kementerian dan jabatan kerajaan, jelasnya.

"Dalam bengkel tersebut, mereka juga didedahkan dengan alat-alat dan software baru bagi menerbitkan 'newsletter' di mana ianya lebih canggih dan mudah untuk dikendalikan," tambahnya.

Jelasnya, bengkel itu bermanfaat dalam mengajar cara yang tepat dalam berkomunikasi melalui kertas dan pena kerana perkara ini sebelumnya tidak sampai dipemikiran kami.

"Saya berhasrat mendalami lagi cara penerbitan 'newsletter' kerana masih banyak lagi perkara yang perlu dipelajari dalam mengemaskinikan lagi penerbitan 'newsletter' bagi kementerian kami," ujarnya.



PESURUHJAYA Polis, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Dato Paduka Seri Zainuddin Jalani menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta bengkel.

Penat lelah akhirnya berbaloi

Oleh Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@informarion.gov.bn

SERIA, Sabtu, 15 April. - Seramai 23 pelajar terbaik Maktab Anthony Abell (AAC) yang lulus dalam Peperiksaan Awam GCE 'O' dan 'N' Level serta Penilaian Menengah Rendah tahun lalu menerima hadiah dan sijil mereka.

Penyampaian hadiah diadakan di satu majlis yang diadakan di dewan maktab berkenaan disempurnakan oleh tetamu kehormat, Penghulu Mukim Seria, Haji Jamail Haji Linap.

Dalam ucapannya, beliau menyeru mereka supaya merebut setiap peluang yang telah diberi dan disediakan oleh kerajaan melalui Kementerian Pendidikan untuk kepentingan mereka serta keluarga dan masa depan mereka.

Kepada ibu bapa dan penjaja pelajar pula beliau menggesa mereka supaya sama-sama membantu, membimbing dan memberi semangat bagi menjadikan anak-anak mereka

pelajar yang dinamik, berdisiplin, berilmu, berwibawa dan bertaqwa.

Pengetua maktab, Cikgu Rahagi Deli pula antara lain menyeru pelajar-pelajar maktab tersebut yang akan menduduki peperiksaan awam tahun ini supaya bersedia dari sekarang dalam membuat ulang kali secara konsisten serta

bijak membahagi waktu diantara belajar dan beriadah.

Beberapa tahun lalu maktab berkenaan telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dalam Peperiksaan Awam PMB dengan mencapai 64.96 peratus pada tahun 2004 dan 71.64 peratus pada tahun 2005, manakala Peperiksaan GCE 'N' Level dari 8.07 peratus pada tahun 2003 kepada 43.10 peratus tahun 2004.



SALAH seorang pelajar terbaik Maktab Anthony Abell (AAC) menerima hadiah daripada Penghulu Mukim Seria, Awang Haji Jamail bin Haji Linap.

SUKAN

Sukan SUKMA Ke-XI: Brunei Darussalam sertai 14 acara

BERAKAS, Khamis, 11 Mei. - Negara Brunei Darussalam dijangka menyertai Sukan Malaysia Ke-XI (SUKMA) dari 24 Mei hingga 6 Jun depan di negeri Kedah Darul Aman.

Penyertaan negara ke pesta sukan ini merupakan undangan daripada pihak penganjur Majlis Sukan Malaysia sejak tahun 1996 dan penyertaan kali ini merupakan kali kelima.

Dalam pesta sukan ini kontinjen negara akan menyertai sebanyak 14 acara dengan keramaian 190 atlet dan pegawai yang diketuai oleh Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Pengiran Sabri selaku Chief De Mission.

Semasa temu bual bersama wakil PELITA BRUNEI bersama Pengiran Sabri, beliau menjelaskan bahawa penyertaan kontinjen negara ke pesta sukan tersebut dapat meningkatkan kerjasama yang sedia terjalin antara kedua-dua negara berjiran.

Jelas beliau kerjasama tersebut dapat memupuk persahabatan dan menanamkan setia kawan kepada generasi belia melalui aktiviti-aktiviti sukan, di samping dapat mengasah belia-belia yang berpotensi dalam sukan untuk bertanding dalam acara-acara sukan ber taraf antarabangsa.



TIMBALAN Pengarah Belia dan Sukan, Pengiran Sabri, selaku Chief De Mission kontinjen ke Sukan SUKMA Ke-XI.

Namun beliau berharap agar semua pihak yang terabit akan memberi komitmen dalam sama-sama menjayakan kontinjen negara menyertai SUKMA Ke-XI nanti.

Menyentuh mengenai persiapan kontinjen negara, Chef De Mission ke Kedah ini menyatakan jabatannya dengan kerjasama persatuan-persatuan sukan kebangsaan telah membuat persediaan lebih awal seperti mengadakan pemilihan atlet melalui kejohanan-kejohanan dan juga uji cuba yang diadakan di dalam dan luar negara, di samping latihan intensif yang berterusan

yang bertujuan untuk memastikan atlet-atlet yang bakal mewakili negara benar-benar mempunyai kemampuan untuk bersaing di pesta sukan tersebut dan seterusnya mampu meraih kejayaan serta negara.

Acara sukan yang disertai oleh negara ialah seperti 10 pin bowling, boling padang, lumba basikal, taekwando, pencak silat, ping pong, golf, karatedo, sepak takraw, ragbi, lawan pedang, renang, bola sepak dan olahraga.

Untuk persaingan di pesta sukan tersebut beberapa acara sukan dijangka akan dapat menyumbang pingat untuk negara kerana ini berdasarkan kepada pencapaian atlet bagi sukan berkenaan pada penyertaan SUKMA yang terdahulu dan juga prestasi terkini atlet bagi sukan berkenaan, di samping acara-acara sukan yang lain yang juga mempunyai peluang yang baik untuk meraih sebarang kemenangan.

Andaian ini di buat berdasarkan sebahagian daripada atlet bagi sukan terabit telah menunjukkan prestasi yang meningkat terutama semasa mengikuti latihan dalam negeri.

Antara acara-acara sukan yang dijangkakan dapat memberi harapan itu ialah seperti

karatedo, taekwando, lawan pedang, 10 pin bowling dan pencak silat.

Dari segi kutipan pingat, beliau berharap penyertaan negara kali ini akan dapat memperbaiki rekod pencapaian dari penyertaan SUKMA sebelumnya.

Ke arah itu beliau berharap agar semua atlet khususnya kontinjen negara akan mengambil peluang dan kesempatan yang baik ini dengan bersungguh-sungguh menguji tahap pencapaian dan membuktikan keupayaan masing-masing dalam acara sukan yang disertai dan seterusnya berusaha ke arah mencapai kecemerlangan serta kemenangan.

Dalam pada itu beliau juga mengingatkan para atlet negara supaya menjaga nama baik dan imej negara dengan berpegang kepada disiplin dan mematuhi segala peraturan dan undang-undang sukan yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur.

Kepada atlet yang terpilih mewakili negara ke pesta sukan berkenaan supaya meningkatkan usaha lebih gigih dan memastikan mampu berdaya saing kerana sukan ini memberi peluang untuk melangkah ke sukan yang lebih berprestasi tinggi lagi.

Atlet olahraga berazam capai kejayaan



Tinjauan Abu Bakar Haji Abd. Rahman
bakar.rahman@information.gov.bn

Foto: Halim Haji Sulaiman dan Pg. Ibni Pg. Haji Hidup

BERAKAS, Jumaat, 12 Mei. - Pasukan olahraga remaja negara yang bakal bertarung ke SUKMA Kedah kini memasuki latihan-latihan pesat sebelum melangkah ke dalam persaingan pesta dwitahunan yang dianjurkan oleh Majlis Sukan Negara Malaysia itu.

Dengan tunjuk ajar dari jurulatih baru yang didatangkan dari Filipina, Dario de Rosas dijangka dapat melahirkan atlet-atlet yang berbakat dan berpotensi di masa hadapan.

Para atlet yang bakal bertarung dalam beberapa acara kini giat memasuki latihan fasa akhir sebelum membuktikan keupayaan mereka

di pesta sukan tersebut dengan harapan membawa pulang apa jua pingat.

Beliau yang baru-baru ini menyertai beberapa acara di Teluk Danga International Games 2006 tidak menghiraukan negara apabila berjaya mengutip pingat di kejohanan tersebut.

Dari segi rekod peribadi beliau mempunyai keupayaan membuat lontaran dalam acara tukul besi sejauh lebih 16 meter, lempar cakera lebih 36 meter dan lontar peluru juga melebihi 12 meter.

Namun apa yang lebih membimbangkan beliau akhir ini ialah mengenai dengan pemanggilan untuk melapor diri bagi jawatan yang dipohonnya yang berkebalutan dengan tarikh semu kontinjen meninggalkan negara untuk ke SUKMA.

Ke arah itu beliau berharap agar pihak Jabatan Belia dan Sukan (JBS) dapat mengutus surat ke jabatan yang dipohonnya untuk bekerja bagi kelengkapan atau penyertaannya demi negara dan jika sekiranya Jabatan Belia dan Sukan gagal atau lambat melaksanakannya kemungkinan beliau akan menarik diri dari ikut bertanding.

Menyentuh mengenai atlet-atlet yang lain jurulatih Dario de Rosas menjelaskan bahawa kondisi anak buahnya seramai empat orang kini berada di peringkat yang memuaskan sekalipun mereka ini atlet-atlet yang baru.

Beliau yang baru melati sejak tiga bulan yang lalu menjelaskan kini pasukannya melalui fasa ketiga dan menampakkan perkembangan yang baik dan berhasrat anak buahnya akan bertanding dengan penuh semangat dan memperbaiki rekod.

Menyentuh mengenai sasaran pingat, beliau tidak mahu meletakkan terlampau awal malah baginya memulakan latihan terbaik itu yang utama apatah lagi untuk merangkul sebarang pingat, kerana taraf sukan ini di luar pengetahuannya kecuali kejohanan dua tahun yang akan datang.

Boling padang mahu bawa pingat

BERAKAS, Sabtu, 13 Mei. - Pasukan Remaja Boling Padang negara yang bakal turut bertanding di Sukan Malaysia Kedah XI (SUKMA) membawa harapan yang tinggi malah berazam untuk merangkul sebarang pingat di pesta sukan tersebut.

Keazaman dan cita-cita yang tinggi ini didorong dengan latihan yang bersungguh-sungguh dari atlet-atlet muda di bawah bimbingan dan tunjuk ajar oleh Jurulatih Kebangsaan Awang Mohd. Aziz.

Suasana panas terik di sepanjang sesi latihan tidak menghalangi atau mengurangkan keazaman dan semangat mereka mengikuti latihan setiap hari.

Ini dinyatakan oleh salah seorang atlet dalam acara ini, Awang Hamzah bin Haji Mohd. Jafar yang baru bergiat dalam acara boling padang sejak lapan bulan lalu.

Untuk bertanding di SUKMA nanti beliau menaruh harapan yang tinggi malah berbangga kerana terpilih untuk mewakili negara di pesta sukan tersebut.

Setelah mengikuti latihan yang teratur beliau merasakan peningkatan permainan dari sebelumnya dan berazam untuk menterjemahkan segala kepanjangan yang diperolehi semasa

mengikuti latihan di dalam negara, di samping berazam untuk mengutip pingat.

Menyentuh mengenai persiapan kontinjen negara dalam acara boling padang bersama jurulatih Awang Mohd. Aziz menjelaskan bahawa kontinjen negara dalam acara ini ke SUKMA, Kedah memulakan latihan di bawah bimbingannya sejak lebih sebulan yang lalu.

Menurut beliau persiapan tersebut sememangnya tidak mencukupi memandangkan kebanyakan pemain-pemain ini terasat baru berkecimpung dalam acara berkenaan, di samping mempunyai dua orang pemain yang pernah bertanding dalam pesta sukan yang sama dua tahun lalu.

Dengan harapan yang tinggi beliau telah mengatur dan membuat satu latihan yang mantap dan memberikan satu cara latihan yang ber sistematik yang telah beliau gunakan dengan melatih mereka selama lapan jam sehari iaitu empat jam sebelah pagi dan empat jam sebelah petang.

Ini jelas beliau, kerana semasa pertandingan nanti ianya akan berlangsung sehingga malam dengan empat sesi sekurang-kurangnya empat jam atau lebih.

Terangnya dengan sistem latihan yang diberikannya itu banyak atlet-atlet lain yang terkejut memandangkan kebanyakan pasukan-pasukan yang lain di negara ini hanya menjalani latihan sebanyak dua hingga tiga jam sahaja.

Apa yang nampak dari harapan tersebut, jelasnya, beliau akan mencuba yang terbaik dengan maksud akan menyertai acara 'single', 'paste', 'triple' dan 'forth'.

Namun begitu, beliau tidak lah menjamin seratus peratus kerana beliau memang kurang berpuas hati dari segi tempoh masa latihan yang hanya menjalaninya dalam negara sahaja akan tetapi mengikut kehendak anak didiknya itu mestilah dedahkan dahulu sebelum bertanding ke SUKMA dan dari situlah penilaian terakhir akan dibuat namun hasrat tersebut tidak diperolehi.

Walaupun bagaimanapun beliau amat yakin dengan anak-anak didiknya sekarang ini berdasarkan latihan dan pencapaian mereka malah pernah menemui mereka dalam satu perlantikan bersama dengan pemain-pemain senior.

Apa yang membimbangkan beliau ialah mengenai dengan

kawalan perasaan dan mental pemain semasa bertanding yang mana perkara ini lumrah dialami bukan saja kepada pemain baru tetapi juga pemain senior.

Pasukan boling padang akan menghantar seramai lima pemain lelaki dan tiga orang pegawai termasuk jurulatih di SUKMA nanti.



INI penuh konsentrasi sebelum mengelek bola boling.

untuk bersaing di luar negara.

Salah seorang atlet Mohd. Yazid Yatimi yang merupakan atlet muda yang berbakat melahirkan kegembiraan kerana terpilih untuk mewakili negara untuk bersaing dengan penuh semangat di SUKMA nanti yang sekali gus mengangapnya sebagai batu loncatan dan ukuran untuk melangkah ke arena yang lebih berprestij lagi.

Beliau yang bakal menyertai tiga acara iaitu lontar cakera, lontar tukul besi dan lontar peluru merasa gembira dan ingin menterjemahkan segala kemampuannya



SEBAHAGIAN daripada suasana latihan atlet boling padang semasa sesi latihan.



BAGAIMANA LONTARAN INI ... Bolehkah menepati zik itu.

SUKAN

Layak menyertai perlawanan Piala M'sia

Oleh Samle Haji Jait samle.jait@information.gov.bn



ANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik semasa menyaksikan perlawanan antara Brunei DPMM FC menentang Kedah yang berkesudahan tuan rumah menang 3 - 1. - Foto: Samle Haji Jait.

Perlawanan tarik kalat

PERLAWANAN Tarik kalat Peringkat Daerah Brunei dan Muara sempena ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60, 2006 akan diadakan pada 16 hingga 24 Jun 2006 di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan.

Kategori 'A' bagi berat badan 70 kilogram (kg) dan kategori 'B' bagi berat badan 1,900 kg, terkumpul 9 orang penarik (sebuah pasukan).

Kedua kategori ini diwujudkan kepada penyertaan cemerlang-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, persatuan-persatuan, syarikat-syarikat swasta, mukim-mukim, kampung-kampung, pertubuhan-pertubuhan awam dan rakyat asing yang bermastautin di negara ini.

Bagi kategori 'C' berat badan 1,300 kg, terkumpul 8 orang penarik dalam

sebuah pasukan (lelaki berusia 20 tahun dilahirkan pada 1986).

Kategori ini dibukakan kepada belia/remaja/pemudut, persatuan-persatuan, syarikat-syarikat swasta, mukim-mukim, kampung-kampung, pertubuhan-pertubuhan awam, pusat pengajian tinggi dan sekolah-sekolah menengah serta maktab-maktab.

Borang penyertaan dan keterangan lanjut boleh diperolehi dari Persatuan Tarik Kalat Negara Brunei Darussalam, No. 8, Simpang 162-22, Tungku Gadong di talian telefon 2456772; Pengiran Emran bin Pengiran Salleh (Jabatan Penerangan) di talian telefon 2380527; Awang Jumaat bin Damit (Kementerian Pembangunan) di talian telefon 2383911 sambungan 353 dan Penyambut Tetamu (Pejabat Daerah Brunei dan Muara).

Borang penyertaan hendaklah dikembalikan tidak lewat dari 29 Mei 2006.

BERAKAS, Selasa, 9 Mei. - Skuad Brunei DPMM FC menampilkan semangat juang yang tinggi dengan membelasah pasukan pendahulu Kumpulan A, Kedah, 5 - 1 sekali gus mengesahkan tiket ke pertandingan Piala Malaysia musim ini.

Pasukan Bola Sepak Negara Brunei Darussalam yang menjadi pasukan jemputan pada Liga Malaysia telah gagal layak mara pada kejohanan berprestij itu sejak tahun 2000, setahun selepas pasukan kebangsaan berjaya menjuarai Piala Malaysia pada tahun 1999.

Berangkat menyaksikan malam gemilang pasukan kebangsaan tanah air di Stadium Negara Hassanah Bolkiah ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Kemenangan pasukan kendalian Buketa Ranko yang memahat satu sejarah tersendiri itu lebih terserlah lagi apabila sekali gus menjadi laluan untuk layak ke Pertandingan Kelayakan Piala Super bagi musim depan.

Malam cemerlang buat skuad Brunei DPMM FC

menumpaskan pasukan Kedah menjadi kemuncak sasaran anak buah Pengiran Waslimin selepas kesebelasan utama tampil dengan penuh semangat tinggi sehingga berjaya merealisasikan skrip jurulatih untuk menawan pasukan pelawat.

Pertemuan penuh dramatik dan menghiburkan itu juga menampilkan mutu perlawanan yang tinggi dengan kedua-dua pasukan bijak mencari ruang untuk mencipta gol awal, namun pasukan tuan rumah hanya perlu menunggu minit ke-21 untuk menyaksikan gawang pelawat dibolosi.

Jaringan yang di tunggu itu diperolehi oleh pemain pertahanan, Shahrul Rizal yang menggunakan kesempatan semasa aksi kelam-kabut dalam kotak penalti untuk menewaskan penjaga gol Kedah, Megat Amir Faizal Ibrahim, hasil sepakan percuma ketua pasukan, Rosmin Haji Kamis.

Acahan pelawat terutama menerusi sentuhan penyerang kembar Kedah, Marcor Magno Morales dan Paulo Roberto Da Silva tidak menggusarkan barisan pertahanan gandingan yang dikemudi oleh Shahrul Rizal, Saiful Rizal dan Rene Kumar.

Malah Kedah terus tertekan untuk mencari jaringan penyamaan ketika asakan mereka sering terkandas apabila penjaga gol, Wardun Haji Mohd. Yusof tangkas mengawal gawang dari ditembusi dan keputusan 0 - 1 berlautan sehingga babak pertama berakhir.

Senario babak kedua terus gamat apabila tuan rumah berjaya menambah jaringan kedua menerusi ledakan kencang dari luar kotak penalti oleh Rodrigo Lambardo sekalipun beberapa saat perlawanan di babak kedua baru bermula.

Belum pun penyokong

tuan rumah reda meraikan jaringan itu, pemain tepi, Haji Subhi Abdullah Bakir bangkit dengan ledakan serupa untuk mengukuhkan kedudukan 3 - 0, lima minit selepas itu.

Ketinggalan jaringan membuat pelawat terus tertekan, namun rentak mereka yang serba tidak menjadi berjaya dimanfaatkan penyerang import baru, Mladen Alabeg yang bijak melepaskan diri dari kawalan 'offside' dengan melarikan bola secara solo sebelum memperdayakan Megat Amir untuk menambah derita pelawat.

Kedah terus mengukuhkan segala kelebihan yang ada untuk mencari jaringan, namun akhirnya Ahmad Fauzi Shaari yang bijak merembat bola susulan rakannya, Paul Roberto Da Silva untuk mencipta jaringan sulung.

Bagaimanapun, jaringan sugu hati itu tidak memadai untuk mengembalikan rentak sebenar pelawat apabila Rodrigo Lombardo segera bangkit dengan jaringan mudah di minit ke-74 sekali gus melengkapkan malam bergaya yang bersejarah buat skuad DPMM FC dengan keputusan lengkap 5 - 1.

RTB siar Piala Dunia 2006

Oleh Haji Ahmad Haji Salim ahmad.salim@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Mei. - Sebanyak 64 perlawanan bola sepak Piala Dunia 2006 akan disiarkan secara langsung dari negara tuan rumah, Jerman oleh pihak Radio dan Televisyen Brunei (RTB) selaku media penyiaran tunggal di negara ini. Perlawanan itu akan disiarkan melalui Saluran 10 dan 11 termasuk siaran 32 pasukan yang layak dalam perlawanan tersebut.

Ketua Seksyen Sukan Tv, Awang Taha bin Mohd. Tahir menyatakan perkara itu dalam sidang akhbar bersama wakil pihak PELITA BRUNEI dan media tempatan yang lain di Bilik Persidangan Pengarah RTB di sini.

Menurut beliau, RTB selaku rakan siaran bola sepak Piala Dunia FIFA 2006 akan menyiarkan program itu bermula pada 9 Jun 2006, jam 11 malam waktu tempatan.

Walau bagaimanapun, program itu akan disiarkan lebih awal iaitu kira-kira jam 10.00 malam sebelum acara pembukaan rasmi Piala Dunia FIFA 2006 dan juga perlawanan pertama pertemuan antara tuan rumah, Jerman menentang pasukan Costa Rica dan daripada 64 perlawanan, lapan perlawanan akan disiarkan melalui Saluran 5 dan 8 dan selebihnya pada Saluran 10 dan 11.

Menurut beliau lagi, bagi memeriahkan lagi program itu, pihak RTB dalam siaran langsung itu juga akan memuatkan beberapa program istimewa sekurang-kurangnya 30 minit iaitu termasuk berita terkini pemain bola sepak, profil mengenai tempat berlangsung perlawanan, wawancara bersama pemain dan juga memaparkan latar belakang kedua-dua pasukan akan bertanding termasuk tayangan video sebelum perlawanan.

Selain itu pihak RTB juga mengadakan segmen baru bagi buat pertama kali bertajuk 'Cakap-cakap Bola' yang akan dilancarkan pada minggu kedua dan ketiga bulan Mei ini.

Dalam hubungan itu, jelasnya, para penonton diberi peluang untuk menghantar khidmat pesanan ringkas (SMS) atau




AWANG Taha bin Mohd. Tahir, Ketua Seksyen Sukan Tv menjelaskan dalam sidang akhbar. - Foto: Mohd. Zul-izzi Haji Duraman.

menyertai kuiz menerusi siaran tersebut. Pihak RTB juga akan menyiarkan beberapa perlawanan pilihan Piala Dunia 2002 yang lalu, dokumentari, profil bintang dan jadual sepanjang perlawanan Piala Dunia 2006.

"Pihak RTB juga memuatkan ruangan iklan seperti muat turun nada dering dan 'wallpaper' dan juga saluran 'chatting' bagi para penonton melalui Saluran 10 dan 11 bermula 11 malam sehingga 6.40 petang malam keesokannya yang akan dikendalikan oleh syarikat tempatan selaku rakan RTB iaitu Syarikat Greencity 173 dan boleh diikuti dengan membuka website RTB," jelasnya.

Sempena berlangsung Piala Dunia 2006, pihak RTB dengan kerjasama rakan kerja akan menyediakan hadiah-hadiah yang menarik bagi meneka 'Pasukan Manakah Yang Akan Juara' yang terbuka kepada para penonton yang menyaksikan sepanjang perlawanan Piala Dunia 2006.



PEMAIN tuan rumah cuba menghalang pemain pelawat yang hendak merampas bola leret. - Foto: Samle Haji Jait.

BARISAN pemain dari Kelab Dart KBT SK VJ yang menduduki tempat ketiga berpasukan di Tawau, Sabah. - Foto ihsan: Pengiran Mohamed (bawah).



PENGERUSI Jawatankuasa Penyelenggara Kejohanan Badminton, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam menerima sumbangan daripada sebuah penaja bagi Kejohanan Badminton. - Foto: Abdullah Haji Awang Damit.

Penyampaian tajaan Kejohanan Badminton

Oleh Bolhassan Haji Abu Bakar bolhassan.bakar@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 12 Mei. - Beberapa agensi swasta dan pihak individu telah menaja hadiah-hadiah bagi menyelenggarakan Kejohanan Badminton Piala Penaung Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) kali kelapan tahun ini.

Majlis penyampaian tajaan yang berupa peralatan dan barangan sukan serta minuman telah berlangsung di bangunan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) di ibu negara.

Sumbangan tajaan ditek-

rima oleh Naib Yang Dipertua II MWNBD, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam binti Pengiran Haji Matarsat selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyelenggara kejohanan tersebut.

Dalam ucapannya pengerusi telah merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak penaja yang telah bermurah hati diatas sumbangan yang telah diberikan dan samasama memberikan sokongan kepada pihak jawatankuasa penyelenggara.

Kelab Dart KBT SK VJ duduki tempat ketiga

TAWAU, Sabah, Ahad, 14 Mei. - Kelab Dart KBT SK VJ Brunei Darussalam berjaya menduduki tempat ketiga Kejohanan Dart Terbuka Berpasukan Kedua di Kelab Ria Tawau.

KBT SK VJ yang diwakili oleh Pengiran Mohamed, Kamaluddin, Andy Sham Mohd. Sharul dan Mohammad berjaya mempamerkan permainan yang baik pada kejohanan tersebut dan meraih hadiah wang RM1,000.00 beserta piala. Juara kejohanan tersebut disandang oleh Pasukan PENAMPUNG Sabah dengan merangkul hadiah RM6,000.00.

Sejumlah 32 pasukan dari Malaysia dan dua pasukan Negara Brunei Darussalam menyertai kejohanan yang bermula dari 12 hingga 14 Mei lepas dan hadiah disampaikan oleh Naib Presiden TRC, Tuan Haji Aziz Haji Assa.

Kejohanan selanjutnya yang akan disertai oleh Kelab Dart KBT SK VJ pada Julai depan di Wilayah Persekutuan Labuan.



Menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap Datuk Bandar Kota London dan isteri secara berasingan di Istana Nurul Iman.

Baginda berkenan menerima mengadap Datuk Bandar Kota London, Yang Amat Berhormat Alderman Brewer, yang berada di negara ini bagi lawatan tiga hari.

Hadir di Majlis Mengadap ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman dan Pesuruhjaya Tinggi British ke negara ini Tuan Yang Terutama John Saville.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Pengiran Dato Paduka Osman.

Sementara itu di ruang lain Istana Nurul Iman, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha menerima mengadap isteri Datuk Bandar Kota London, Puan Tessa Brewer.

Hadir di majlis tersebut ialah Yang Dimuliakan Seri Laila Pengiring Diraja Datin Seri Utama Hajah Rosnah. Juga hadir ialah Puan Fabiola Moreno de Alboran, isteri Pesuruhjaya Tinggi British ke negara ini.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Datuk Bandar Kota London, Yang Amat Berhormat Alderman Brewer. - Foto: Halim Haji Sulaiman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap isteri Datuk Bandar Kota London, Puan Tessa Brewer. - Foto: Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar.

Jangan sia-siakan ubat yang diberikan

Oleh Bolhassan Haji Abu Bakar bolhassan.bakar@information.gov.bn

BERAKAS, Ahad, 14 Mei. - Orang ramai diseru supaya tidak mensia-siakan ubat yang diberikan sama ada dengan tidak memakannya seperti arahan doktor atau dengan menyimpannya di tempat-tempat yang tidak sesuai hingga mampus tarikhnya atau mencicirkannya.

Ini adalah kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan membelanjakan kira-kira B\$200 hingga B\$300 untuk satu jenis ubat.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Suyoi berkata, tahun lepas sahaja kerajaan telah membelanjakan hampir B\$20 juta bagi Penyakit Jantung, B\$5 juta bagi Penyakit Buah Pinggang dan B\$5 juta lagi bagi Penyakit Kanser yang mana perbelan-

jaan bagi semua jenis ubat-ubatan adalah melebihi B\$40 juta.

Menurut Yang Berhormat di kebanyakan negara termasuk yang sudah maju, seseorang yang jatuh sakit akan melibatkan perbelanjaan yang besar bukan sahaja dari segi rawatan, ubat-ubatan, penginapan di hospital yang perlu dibayar oleh pesakit itu sendiri atau melalui insurans perubatan tetapi dari perspektif majikan juga 'waktu kerja yang hilang' dan produktiviti pekerja yang berkurangan.

Berucap di Majlis Pelancaran Program Mukim Sihat, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, seandainya seseorang pesakit itu tidak mempunyai kewangan sendiri atau insurans perubatan, maka dia tidak akan dapat menerima rawatan.

Walau bagaimanapun, jelas Yang Berhormat, di negara kita kerajaan masih bermurah hati membiayai kos-kos perubatan setiap rakyat yang memerlukan dan tidak ada yang terlantar tanpa menerima rawatan yang mana sekiranya seseorang pesakit itu tidak dirawat di dalam negara akan dihantar keluar negara.

"Mungkin satu hari kita perlu bertanggungjawab ke atas pembiayaan kos penjagaan kesihatan kita sendiri ini melalui skim takaful dan sebagainya," ujar Yang Berhormat.

Apa yang penting, tambah Yang Berhormat, seseorang itu perlu mengamalkan cara hidup sihat dan bertanggungjawab ke atas kesihatan sendiri agar sentiasa menikmati dan mempunyai badan yang sihat.

Program Mukim Sihat Bagi Mukim Berakas 'B' yang dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan berlangsung di Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar di sini.

Ianya antara lain bertujuan untuk mendekatkan Kementerian berkenaan dengan masyarakat setempat serta memperkenalkan beberapa perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang diberikan kepada orang

ramai.

Selain itu juga ianya adalah untuk memberi maklumat akan beberapa penyakit berbahaya seperti Penyakit Selesema Burung, Penyakit Tangan Kaki dan Mulut (HFMD), Demam Denggi serta penyakit kronik yang meningkat seperti jantung, kanser, buah pinggang, kencing manis, HIV AIDS dan batuk kering.

Program ini bukanlah julung kalinya dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan kerana Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Perubatan juga sering mengadakan Jerayawara Hari Terbuka di Pusat-pusat Kesihatan dengan mengendalikannya pelbagai kempen kesihatan dan sebagainya yang melibatkan masyarakat setempat serta orang ramai.

Pelbagai acara dilancarkan sempena pelancaran Program Mukim Sihat, termasuk senamrobik, peraduan tarik kalat, pameran kesihatan, pemeriksaan kesihatan, peraduan resipi sihat dan ceramah serta kuiz kesihatan.

Waspada ketika berada di tempat terjejas

Oleh Bolhassan Haji Abu Bakar bolhassan.bakar@information.gov.bn

BERAKAS, Ahad, 14 Mei. - Berikutan kejadian kes Penyakit Kolera yang dilaporkan di Daerah Kota Belud, Sabah, orang ramai di negara ini diingatkan agar sentiasa meningkatkan kewaspadaan ketika berada di tempat yang terjejas.

Berikutan dengan kes tersebut, Kementerian Kesihatan mengingatkan kepada orang ramai untuk sentiasa menjaga kebersihan diri dan pemakanan semasa berada di negara yang terjejas bagi mengelakkan sebarang jangkitan.

Timbalan Menteri Ke-

sihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair menjelaskan perkara itu ketika ditemui bual oleh pihak media di Majlis Pelancaran Program Mukim Sihat di Mukim Berakas 'B' hari ini.

Menurut Yang Dimuliakan, walaupun kes penyakit yang boleh membawa maut itu belum meluas, namun Negara Brunei Darussalam mengambil langkah berhati-hati dengan membuat pemantauan perkembangan jangkitan di negara berke-

naan.

"Peniaga juga diingatkan untuk menjaga kebersihan barang-barang yang dijual kepada orang ramai bagi mengelak perkara yang tidak diinginkan berlaku," tegas Yang Dimuliakan.

Menyentuh mengenai perkembangan Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (HFMD), Yang Dimuliakan berkata, Kementerian Kesihatan masih membuat pemantauan terhadap penyakit itu terutama di kalangan kanak-kanak yang berumur di bawah lima tahun.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Pehin Datu Harimaupadang Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Husin bin Ahmad yang berlangsung di Istana Nurul Iman. - Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Duta Besar, Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Pehin Datu Harimaupadang Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Husin bin Ahmad berlangsung di Istana Nurul Iman.

TYT menjunjung Surat Watikah Perlantikan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 12 April lepas.

Sebelum ini TYT adalah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Jordan.

Juga hadir di majlis itu ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Suyoi ketika melancarkan Program Mukim Sihat Bagi Mukim Berakas 'B' yang dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan. - Foto: Ramli Tengah.



TIMBALAN Menteri Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair ketika ditemui bual oleh pihak media berikutan kejadian kes Penyakit Kolera yang dilaporkan di negara jiran Sabah dan perkembangan terkini Penyakit Tangan Kaki dan Mulut (HFMD). - Foto: Ramli Tengah.

مفروموسي كسلامتن سيبير سجاكة
MEMPROMOSI KESELAMATAN SIBER SEJAGAT

دتریتکن اوله جیانتن فترافن، جیانتن فردان منتری دان دچیق اوله جیانتن فرچیفتن کراجان، جیانتن فردان منتری، نکارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Dicitak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

TALIAN PENTING

Ambulans

991

Polis

993

Bomba & Penyelamat

995

Mencari & Menyelamat

998

**PERKHIDMATAN-
PERKHIDMATAN
PENTING**

Air

140

Talian Kebajikan

141

Elektrik

144

Maklumat Penerbangan

2331747

Pusat Mencari & Menyelamat (udara dan laut)

2332600

Unit Pengurusan Bencana Alam

2381874

2381313

2382143

2382027

Selesema Burung

8984777

8985777

UNIT RAWATAN RAPI

HOSPITAL RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA

KEMENTERIAN KESIHATAN

* PESAKIT yang dirawat di Unit Rawatan Rapi adalah pesakit yang tenat dan mempunyai daya tahan melawan jangkitan yang rendah.

* Pesakit yang dirawat di Unit Rawatan Rapi kadang-kadang dijangkiti oleh pelbagai jenis kuman yang boleh membahayakan kepada pelawat seperti Tibi, MRSA dan sebagainya.

Tatacara lawatan ke Unit Rawatan Rapi

1. Waktu melawat :
12.00 tengah hari - 1.30 petang, 5.00 petang - 9.30 malam.

2. Untuk mengurangkan risiko jangkitan daripada pesakit kepada pelawat dan dari pelawat kepada pesakit, hanya dua orang pelawat sahaja yang dibenarkan melawat setiap pesakit dalam satu masa.

3. Mencuci tangan sebelum dan selepas masuk ke Unit Rawatan Rapi adalah dimestikan untuk mengurangkan jangkitan.

4. Kanak-kanak di bawah umur tujuh tahun mempunyai daya tahan melawan jangkitan yang rendah tidak dibenarkan masuk ke Unit Rawatan Rapi.

5. Apabila melawat pesakit di Unit Rawatan Rapi:

* Abiskita digalakkan membaca doa untuk pesakit.

* Tidak membuat bisling ketika melawat.



* Tidak melawat terlalu lama.

* Tidak membawa makanan.

* Tidak dibenarkan menunggu di dalam Unit Rawatan Rapi.

* Tidak merokok di dalam Unit Rawatan Rapi.

LINDUNGI DIRI, LINDUNGI PESAKIT, CUCI TANGAN, CEGAH JANGKITAN

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha : +6732242424 Sambungan 402 Unit Rawatan Rapi Pembedahan.



PENCUCIAN tangan menggunakan disinfektan.




PENCUCIAN tangan menggunakan sabun yang dikhaskan.

SUMBANGAN
BAHAGIAN
PERHUBUNGAN
AWAM,
KEMENTERIAN
KESIHATAN



TATACARA MENCUCI TANGAN YANG BETUL

Correct Handwashing Technique



Kerja beretika membawa berkat

AGAMA Islam merupakan agama rasmi Negara Brunei Darussalam, namun begitu agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di negara ini. Oleh kerana agama suatu ciri penting bagi negara ini sudah sewajarnya rakyat dan penduduk negara ini khususnya warga Perkhidmatan Awam (PA) menerapkan nilai-nilai Islam kepada tatacara PA selaras dengan itu pegangan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB).

Seperti yang kita sedia maklum Islam menuntut setiap manusia bekerja, berusaha mencari rezeki bagi menyara hidupnya, keluarganya dan juga memeduli ibu bapanya yang telah tua. Di samping itu Islam juga menyatakan bahawa sesuatu kerja yang halal ialah tugas yang diamanahkan oleh Allah kepada seseorang insan.

Apabila seseorang itu menjalankan tugasnya ataupun bekerja dengan sendirinya bererti bahawa insan tersebut sedang menunaikan amanah Allah. Dengan kata lain hamba Allah itu beribadat. Menurut Islam setiap kerja yang diredai oleh Allah dan disertai dengan niat adalah ibadat. Oleh demikian setiap insan hendaklah menyedari dan menghayati bahawa setiap kegiatannya menjalankan kerja yang halal adalah wajib baginya dan kegiatannya sekiranya dimulai dengan niat hendaklah dianggap sebagai ibadat. Bahkan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ada bersabda yang bermaksud:

"Barang siapa bekerja untuk anak isterinya melalui jalan yang halal maka baginya mereka pahala seperti orang yang berjihad di jalan Allah." (hadis riwayat Al-Bukhari).

Di samping itu kita hendaklah juga mengetahui bahawa setiap tugas atau kerja yang diberi oleh Allah kepada seseorang itu adalah menurut kemampuan orang yang berkenaan seperti yang ternyata di dalam firman Allah yang tafsirnya:

"Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan apa yang terdapat olehnya." (Surah Al-Baqarah: 286)

Ayat ini menekankan bahawa tidak ada sebab bagi seseorang pekerja itu mengeluh dan mengatakan bahawa tugasnya terlalu berat dan sukar. Dengan sendirinya ayat itu jua menekankan bahawa seseorang pekerja itu boleh menyelesaikan segala tugas jawatannya melainkan pekerja itu sendiri tidak mahu menunaikan tanggungjawabnya.

Selain itu setiap manusia hendaklah insaf bahawa menurut ajaran Islam setiap kegiatan kita di dunia ini akan diperhitungkan di akhirat nanti sebagaimana ternyata di dalam firman Allah yang tafsirnya:

"Tiap-tiap diri bertanggungjawab terhadap apa yang diperbuatnya." (Surah Al-Muddaththir: 38)

Ini bererti sekiranya kita tidak menunaikan kerja dengan sewajarnya seperti mencuri masa dengan membuat kerja pejabat dalam waktu pejabat maka semestinya kita akan dihukum di akhirat kelak walaupun kita mungkin terlepas daripada tindakan tatatertib ataupun hukuman di dunia ini. Sebaliknya berbagialah kita di dunia dan di akhirat sekiranya kita melaksanakan tugas kita dengan

sewajarnya menurut tuntutan Islam.

Selain daripada peraturan dan undang-undang, kehidupan manusia dibendung oleh etika. Dalam setiap profesion pekerjaan mempunyai etika kerja yang tersendiri. Etika kerja bagi sesuatu profesion itu biasanya digubal oleh ahli-ahli di dalam profesion tersebut bagi menjadi panduan dan pegangan mereka dalam melaksanakan tugas masing-masing.

Setiap profesion menghendaki warganya mematuhi etika kerja yang digubal bagi meningkatkan mutu dan prestasi kerja mereka. Selain daripada itu etika kerja digubal dengan tujuan untuk meletakkan martabat sesuatu profesion itu di tahap yang tinggi sekali gus dapat meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap mutu perkhidmatan yang diberikan oleh profesion tersebut kepada masyarakat.

Menurut Model Sistem Pengurusan Islam, etika kerja Islam mempunyai ciri-ciri yang lebih universal yang terdiri daripada 17 perkara iaitu: Sabar, Amanah, Ikhlas, Jujur, Cekap, Kreatif, Adil, Bersih, Bersyukur, Tidak Putus Asa, Berakhlak, Dedikasi, Berdisiplin, Bertanggungjawab, Tekun, Sederhana dan Telus.

Ciri-ciri etika kerja di atas sangat penting dan amat sesuai diamalkan oleh setiap pekerja tidak kira dalam apa juga profesion. Setiap pekerja terutamanya umat Islam perlu menghayati dan mengamalkan nilai-nilai etika kerja di atas bagi menjadikan dirinya sebagai insan yang merupakan Khalifah Allah di muka bumi ini.

Sebagai insan yang dipertanggungjawabkan melaksanakan tugas Khalifah Allah mereka perlu mempunyai akal, rohani, jasmani dan emosi yang mantap supaya dalam melaksanakan amanah Allah dengan sempurna demi memperoleh keredaan-Nya di dunia dan akhirat.

Oleh itu PA tidak lagi dinilai semata-mata daripada kualiti dan kuantiti perkhidmatan serta penguasaan tetapi juga daripada kelakuan dan imej warga PA. Kelakuan yang baik dan komitmen yang jujur kepada kejujuran serta amanah dalam pengurusan dan pentadbiran menjadi fokus utama.

Berasaskan semua ini etika kerja dalam Islam seperti bekerja dengan azam mengabdikan diri kepada Allah, bekerja dengan ikhlas dan amanah, bekerja dengan tekun dan cekap, bekerja dengan semangat gotong-royong dan berpadu fikiran dan bekerja dengan matlamat kebahagiaan manusia sejahtera.

Justeru itu setiap warga PA khususnya perlu mengamalkan dan menghayati rukun akhlak dan etika kerja serta amalan pengurusan menurut ajaran agama Islam seperti yang digariskan dalam Buku Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam yang menekankan 11 ciri seperti berikut:

1 - Bersih, Jujur dan Amanah Amalan Mulia
Pekerja yang bersih, jujur dan amanah mempunyai hati yang ikhlas, niat yang baik dan jiwa yang murni. Setiap perbuatan, keputusan dan tindakannya

dilaksanakan dengan ikhlas, adil dan saksama. Selain itu pekerja yang bersih, jujur dan amanah sentiasa mentaati undang-undang dan boleh diberi kepercayaan sepenuhnya untuk melaksanakan sesuatu tugas atau kewajipan walau bagaimanapun sulit dan rahsianya sesuatu tugas atau kewajipan itu.

2 - Cekap, Cepat dan Tepat Tuntutan Kerja

Pekerja yang cekap, cepat dan tepat dalam melaksanakan tugas-tugas adalah seorang yang pandai dalam pekerjaannya dan dapat menunaikan tugas dan tugasnya adalah seorang yang pandai dalam pekerjaannya dan dapat menunaikan tugas serta tanggungjawab yang diberikan kepadanya dengan baik dan berkesan. Dia sentiasa peka terhadap masa, kualiti dan kuantiti kerjanya serta melaksanakan dengan bersempurna sehingga sempurna dan mencapai matlamatnya dalam jangka waktu yang bersesuaian atau yang ditetapkan.

3 - Titih, Lutan dan Menghargai Masa Asas Kejayaan

Seorang pekerja yang titih dan lutan menggunakan segala kepakarannya dan kemahirannya dalam melaksanakan tugasnya dengan penuh kesempurnaan. Dia sentiasa mengutamakan kepentingan tugas daripada kepentingan peribadi dan akan sentiasa berusaha pada memastikan sesuatu yang dihasilkannya itu bermutu tinggi serta menepati kehendak.

Masa bagaikan emas, berharga dan dihargai. Dengan menggunakan waktu bekerja sebaik-baiknya secara produktif dan berkesan serta bukannya berleluasa atau sambil lewa sahaja, seseorang itu akan dapat meningkatkan keberhasilan dan kemajuan organisasinya.

4 - Berilmu, Kreatif dan Inovatif Asas Kebaktian

Pekerja yang berilmu, kreatif dan inovatif mempunyai kekuatan (Al-Quwwah), ilmu pengetahuan, kemahiran, daya cipta dan daya fikir dalam merancang sesuatu secara sistematis dan strategik. Dia juga berupaya memperkenalkan kaedah-kaedah baru dalam pelbagai bentuk yang boleh memudahkan kerja dan menjimatkan tenaga, masa dan kos serta meningkatkan penghasilan dan



FOTO HIASAN ... Setiap pekerja terutamanya umat Islam perlu menghayati dan mengamalkan nilai-nilai etika kerja bagi menjadikan dirinya sebagai insan yang merupakan Khalifah Allah di muka bumi ini.

mutu kerja. Pekerja seperti ini dapat menyumbangkan jasa baktinya secara amal jariah yang berkekalan dunia dan akhirat.

5 - Beriltizam, Keterbukaan dan Akauntabiliti Mengukuhkan Keberkesanan

Pekerja yang beriltizam memberi sepenuh tumpuan kepada kerjanya, dedikasi, prihatin lagi disertai dengan semangat keberanian dan azam yang kuat sehingga kerjanya dapat diselesaikan dengan sempurna manakala pekerja yang ada akauntabiliti akan sentiasa melaksanakan sesuatu tugas yang diamanahkan kepadanya dan memastikan objektif atau sasaran kerja yang dikehendaki dapat dicapai dengan sempurna dan berkesan.

6 - Sabar, Tabah dan Bersopan Santun Amalan Terpuji

Seorang pekerja yang sabar dan tabah mempunyai daya ketahanan hati atau perasaan dalam menghadapi sebarang tekanan, desakan keadaan sekeliling atau menerima sebarang kesesakan. Dalam keadaan seperti ini dia tidak akan terburu-buru membuat sesuatu keputusan. Manakala bersopan santun dan berbudhi mulia sangat dituntut dalam Islam dan amat diperlukan dalam PA.

7 - Meningkatkan Produktiviti dan Daya Saing Menambah Penghasilan

Pekerja yang produktif tidak setakat berpuas hati dan perpadu kepada satu tingkat pencapaian sahaja tetapi akan sentiasa berusaha meningkatkan prestasi dan memperbaiki kualiti serta memperbanyakan

penghasilan dari semasa ke semasa. Pekerja yang mempunyai daya saing yang tinggi pula akan mengambil segala kesempatan yang terbuka kepadanya dan berlumba-lumba untuk mengeluarkan penghasilan yang lebih baik.

8 - Qudwah dan Qidah Teladan Kepimpinan

Nilai-nilai utama yang ditentukan oleh Islam ialah pemimpin itu mestilah taat kepada Allah dan mencontohi kepimpinan Rasulullah kerana Rasulullah itu adalah contoh pemimpin yang terbaik. Di samping itu Islam juga menghendaki seorang pemimpin itu berakhlak tinggi, berwibawa, sabar, tegas, bertanggungjawab, bijak merancang dan bijak melaksanakan tugas serta membuat apa yang diketangkannya.

9 - Setia Kawan, Syura dan Bermuafakat Membawa Berkat

Bekerja secara berpasukan perlu bagi melahirkan suasana kerja yang harmoni, aman, gembira dan mengeratkan hubungan silaturrahim. Suasana seperti ini akan pasti meningkatkan hasil dan kualiti kerja serta kerja yang berat menjadi ringan dan dapat disempurnakan dengan lebih cepat, tepat dan berkesan. Sebagai keputusan yang diambil secara bermuafakat akan membawa kebaikan dan keberkatan kerana ianya lebih tepat, adil dan mudah diterima dan dihayati dari keputusan secara sepihak atau berdasarkan arahan semata-mata.

10 - Berjimat Cermat Asas Kemakmuran

Pekerja yang berjimat cermat adalah mereka yang

menggunakan segala sumber yang tersedia ada yang berupa material, masa dan tenaga menurut ukuran keperluan dengan secara mengambil jalan tengah dengan menggunakan peruntukan yang disediakan menurut peraturan yang ditentukan. Islam sendiri mengajar umatnya supaya bersikap jimat cermat dan mencela sifat membazir dan boros kerana sikap sedemikian dianggap sebagai sahabat syaitan.

11 - Pemedulian Asa Perpaduan

Sikap pemedulian diri dengan penuh keikhlasan, kejujuran dan keamanahan akan mewujudkan suasana harmoni, sejahtera dan rasa kepuasan yang tidak terhingga di antara mereka. Apabila keharmonian, kesejahteraan dan kemakmuran yang berpanjangan dapat diwujudkan negara dan rakyat akan dapat berpadu teguh serta berganding erat bagi mencapai kejayaan.

Perkara ini selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena menyambut tahun baru pada 1 Januari 1996 antara lain baginda bertitah:

"... telah sampai masanya untuk kita memantapkan sikap cekal dan bersempurna dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab kita..."

Jika setiap warga PA memiliki kesemua ciri yang dinyatakan itu merupakan hasrat baginda untuk menjadikan PA dipercayai akan terlaksana.



FOTO HIASAN ... Laksanakan tugas dengan tekun. Umat Islam perlu mengetahui bahawa setiap tugas atau pekerjaan yang dilaksanakan bukan hanya sekadar mencari rezeki untuk hidup tetapi perlu menjadikan sebagai suatu ibadah.

Sastera dan Budaya

سستردان بودایا

Waris Kesultanan Melaka, Johor - Riau dan Siak di Brunei Darussalam

Oleh Haji Duraman Tuah

Pengenalan : Siapa dan dari mana asal usul dato Khamis?

HAMPIR kesemua penulis dan penganalisis sejarah tempatan tidak mengetahui atau mengenali tokoh yang bernama Dato Khamis bin Raja Rabiul Alam. Fakta mengenai kewujudan beliau seolah-olah macam satu perkara yang direka-reka bagi membolehkan pahlawan-pahlawan Mukim Saba mendabik dada bahawa mereka berasal dari keturunan kesultanan yang sangat berpengaruh di Asia Tenggara satu ketika dahulu.

**DATO KHAMIS
MEMANG WARIS
KESULTANAN
MELAKA JOHOR -
RIAU DAN SIAK**

Mengikut fakta sejarah di Malaysia, sultan terakhir Melaka iaitu Sultan Mahmud Shah I [memerintah 1488-1511] terpaksa berundur dari Melaka setelah tidak dapat mempertahankan diri dari serangan angkatan tentera Portugis yang diketuai oleh Alfonso de Albuquerque. Baginda bersama pengikut-pengikut dan rakyat baginda yang setia berundur melalui Sungai Muar dan akhirnya menubuhkan sebuah kerajaan baru di satu kawasan yang kini dikenali sebagai Johor Lama. Di Johor Lama inilah baginda bersemayam dan menjadi Sultan Johor pertama. Baginda memerintah dari tahun 1511 hingga 1528.

Setelah Sultan Mahmud Shah I mangkat, anakanda baginda yang kemudiannya diangkat Sultan Alauddin Riayat Shah II diangkat menjadi Sultan Johor Ke-2 dan memerintah dari tahun 1528 hingga 1564. Pemerintahan Johor diteruskan oleh Sultan Muzaffar Shah II, Sultan Johor Ke-3 setelah kemangkatan Sultan Alauddin Riayat Shah II. Baginda memerintah dari tahun 1564 hingga 1570.

Pemerintahan Johor bertukar tangan kepada cabang keluarga Sultan Muazzafah Shah II dan Sultan Alauddin Riayat Shah II, bermula dari tahun 1570 hingga ke tahun 1613. Dalam tempoh tersebut tiga orang sultan memerintah Johor. Pada tahun 1613 seorang putera diraja Johor diangkat menjadi Sultan Johor yang Ke-7 dengan gelaran Sultan Abdullah Mu'ayyad Shah. Baginda memerintah sehingga tahun 1623.

Perebutan kuasa berlaku di kalangan ahli keluarga

Sultan Abdullah Mu'ayyad Shah sehingga menyingkirkan Raja Bajau yang sepatutnya menjadi Sultan Johor Ke-8 yang dilantik menjadi Yang Di-Pertuan Muda Johor dan Pahang iaitu satu jawatan tidak berkuasa penuh. Kuasa yang diambil secara tipu helah oleh Sultan Johor Ke-8 akhirnya diserahkan balik kepada putera Raja Bajau yang diangkat menjadi Sultan Johor ke-9 dengan gelaran Sultan Ibrahim Shah, yang memerintah dari tahun 1677 hingga 1685. Isteri Sultan Ibrahim Shah dikenali sebagai Marhum Bakal.

Mengenai pancir keturunan Marhum Bakal ini dinyatakan secara jelas di dalam 'Fasal Pada Menyatakan Keturunan Raja-raja Temenggong Di Dalam Negeri Muar' :

"Maka adalah keturunannya itu mula-mulanya daripada seorang kaum Hashim yang bernama Syed Idrus yang turun dari Hadralmaut ke negeri Aceh tempatnya bernama Kampong Pasir hingga beberapa tahun tinggal di sana maka diambil oleh Sultan Aceh dijadikan menantu [beristerilah ia dengan kebangsiannya anak Sultan Aceh itu]. Tiada berapa lama antaranya hamillah isterinya itu hingga berputera akan seorang anak laki-laki dinamakan ayahandanya Syed Zainal Abidin".

Setelah dewasa Syed [Sayid] Zainal Abidin itu pergi ke Johor Lama dan akhirnya berkahwin dengan anak perempuan Tun Zainal [Bendahara Sekudai] yang bernama Tun Mengkudu. Dari perkahwinan itu lahirlah Maharaja Seri Diraja yang nama batang tubuhnya ialah Tun Mat Ali. Maharaja Seri Diraja tidak memperolehi zuriat setelah beliau lama berkahwin. Dengan keizinan Bendahara Tun Zainal, Tun Mat Ali ke Muar untuk meminang seorang gadis yang bakal berkahwin [sudah menjadi tunang orang]. Gadis, anak kepada Orang Kaya Derma itu, akhirnya berkahwin dengan Tun Mat Ali.

Dari perkahwinan Tun Mat Ali dengan anak gadis Orang Kaya Derma itu lahirlah tiga orang anak, masing-masing bernama Datu Engku Pasir Diraja, Bendahara Padang Saujana dan Marhum Bakal. Salasilah keturunan Marhum Bakal ini jelas menunjukkan bahawa baginda mempunyai pertalian darah dengan keturunan syed dari Hadral-maut.

MUKADIMAH

RENCANA ini adalah susulan dan berkaitan dengan berjudul : 'SUMBANGAN DAN JASA PAHLAWAN-PAHLAWAN MUKIM SABA DALAM MENEGAKKAN KESULTANAN BRUNEI : SATU ANALISIS' yang diterbitkan dalam PELITA BRUNEI pada 15 Disember 2004 - Penyunting.

Menurut keterangan yang dinyatakan di dalam Salasilah Al-Alawiyah yang didapatkan di Tanah Abang, Jakarta Datuk Marhum Bakal iaitu Syed Zainal Abidin mangkat di Tarim, Hadral-maut dan dimakamkan bersebelahan makam ayahnya, Syed Abdullah Al-Idrus. Dari salasilah tersebut ternyata bahawa Syed Abdullah Al-Idrus mempunyai nasab keturunan sehingga kepada Syed Zainal Abidin bin Sayidina Husin bin Sayidina Ali bin Abi Talib. Secara langsung Marhum Bakal adalah keturunan Nabi Muhammad melalui cucu baginda Sayidina Husin bin Sayidina Ali yang beristerikan Sayidatina Fatimah Al-Zahra.

**SULTAN MAHMUD
MANGKAT DIJULANG
: BETULKAH
SEORANG
SULTAN KEJAM?**

Perkahwinan Sultan Ibrahim Shah dengan Marhum Bakal melahirkan Sultan Mahmud Shah II iaitu Sultan Johor Ke-10. Baginda memerintah dari tahun 1685 hingga 1699. Semasa baginda mangkat pada tahun 1699 baginda dikatakan tidak mempunyai waris lelaki yang sah untuk menggantikan baginda. Oleh itu takhta diambil alih oleh ayahanda saudara di sebelah bonyanya, Bendahara Padang Saujana Tun Habib Abdul Majid, yang bergelar Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV, Sultan Johor Ke-II.

Dalam versi rasmi Sejarah Kesultanan Johor, Sultan Mahmud Shah II berumur dalam lingkungan 35 tahun ketika baginda mangkat dan masih bujang. Baginda juga mangkat semasa dijulung untuk ke masjid bersalat Jumaat. Punca kemangkatan baginda ialah kerana ditikam dengan keris oleh Megat Seri Rama, hulubalang dan sahabat karib baginda sendiri. Megat Seri Rama berbuat demikian kerana membalas dendam di atas kematian isterinya yang dititahkan bunuh oleh Sultan Mahmud setelah memakan buah nangka baginda terlebih dahulu dari baginda sendiri. Gambaran dari kisah sejarah ini menun-

jukkan bahawa Sultan Mahmud adalah seorang sultan yang kejam dan tidak berperikemanusiaan.

Persoalannya : Betulkah Sultan Mahmud begitu kejam dan benarkah isteri Megat Seri Rama dibunuh setelah memakanangka Sultan Mahmud? Betulkah penjaga pokok angka Sultan Mahmud Shah itu bercakap benar atau sengaja mereka-reka cerita? Apakah kemangkatan baginda dirancang sebagai satu konspirasi politik untuk memberhentikan zuriat Sultan Mahmud Shah mengucarkan darah Kesultanan Johor yang dianggap 'darah berkat'? Semua persoalan ini tidak dijawab atau dijelaskan di dalam fakta sejarah Kesultanan Johor yang ada ketika ini.

Apa pun versi yang diterima pakai mengenai punca kemangkatan Sultan Mahmud Mangkat Dijulang, satu fakta yang tidak banyak diketahui orang ialah keakraban persahabatan Sultan Mahmud dan Megat Seri Rama. Mengikut tradisi lisan yang diperturunkan oleh waris-waris [bukan anak] Megat Seri Rama, kedua orang personaliti ini mempelajari satu ajaran tarekat ketuhanan yang diajar oleh seorang ulama taseuf di zaman itu. Begitu mendalam tahap ilmu kebatinan mereka sehingga banyak pembesar Johor berusaha membunuh mereka menggunakan ilmu kebatinan dan ilmu hitam, tetapi tidak berjaya.

Akhirnya mereka menggunakan satu taktik kotor yang tidak diterima oleh akal manusia yang waras. Mereka mengadap Sultan Mahmud dengan menca- dangkan Megat Seri Rama, bersama sekumpulan pang- lina, menghapuskan lanun di Kepulauan Riau yang bermaharajalela. Semasa pemergian Megat Seri Ra- ma, kumpulan pembesar yang jahat itu sengaja men- culik isteri Megat Seri Rama yang sarat mengand- ung dan menyembunyi- cannya di suatu tempat. Mereka kemudian berpakat dengan penjaga pokok mangka Sultan Mahmud yang sengaja menebuk sebi-

ji buah angka yang sepatutnya dimakan oleh sultan terlebih dahulu. Setelah angka disembahkan kepada Sultan Mahmud, baginda tidak murka malah menaikan penjaga itu memberikan sahaja buah tersebut kepada isteri Megat Seri Rama.

Kumpulan pembesar yang jahat itu menjaja atau menguar-uarkan berita bahawa Sultan Mahmud telah meniatkan pembunuhan isteri Megat Seri Rama kerana memakan sebiji buah nangka milik baginda. Sultan Mahmud yang dianggap sebagai 'sultan kerana Allah' tidak mengetahui bahawa nama baginda sudah dicemari dengan fitnah yang bakal membunuh baginda. Sekembali Megat Seri Rama dari menghapuskan lanun di Riau, beliau menerima berita bahawa isterinya telah dihukum bunuh oleh Sultan Mahmud. Dengan perasaan marah yang meluap-luap Megat Seri Rama mengambil peluang menikam Sultan Mahmud di kawasan masjid. Baginda terkejut dan akhirnya beritah "Aku sumpah tujuh keturunanmu dari bumi Johor ini."

Pembunuhan Sultan Mahmud semasa dijulung itu tidak terhenti begitu sahaja. Penyebar-penyebarkan di kalangan pemberes-pembesar Johor itu meneruskan kempen memburuk-burukkan nama baginda sehingga sejarah masih mengatakan baginda raja yang zalim. Persoalan asas yang perlu ditanya ialah : Adakah sebelum peristiwa pembunuhan Sultan Mahmud itu baginda terkenal sebagai seorang sultan dan pemerintah yang zalim, tidak berperikemanusiaan dan mengamalkan segala bentuk kejahatan? Patutkah seorang sultan yang hendak bersalat Jumaat dianggap sultan zalim?

Walau apa pun tohman yang dibuat terhadap baginda, terdapat satu keanehan atau keajaiban yang

.....

Siri Pertama

berlaku di makam Sultan Mahmud di kawasan baginda dibunuh sehingga ke hari ini. Mengikut penduduk setempat, seluruh kawasan perkuburan baginda sentiasa berbau harum walaupun tidak terdapat bau kemenyan atau setanggi yang dipasang. Hanya Allah Yang Maha Mengetahui apa yang hendak dilakukan-Nya.

BETULKAH RAJA KECIL WARIS [ANAK] SULTAN MAHMUD SHAH II?

Dalam mengisi kekosongan Kesultanan Johor akibat kemangkatan Sultan Mahmud Shah II, semua pembesar Johor bersetuju mengangkat Bendahara Padang Saujana Tun Habib Abdul Majid, ayahanda saudara di sebelah bondanya, untuk menjadi Sultan Johor Ke-11, dengan gelaran Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV. Ini bermakna bahawa waris terakhir Kesultanan Melaka tidak dapat diteruskan kerana Sultan Mahmud Shah tidak mempunyai anak lelaki yang sah, semasa baginda mangkat.

Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV memerintah Johor dari tahun 1699 hingga 1718 di mana dalam tempoh tersebut tidak ada tanda-tanda bahawa Johor akan dikuasai oleh kuasa luar dan akhirnya Kesultanan Johor berpindah tangan.

Pada tahun 1718, Raja Kecil, dengan bantuan perajurit-perajurit Orang Laut dan panglima-panglima kerabat diraja Minangkabau, menyerang Johor dan berjaya memaksa Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV turun takhta. Sebelum serangan tersebut, Raja Kecil pernah dibawa ke Johor untuk menziarahi makam Sultan Mahmud II, ketika berusia tujuh tahun. Semasa di makam itulah Raja Kecil mengetahui bahawa ia adalah anak lelaki Sultan Mahmud dengan seorang

[illegible]

gundik kesayangannya bernama Cik Apong, anak Laksamana Johor.

Banyak tradisi lisan di Johor dan Siak mempersoalkan kesahihan cerita dan pengakuan bahawa Raja Kecil adalah anak lelaki Sultan Mahmud Shah II. Di dalam kitab Tuhfat Al-Nafis menceritakan bahawa Raja Kecil adalah anak Sultan Mahmud yang dihasilkan setelah baginda menghamilkan Cik Apong dalam keadaan nazak [hampir maut]. Cerita ini tidak diterima logik akal kerana adalah sangat mustahil seseorang yang cedera parah boleh melakukan persetubuhan dengan seorang wanita. Di Siak, tradisi lisan mengakui bahawa Raja Kecil adalah anak lelaki Sultan Mahmud dengan Cik Apong, yang lahir beberapa tahun sebelum kemangkatan Sultan Mahmud. Tradisi lisan Siak ini lebih layak dipercayai kerana ia berasaskan logik akal dan fakta politik ketika itu.

Semasa Sultan Mahmud Shah II memerintah Johor, beberapa percubaan telah dilakukan oleh anak-anak raja Bugis dari Sulawesi untuk menawan Johor melalui serangan-serangan, tetapi tidak berjaya. Kelahiran Raja Kecil telah mengubah senario politik Johor kerana banyak pembesar Johor telah dipengaruhi oleh Bugis untuk berpaling tadah. Mereka mendengar berita kelahiran Raja Kecil, yang dilahirkan sekitar tahun 1694. Menyedari bahawa Raja Kecil boleh menggagalkan rancangan mereka setelah dewasa, pembesar-pembesar tersebut berpakat membunuh Raja Kecil yang masih kecil. Tetapi rancangan tersebut diketahui oleh Cik Apeng. Dengan bantuan Laksamana Johor dan Raja Negara Selat [ketua Orang Laut], Raja Kecil dilarikan ke Muar, seterusnya dibawa ke Palembang dan akhirnya bermastautin di Payarrayung di bawah asuhan Puteri JAMILAN, bonda Sultan Pagarruyung.

 Lihat muka 9

DALAM versi rasmi Sejarah Kesultanan Johor, Sultan Mahmud Shah II berumur dalam lingkungan 35 tahun ketika baginda mangkat dan masih bujang. Baginda juga mangkat semasa dijulang untuk ke masjid bersalat Jumaat. Punca kemangkatan baginda ialah kerana ditikam dengan keris oleh Megat Seri Rama, hulubalang dan sahabat karib baginda sendiri. Megat Seri Rama berbuat demikian kerana membalas dendam di atas kematian isterinya yang dititahkan bunuh oleh Sultan Mahmud setelah memakan buah nangka baginda terlebih dahulu dari baginda sendiri. Gambaran dari kisah sejarah ini menunjukkan bahawa Sultan Mahmud adalah seorang sultan yang kejam dan tidak berperikemanusiaan.

SENTIASA BERSYUKUR ATAS NIKMAT, REZEKI YANG DIKURNIAKAN

MARILAH kita meningkatkan ketakwaannya kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan menegakkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Setiap Muslim yang mahu menjadi orang yang beriman dan bertaqwa, mereka akan kasihkan kepada Tuhannya, melaksanakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan menjauhi larangan-Nya, kerana mereka sadar hanya dengan iman dan taqwa sahajalah mereka mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala dan akan hidup bahagia di dunia dan di akhirat.

Untuk menjadi manusia yang beriman dan bertaqwa sangat memerlukan kepada usaha, latihan, kesabaran dan bersedia menghadapi apa jua cabaran dan ujian Allah Subhanahu Wata'ala. Di samping itu sifat-sifat yang mendorong ke arah ketakwaannya juga perlu dimiliki, antaranya sifat syukur.

Syukur ialah berterima kasih kepada Allah Subhanahu Wata'ala di atas segala nikmat, rahmat, berkat dan taufik hidayah-Nya ke atas manusia. Terdapat banyak ayat-ayat Al-Qur'an yang menganjurkan supaya kita sentiasa bersyukur, antaranya ialah sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 152 tafsirnya:

"Oleh itu, ingatlah kamu kepada-Ku dengan mematuhi hukum dan undang-undang-Ku, supaya aku membalas kamu dengan kebaikan dan ber-

syukurlah kamu kepada-Ku dan janganlah kamu kufur akan nikmat-Ku."

Bersyukur di atas nikmat Allah Subhanahu Wata'ala itu boleh dilakukan dengan pelbagai cara, baik melalui lisan, hati atau perbuatan, dengan lisan iaitu bertahmid dengan memuji Allah Subhanahu Wata'ala seperti mengucapkan Kalimah Tayyibah iaitu Subhanallah, Alhamdulillah dan Allahuakbar, atau dengan hati iaitu sentiasa bersangka baik terhadap Allah Subhanahu Wata'ala, atau melalui perbuatan, iaitu menempatkan nikmat pada tempat yang diredai Allah Subhanahu Wata'ala dan menyalurkan pada jalan yang betul sebagaimana yang digariskan oleh agama Islam. Jika nikmat berupa harta, infakkanlah atau belanjakanlah mengikut yang diperintahkan, seperti membantu fakir miskin dan untuk keperluan Jihad Fi Sabilillah. Jika nikmat berupa ilmu pengetahuan, amalkan dan ajarkan kepada orang lain. Jika nikmat itu berupa pangkat atau kedudukan, jaga dengan baik, jangan disalahgunakan, gunakanlah untuk kebaikan dan kebajikan serta untuk mencegah kemungkaran.

Islam menggalakkan umatnya supaya sentiasa bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Bukan ingkar dan tidak berterima kasih terhadap nikmat pemberian-Nya, kerana perbuatan tidak bersyukur dan tidak berterima kasih merupakan sikap orang yang tidak mengenang budi, yang menyebabkan kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala dan dijanjikan dengan azab seksa yang pedih.

Ketahuilah bahawasanya Allah Subhanahu

Wata'ala telah mengurniakan nikmat yang tidak terkira banyaknya kepada hamba-hamba-Nya dan Allah tidak meminta balasan ke atasnya tetapi yang penting hamba-hamba-Nya bersyukur dengan nikmat tersebut. Dikurniakan akal untuk berfikir, dikurniakan anggota badan yang sempurna dan sihat untuk beribadat menyembah-Nya dan mencari rezeki yang halal, dikurniakan anak, maka jaga dan sayangilah mereka, dikurniakan negara aman makmur dengan raja atau pemerintah yang adil dan pengasih maka peliharalah dan syukurlah.

Ingatlah saudara-saudara sekalian, bahawa dengan mensyukuri nikmat Allah itu boleh menyelamatkan kita dari azab bencana. Bukankah Allah Subhanahu Wata'ala telah berfirman dalam Surah Ibrahim ayat 7 tafsirnya:

"Dan ingatlah taatlah tuhan kamu memberitahu, demi sesungguhnya jika kamu bersyukur nescaya aku akan tambah nikmatku kepadamu, dan demi sesungguhnya jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabku amatlah keras."

Jadikanlah iktibar kisah-kisah kaum yang ditimpa bencana akibat tidak bersyukur, sebaliknya kufur terhadap nikmat Allah Subhanahu Wata'ala. Antaranya sebagaimana diceritakan dalam Surah Saba', ayat 15 - 17: Kisah tersebut menceritakan bahawa sesungguhnya penduduk Negeri Saba' itu terdiri daripada raja-raja dan penduduk Yaman yang hidup dengan penuh nikmat yang besar serta rezeki yang melimpah ruah. Mereka mempunyai kebun-kebun yang subur dan taman-taman yang indah


serta lembah-lembah yang luas.

Allah Subhanahu Wata'ala telah mengutus kepada mereka rasul-rasulnya yang memerintahkan kepada mereka supaya memanfaatkan rezeki Allah Subhanahu Wata'ala dan bersyukur kepadanya dengan cara patuh dan taat hanya kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Namun mereka mengingkari semua yang diperintahkan kepada mereka dan kerana itu negeri mereka dihancurkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala sehancurnya.

Allah menimpakan kepada mereka banjir besar yang memenuhi lembah, menghancurkan empangan, meranapkan kebun dan tanam-tanaman. Mereka semua dihancurkan dan dibinasakan, kecuali beberapa orang sahaja. Allah Subhanahu Wata'ala memberikan balasan kepada mereka dengan balasan yang pedih, kerana mereka kufur kepadanya dan ingkar terhadap nikmat-nikmatnya serta mendustakan kebenaran yang disampaikan oleh para rasulnya.

Oleh itu wahai kaum Muslimin, jadikanlah kisah ini satu iktibar, pengajaran kepada kita, buat perbandingan, lihatlah kaum Saba' yang mewah tetapi tidak bersyukur dan tidak mentaati Allah, diturunkan bala bencana dan azab Allah Subhanahu Wata'ala. Maka apakah yang akan berlaku kepada manusia zaman kini, yang ada di antaranya hidup mewah, senang-lenang tetapi hanyut dan lalai sehingga lupa bersyukur dan mengingkari perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

Apa yang lebih menyedihkan lagi apabila terdapat sebilangan orang-



orang Islam yang terikut-ikut budaya asing yang bertentangan dengan ajaran dan hukum Allah, hanya dengan alasan untuk mengajar kemodernan. Cuba kita fikirkan, apakah dengan membelakangi perintah Allah itu mereka telah dianggap maju? Kita hendaklah sedar bahawa kehidupan itu juga adalah nikmat dan kurnia dari Allah Subhanahu Wata'ala, firman-Nya dalam Surah An Nahl, ayat 78 tafsirnya:

"Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatu pun, dan ia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran) supaya kamu bersyukur."

Dan sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala menciptakan manusia untuk menyembah dan beribadat kepadanya kerana itu kita jangan jadi orang yang kufur akan

nikmat Allah dengan mengingkari perintah Allah Subhanahu Wata'ala, kerana azab Allah itu sangat pedih, baik semasa di dunia apatah lagi di akhirat kelak. Marilah kita ambil peringatan dari Allah Subhanahu Wata'ala, sebagaimana firman-Nya dalam Surah An Nahl ayat 112 tafsirnya:

"Dan berhubung dengan hal kaum yang kufur ingkar, Allah memberikan satu misalan: Sesebuah negeri yang aman damai dan tenteram, yang di datangi rezekinya yang mewah dari tiap-tiap tempat, kemudian penduduknya kufur akan nikmat-nikmat Allah itu, maka Allah merasakannya kelaparan dan ketakutan yang meliputi keseluruhannya disebabkan apa yang mereka telah lakukan."

Allah Maha Pengasih dan Penyayang kepada hamba-hamba-Nya yang taat dan patuh kepada-Nya, Allah berjanji akan menambah nikmat-Nya kepada hamba-hamba-Nya yang bersyukur.

Ketahuilah bahawa sifat syukur itu boleh membersihkan jiwa, mendekatkan diri kepada Allah

Subhanahu Wata'ala, menyenangkan hati dan perasaan, sebaliknya kejahatan dan kelalaian terhadap nikmat Allah Subhanahu Wata'ala itu menyebabkan manusia kufur nikmat bahkan sanggup melanggar perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

Akhirnya, bersyukur lah ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala di atas limpah nikmat dan rezeki yang telah dikurniakan kepada kita. Berdoalah kita kepadanya supaya menjadikannya kita umat yang sentiasa bersyukur dan berterima kasih, mudah-mudahan kita tidak termasuk ke dalam golongan hamba-hamba-Nya yang kufur nikmat yang akan menerima pembalasan azab yang amat pedih dari Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana dalam Surah Al Insaan ayat 3, tafsirnya:

"Sesungguhnya Kami telah menunjukkan kepadanya (melalui akal dan rasul) akan jalan-jalan yang benar dan salah. Maka terserahlah kepadanya sama ada ia bersyukur (dengan beriman dan taat atau pun ia berlaku kufur dengan mengingkari kebenaran atau menderhaka."

ISLAM menggalakkan umatnya supaya sentiasa bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Bukan ingkar dan tidak berterima kasih terhadap nikmat pemberian-Nya, kerana perbuatan tidak bersyukur dan tidak berterima kasih merupakan sikap orang yang tidak mengenang budi, yang menyebabkan kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala dan dijanjikan dengan azab seksa yang pedih.

وقت سمبھيٹ، امساك، شوروۃ دار ضحى

وقت ۲ سمبھيٹ، امساك، شوروۃ دار ضحى باگي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 19 ربيع الآخر، 1427 برسامان دغن 17 مي، 2006 هيڳت كهاري ثلاث، 25 ربيع الآخر، 1427 برسامان دغن 23 مي، 2006 اداله سمرت دباوه اين :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروۃ	ضحى	مسيحي
ربيع الآخر									
19	12.18	3.40	6.27	7.41	4.34	4.44	6.06	6.30	مي
20	12.18	3.40	6.27	7.41	4.34	4.44	6.05	6.30	
21	12.18	3.40	6.27	7.41	4.34	4.44	6.05	6.30	
22	12.18	3.41	6.28	7.41	4.34	4.44	6.05	6.30	
23	12.18	3.41	6.28	7.42	4.34	4.44	6.05	6.30	
24	12.18	3.41	6.28	7.42	4.33	4.44	6.05	6.30	
25	12.18	3.41	6.28	7.42	4.33	4.43	6.05	6.30	

وقت ۲ سمبھيٹ باگي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبھيٹ فرض جمعة دسلوره نكارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوكل 12.45 تڦهاري.

SURAH AL-FAATIHAH: PERSOALAN HUKUM MEMBACANYA



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

PERMASALAHAN TERTIB DALAM BACAAN SURAH AL-FAATIHAH

1. TA'MIM ialah mengucapkan (أَمِنْ) setelah selesai membaca Surah Al-Faatihah. Hukumnya adalah sunat ke atas setiap orang yang bersembahyang setelah selesai membaca Surah Al-Faatihah sama ada imam, makmum, *munfarid*, lelaki, perempuan, kanak-kanak, orang yang bersembahyang dengan cara berdiri, orang yang bersembahyang dengan cara duduk, orang yang bersembahyang dengan cara berbaring, orang yang bersembahyang fardu, orang yang bersembahyang sunat, dalam sembahyang *jahriyyah* mahupun dalam sembahyang *sirrriyyah* tanpa perselisihan pendapat antara ulama Mazhab Asy-Syafi'e. Ta'min juga sunat ke atas orang yang telah selesai membaca Surah Al-Faatihah di luar sembahyang. Bagaimanapun, menurut Imam Al-Wahidi, tuntutan dalam sembahyang adalah lebih utama.

Ini berdasarkan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahawasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang maksudnya:

"Apabila imam membaca maka katakanlah: 'Amin'. Maka sesiapa yang bertepatan ta'minnya dengan ta'min Malaikat, diampunkan baginya dosadossanya yang telah lalu." (Hadis riwayat Imam Bukhari).

2. Setelah selesai membaca Surah Al-Faatihah, sunat diam sekejap (dalam kadar kira-kira membaca *Subhanallah*) sebelum berta'min. Tujuannya supaya membezakan Surah Al-Faatihah dengan perkataan 'Amin', kerana ianya bukanlah sebahagian daripada surah tersebut.

3. Jika sembahyang yang dikerjakan itu ialah sembahyang *jahriyyah*, maka bacaan ta'min pun dibaca secara *jahr* sebagaimana bacaan Surah Al-Faatihahnya dibaca secara *jahr*. Begitu juga sebaliknya bagi sembahyang *sirrriyyah*, bacaan ta'min akan dibaca secara *sirr*, sama ada bagi imam ataupun makmum.

4. Makmum sunat menta'minkan bacaan Surah Al-

Bilangan 224 Bahagian Ketiga

Faatihah imam dalam sembahyang *jahriyyah* sungguhpun imam itu sendiri tidak menta'minkannya, sama ada dia sengaja meninggalkannya ataupun terlupa, supaya imam itu terdengar lalu turut menta'minkannya.

5. Sunat ta'min makmum serentak dengan ta'min imam, supaya ta'min mereka itu bersamaan (satu masa yang sama) dan bertepatan dengan ta'min Malaikat, kerana para Malaikat ketika itu turut sama berta'min bersama imam.

Imam Bukhari meriwayatkan dalam sahihnya daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, bahawasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang maksudnya:

"Apabila imam berta'min, maka berta'minlah kamu, kerana sesungguhnya para Malaikat turut sama berta'min bersama ta'min imam itu. Maka sesiapa yang bertepatan (masa) ta'minnya itu dengan ta'min para Malaikat, nescaya akan diampunkan baginya dosadossanya yang telah lalu." (Hadis riwayat Imam Bukhari).

6. Jika makmum membaca Surah Al-Faatihah bersama-sama imam, misalnya kerana makmum tersebut tahu bahawa imam tidak akan membaca surah selepas membaca Surah Al-Faatihah, atau hanya akan membaca surah yang pendek dan khuatir tidak akan sempat menghabiskan Surah Al-Faatihah, maka jika makmum tersebut lebih dulu selesai membaca Surah Al-Faatihah, mengikut pendapat yang terpilih dalam Mazhab Asy-Syafi'e hendaklah dia menta'minkan bacaan Surah Al-Faatihahnya terlebih dahulu kemudian berta'min sekali lagi setelah imam selesai membaca Surah Al-Faatihah.

Imam As-Sarkhasi di dalam kitab Al-Amali menyebutkan: Jika seorang makmum itu berta'min bersama imam, kemudian makmum itu membaca Surah Al-Faatihah, maka hendaklah makmum tersebut menta'minkan lagi bacaan Surah Al-Faatihahnya sendiri. Dan jika makmum itu membaca Surah Al-Faatihah bersama imam dan habis membaca bersama-samanya, maka adalah memadai baginya untuk berta'min sekali sahaja.

7. Sunat bagi imam supaya diam sebentar (saktah lathifah) setelah ta'min ketika sembahyang *jahriyyah* dalam kadar kira-kira memberi peluang kepada makmum untuk menghabiskan bacaan Surah Al-Faatihah mereka. Diam di sini bukanlah bermaksud diam semata-mata, akan tetapi disunatkan bagi imam pada waktu tersebut untuk membaca zikir, doa ataupun membaca ayat-ayat Al-Qur'an secara *sirr*. Tersebut di dalam kitab Mughni Al-Muhtaj dan Fath Al-Mu'in, adalah lebih awal (lebih utama) bagi imam ketika saktah lathifah itu supaya membaca ayat-ayat Al-Qur'an (secara *sirr*).

8. Untuk menta'minkan bacaan imam dalam sembahyang *jahriyyah*, makmum disyaratkan supaya dapat mendengar bacaan Surah Al-Faatihah imam dengan bunyi suara yang jelas, iaitu sekira-kira dapat makmum itu membezakan huruf-huruf yang dibacakan oleh imam, bukannya semata-mata mengikut ta'min imam. Dan memadai bagi makmum dalam hal ini untuk mendengar imam membaca (وَلَا تُهْجِرُونَ) sahaja, tidak disyaratkan mendengar keseluruhan bacaan Surah Al-Faatihah imam.

9. Ta'min akan dikira luput jika dengan sengaja diam melebihi dari kadar yang disunatkan selepas,

(وَلَا تُهْجِرُونَ) iaitu dalam kadar kira-kira dirasakan putus nisbah (hubungan) ta'min dengan Surah Al-Faatihah.

Ta'min juga luput sekiranya orang yang bersembahyang itu rukuk, atau membaca sesuatu yang lain selepas walaupun secara tidak sengaja sungguhpun sedikit.

Imam Ibnu Hajar Al-Haitami mengecualikan dalam hal ini jika orang itu membaca (وَلَا تُهْجِرُونَ) selepas sebelum ta'min, kerana pernah dikhabarkan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam membaca (وَلَا تُهْجِرُونَ) setelah (وَلَا تُهْجِرُونَ) dan sebelum ta'min.

KESALAHAN-KESALAHAN PADA HURUF DAN BARIS SURAH AL-FAATIHAH

Imam As-Sayyid Muhammad Abdullah Al-Jurdani, iaitu pengarang kitab Fath Al-'Allam ada menyebutkan permasalahan ini dalam kitabnya, beliau berkata:

* Jika menggugurkan satu huruf dari Surah Al-Faatihah, misalnya membaca (بِإِذْنِكَ لَعَلَّكَ تَسْتَوِي) dengan menggugurkan huruf (و) (وَلَا تُهْجِرُونَ).

* Atau menghilangkan sabdu, misalnya membaca (بِإِذْنِكَ).

* Atau menukarkan dengan huruf yang lain, misalnya, menggantikan (الْبَرِّ) dengan (الْبَرِّ).

* Atau menggantikan (لَعَلَّكَ تَسْتَوِي) dengan (لَعَلَّكَ تَسْتَوِي).

* Atau membaca (الْمُتَّقِينَ) dengan (الْمُتَّقِينَ).

* Atau membaca (الْمُتَّقِينَ) dengan (الْمُتَّقِينَ).

* Atau membaca (الْمُتَّقِينَ) dengan (الْمُتَّقِينَ) atau (الْمُتَّقِينَ).

* Atau membaca (الْمُتَّقِينَ) dengan (الْمُتَّقِينَ) maka batallah sembahyangnya jika orang tersebut sengaja dan mengetahui akan hukumnya.

Adapun jika ianya tidak disengajakan, maka batallah bacaannya pada kalimah tersebut, dan wajiblah ke atasnya sebelum rukuk untuk membetulkan bacaannya itu tadi, kemudian menyempurnakannya jika belum lama waktu kesalahan itu berlaku. Jika sudah lama, maka wajib atasnya *isti'na'f* (mengulangi semula bacaannya dari awal Surah Al-Faatihah).

Jika dia sengaja rukuk sedangkan dia

tahu hukumnya bahawa dia wajib membetulkan bacaannya sebelum rukuk, maka batallah sembahyangnya. Adapun jika dia tidak sengaja rukuk misalnya, kerana terlupa ataupun tidak tahu hukumnya, maka rakaatnya itu tadi tidak dikira.

Jika menukar baris sehingga tertukar makna kalimah tersebut, misalnya membaca (بِإِذْنِكَ) atau (بِإِذْنِكَ) atau (بِإِذْنِكَ), maka batallah sembahyangnya jika disengajakan dan tahu akan hukumnya.

Adapun jika tidak disengajakan, maka batallah bacaannya pada kalimah tersebut, maka wajib atasnya mengulangi bacaan tersebut sebelum rukuk selama mana jarak masanya masih lagi hampir. Jika jaraknya sudah jauh, maka wajib atasnya *isti'na'f*. Jika sengaja tidak mahu membetulkannya sebelum rukuk sedangkan dia tahu hukum membetulkan bacaannya itu wajib sebelum rukuk, maka batallah sembahyangnya seperti mana permasalahan di atas.

Dalam masalah melakukan kesalahan dalam bacaan yang membawa kepada perubahan makna ini, menurut pendapat Imam Ibnu Hajar al-Haitami, adalah disunatkan sujud sahwi jika ianya tidak disengajakan. Ini kerana setiap kesalahan yang jika disengajakan boleh membatalkan sembahyang, tetapi dilakukan secara tidak sengaja, maka adalah disunatkan untuk melakukan sujud sahwi.

Manakala jika perubahan baris itu tidak membawa kepada perubahan makna, misalnya (لَهُ) membaca atau (لَهُ) maka tidaklah sekali-kali ianya membatalkan sembahyang, akan tetapi haram hukumnya jika disengajakan dan tahu akan hukumnya.

Semua permasalahan ini adalah bagi mereka yang pada asalnya 'mampu' membaca dengan betul.

Adapun bagi mereka yang 'tidak berkemampuan' untuk membacanya dengan betul dan 'tidak pula mampu' memelajarinya, maka 'sembahyang mereka tetap sah' dan tidak menjadi haram bagi mereka membaca sedemikian rupa.

Bersambung

HARGAI NIKMAT KURNIAAN ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA

NIKMAT merupakan pemberian, anugerah atau kurnia daripada Allah Subhanahu Wata'ala untuk dimanfaatkan semata-mata bagi kebahagiaan dan kesejahteraan hidup kita di muka bumi ini. Di dalam Al-Qur'an, Allah Subhanahu Wata'ala menerangkan pelbagai bentuk pemberian dan kurnia tersebut untuk kita gunakan dan nikmati.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An Nahl ayat 18 yang tafsirnya:

"Dan jika kamu menghitung nikmat Allah yang dilimpahkan-Nya kepada kamu, tiadalah kamu akan dapat menghitungnya satu persatu, sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani."

Daripada ayat di atas menunjukkan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala telah mengurniakan berbagai-bagai kenikmatan kepada hamba-hambanya di dunia ini, nikmat kesenangan, nikmat kemakmuran, nikmat keselamatan, nikmat kesejahteraan dan bermacam-macam lagi nikmat yang tidak terkira banyaknya.

Dalam kita mengecapi nikmat yang dianugerahkan Allah Subhanahu Wata'ala kita perlulah mensyukurinya. Bersyukur dalam erti kata mengerjakan segala suruhan dan perintah-Nya serta meninggalkan dan menjauhi segala larangan dan tegahan-Nya, di samping reda dengan qadad dan

qadar Allah Subhanahu Wata'ala.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An Nahl ayat 114 yang tafsirnya:

"Dan bersyukurlah akan nikmat Allah, jika benar kamu hanya menyembah-Nya semata-mata."

Amalan bersyukur hendaklah dilakukan melalui tiga perkara:

Pertama : Melalui hati, dengan cara mengakui sepenuhnya bahawa semua nikmat-nikmat tersebut adalah pengurniaan dan pemberian Allah Subhanahu Wata'ala.

Kedua : Melalui lisan, dengan cara menzahirkan di dalam kehidupan seharian dengan memuji-muji Allah Subhanahu Wata'ala.

Ketiga : Melalui perbuatan, dengan cara melakukan ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan menggunakan segala nikmat-nikmat yang dikurniakan pada tempat-tempat yang diredai-Nya.

Allah Subhanahu Wata'ala tidak akan mengubah segala bentuk nikmat yang telah dikurniakan kepada hamba-hambanya di dunia ini selagi nikmat kurnia tersebut digunakan pada jalan yang diredai-Nya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim ayat 7:

منوجو كرىضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

"Dan ingatlah tatkala Tuhan kamu memberitahu, demi sesungguhnya jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambah nikmat-Ku kepada kamu dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah keras."

Nikmat itu akan berkekalan selagi kita taat dan bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala, tetapi sebaliknya jika kita kufur nikmat, menderhaka dan meninggalkan segala suruhan dan perintah-Nya, melakukan segala larangan dan tegahan-Nya, maka buruklah balasanNya di dunia dan juga di akhirat.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Mengurangkan import makanan

NEGARA kita masih lagi banyak bergantung pada import makanan yang bersumberkan pertanian dari negara luar bagi menampung keperluan harian penduduk negara ini. Bahan-bahan ini termasuk bahan ruji seperti beras, sayuran dan buah-buahan. Jumlah yang di-lahirkan sistem pertanian moden seperti hidropo-nik, kita juga boleh me-nyelamatkan hutan dari dimusnahkan. Dengan kehadiran sistem hidropo-nik, kita tidak memerlukan tanah yang luas untuk menghasilkan tanaman yang banyak. Sistem ini hanya memerlukan kera-jinan dan ketekunan su-paya nanti hasilnya akan menjadi. Dengan sistem ini pengeluaran dapat di-pertingkatkan. Sistem ini sudah terbukti keberke-sannya dan boleh di-praktikkan oleh mereka yang tinggal dalam flat atau kondominium. Ta-naman dapat tumbuh de-ngan subur dalam ruang tanah yang kecil kerana nutrien yang diperlukan oleh tanaman ini mem-biak disediakan secara saintifik.

Dalam jangka panjang jika perkara ini tidak di-kawal, ianya bukan sahaja boleh menjejaskan imba-ngan pembayaran negara bahkan keperluan asasi penduduk di masa hadap-an juga akan terjejas.

Kita tidak sepatutnya hanya bergantung pada sumber utama iaitu mi-nyak dan gas mema-n-dangkan sumber ini hanya bersifat sementara (non-renewable) dan akan hilang apabila ianya habis digunakan. Menyedari hakikat ini, kita sehar-usnya lebih bersedia su-paya tidak terkapar-kepar dalam mencari alternatif. Seterusnya isu ini patut di-jadikan topik yang perlu dibincangkan dan dicari penyelesaian se-gara supaya ianya tidak menjadi beban pada gene-rasi akan datang.

Rakyat seharusnya mempunyai inisiatif untuk mempelbagaikan sumber pendapatan negara. Industri pertanian moden sebagai contoh adalah salah satu industri yang menjanjikan pulan-gan yang lumayan. Tam-bahan lagi negara kita mempunyai iklim cuaca yang sesuai bagi industri pertanian berkembang maju. Negara kita mem-punyai kadar hujan yang cukup dan selalu terhin-dar dari bencana alam yang boleh merosakkan hasil pertanian seperti banjir. Selain itu kita juga bermanfaat dengan ke-hadiran peralatan moden dalam industri ini. De-ngan kehadiran peralatan moden ini kita boleh me-ningkatkan produktiviti sama ada dari segi kualiti dan juga kuantiti. Dengan menggunakan teknologi

aeroponik perkara ini menjadi realiti kerana kita boleh menetapkan suhu yang sesuai bagi tanaman ini.

Selain itu, dengan ke-lahiran sistem pertanian moden seperti hidropo-nik, kita juga boleh me-nyelamatkan hutan dari dimusnahkan. Dengan kehadiran sistem hidropo-nik, kita tidak memerlukan tanah yang luas untuk menghasilkan tanaman yang banyak. Sistem ini hanya memerlukan kera-jinan dan ketekunan su-paya nanti hasilnya akan menjadi. Dengan sistem ini pengeluaran dapat di-pertingkatkan. Sistem ini sudah terbukti keberke-sannya dan boleh di-praktikkan oleh mereka yang tinggal dalam flat atau kondominium. Ta-naman dapat tumbuh de-ngan subur dalam ruang tanah yang kecil kerana nutrien yang diperlukan oleh tanaman ini mem-biak disediakan secara saintifik.

Dengan kehadiran in-dustri pertanian moden ini, kita seharusnya lebih bermotivasi dalam meng-hasilkan sumber pertani-an memandangkan import negara bagi bahan ini adalah sangat tinggi. Jika sebelumnya kita bergan-tung penuh pada pengim-portan dari luar, kini tiba-lah masanya kita berdi-kari dan meningkatkan hasil pertanian dalam negara bagi memenuhi pasaran dalam dan juga luar negara. Dari industri pertanian ini kita boleh menjana ekonomi negara ke arah yang lebih pro-dukif selain mengurang-kan beban dalam mem-biayai kos import.

Melihat daripada hasil yang memuaskan dari industri ini, negara kita akan dapat mengurang-kan jumlah import ma-kanan berasaskan pertani-an. Sumber yang dulunya diperuntukkan bagi peng-importan bahan ini boleh digunakan bagi ke-perluan yang lebih efektif seperti pembelajaran dan pembangunan masya-rakat.

Nonilelawati binti Haji Bidin,
No. 24 Simpang 196,
Kampung Serasa
Muara, Jalan Serasa,
BT 1728.

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Jalan Raya Bukan Gelanggang Menempuh Maut'. Tarikh tutup 24 Mei 2006.
2. 'TPOR - Sejauh Mana Ia Memuaskan Orang Ramai'. Tarikh tutup 31 Mei 2006.
3. 'Manfaatkan Kecanggihan Telefon Bimbit Dengan Bijaksana'. Tarikh tutup 7 Jun 2006.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada:

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam,
jaafar.ibrahim @ information.gov.bn.e-mel:
pelita@brunet.bn

Berubah ke arah pertanian komersial

ERA industri pertanian baru menapak dan ber-kembang maju di Negara Brunei Darussalam. Ini dapat dilihat melalui per-kembangan pertumbuhan ekonomi negara kita yang nilai hasil pertaniannya men-catatkan hampir \$200 juta pada tahun 2004 iaitu kira-kira dua peratus dari Hasil Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Dijangkakan sektor pertanian akan terus bertambah maju pada kadar tiga peratus setahun bagi beberapa tahun mendatang.

Dalam menjana ke arah ekonomi menerusi pertanian moden beberapa langkah perlu diberi tumpuan. Para petani di negara ini perlu berubah ke arah pertanian komersial dan tidak lagi ter-kongkong dengan 'pertanian sara diri' jika ingin terus be-saing dalam era globalisasi pertanian. Menyedari hakikat itu, pelbagai usaha telah diambil oleh kerajaan untuk mengubah minda dan pen-dekatan petani bukan sahaja untuk meningkatkan produk-tiviti tetapi yang lebih pen-ting, menyemai benih tekno-logi moden dalam bidang itu. Ini adalah untuk menjadikan sektor pertanian satu dari-pada penyumbang utama ke-pada pendapatan negara.

Selain dari usaha pihak kerajaan, tidak kurang pen-tingnya ialah lebih banyak syarikat swasta menceburi bidang industri pertanian moden ini. Tambahan pula sektor pertanian berteknologi moden memerlukan modal yang banyak. Pihak swasta perlu mempelbagaikan eko-nomi industri pertanian moden ini melalui projek-projek yang begitu terancang dalam meningkatkan mutu hasil pendapatan. Dengan sokongan penggunaan tekno-

logi pertanian moden untuk meningkatkan produktiviti dan mutu produk yang di-hasilkan sudah setentunya akan memberi pulangan yang lumayan.

Peranan agensi-agensi jabatan dan kementerian juga perlu untuk meningkatkan aspek pemasaran dan penye-lidikan bagi memastikan pasaran produk pertanian mendapat pasaran yang baik. Penekanan ialah terhadap penggunaan cara-cara per-tanian moden melalui apli-kasi teknologi seperti penye-lidikan dan pembangunan, termasuk bioteknologi, pem-rosesan, pembungkusan dan pemasaran yang lebih efisien.

Dalam konteks perkem-bangan BIMP-EAGA dengan jumlah penduduk dianggar-kan melebihi 250 juta, pel-bagai usaha telah dibuat. Negara kita yang juga dalam kawasan pertumbuhan berke-naan adalah kaya dengan sumber alamnya dengan generasi muda yang sedia untuk dilatih, pekerja mahir dan ahli profesional keluaran universiti tempatan atau luar negeri yang sudah pasti boleh bergerak memenuhi cita-cita kerajaan menjadikan negara kita dalam pembangunan per-tanian.

Secara kesimpulan, kita berharap bidang pertanian akan dapat dipermoden dan diperbesarkan serta mem-babitkan golongan terlatih untuk turut bersama-sama membangunkan industri per-tanian ini.

Haji Azreem bin Haji Ramli,
No. 6 Simpang 74-41-31,
Kampung Mata-Mata
Gadong, BE 1718.
No. k/p: 00-124710.

Terokai industri pertanian moden

PERTANIAN sama ada di bidang ternakan mahupun perladangan adalah sama-sama penting untuk menjana pertumbuhan ekonomi negara. Selain industri minyak dan gas sektor pertanian mampu menyum-bang lebih banyak pendapat-an dan hasil untuk negara. Peluang di bidang pertanian adalah masih terbuka kerana penerokaan dalam bidang tersebut masih di tahap se-dehana dan belum lagi meluas.

Selain itu, sektor ternakan dan perladangan juga harus-lah ditingkatkan pembangu-nannya, di samping membina keupayaan kita juga mesti meningkatkan keupayaan agar pengeluaran hasil per-tanian lebih berkualiti. Pem-bangunan yang mantap da-lam sektor pertanian bukan sahaja dapat menambahkan hasil negara bahkan dapat mengurangkan negara ini dari terus bergantung kepada hasil import luar negara.

Penghasilan pertanian bukan sahaja mendatangkan hasil yang berkekalan bahkan mampu membuka lebih ba-nyak peluang pekerjaan ke-pada anak-anak tempatan yang berminat dalam bidang ini.

Pembangunan pertanian tidak akan terlaksana jika hanya pihak kerajaan yang bersusaha. Kerjasama orang ramai adalah sangat-sangat diperlukan dalam menjaya-kan usaha ini. Kerajaan sudah banyak membuka jalan ke-pada orang ramai, selain itu

juga Kementerian Perindus-trian dan Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Per-tanian adalah sebagai pe-mudah cara bagi orang ramai untuk menerokai bidang ini. Di samping subsidi bantuan yang diberikan oleh pihak kerajaan kepada orang ramai untuk meneruskan perusaha-an dalam bidang pertanian.

Pembangunan pertanian adalah sangat penting kerana hasilnya yang berkekalan berbanding hasil minyak dan gas yang diketahui sampai bilakah ianya masih mampu dikeluarkan. Hasil yang ber-kekalan adalah sesuatu yang sangat diperlukan untuk terus menjana pertumbuhan eko-nomi negara. Hasil Pertanian yang tinggi bukan sahaja dapat memenuhi keperluan dalam negara bahkan dapat menambahkan hasil negara menerusi pasaran luar negara ini, kerana permintaan dan keperluan melalui hasil per-tanian adalah sangat tinggi di setiap negara. Bahkan per-mintaan ini akan sentiasa me-ningkat dari masa ke semasa.

Maka untuk merealisa-sikan pembangunan pertanian yang mantap kita haruslah mula mengkaji dan menye-lidik cara pertanian yang ber-teknologi tinggi, seperti per-tanian secara bioteknologi yang mana mampu menam-bah pengeluaran, di samping meningkatkan kualiti yang sedia ada. Selain itu juga be-berapa cara lain yang telah biasa diamalkan di negara ini, seperti penanaman sayuran secara hidropo-nik juga harus

dipertingkatkan keupayaan-nya melalui kajian dan pe-nyelidikan yang rapi dan ber-terusan.

Minyak dan gas merupa-kan hasil utama negara, tetapi pertanian mungkin mampu mengatasi jurang tersebut jika pembangunannya di-pertingkatkan, kerana per-tanian ini juga merupakan sumber utama bagi sebilan-gan negara-negara maju. Justeru adalah jelas bahawa pertanian sangat penting untuk menambahkan hasi-lat negara. Bahkan ianya sudah terbukti sejak sekian lama dahulu. Pertanian juga me-nempatkan Amerika Syarikat sebagai pengeluar gandum terbesar di dunia dan menjadi sumber utama negara itu se-lepas industri minyak, sen-jata, tekstil dan pembuatan.

Sememangnya pemba-ngunan sektor pertanian pen-ting bagi menambahkan hasil pendapatan negara. Justeru kepada sesiapa sahaja yang pakar dalam bidang bercucuk tanam manfaatkanlah dengan sebaik mungkin dan jangan-lah dipersiapkan kebolehan yang telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wataala kepada kita. Sumbangkanlah kepakaran yang kita miliki itu untuk kesenangan ber-sama, di samping membantu mempelbagaikan dan men-jana kemantapan ekonomi negara ke tahap yang lebih baik lagi.

Monica Yli Toh Cheng,
Peti Surat 2888, BS 8675
No. k/p: K. 0275487

Kegiatan pertanian mampu jamin ekonomi

SELAMA lebih 75 tahun, ekonomi negara ini masih lagi bergantung kepada 'emas hitam' iaitu minyak dan gas. Memang kita tidak nafikan, sehingga ke hari ini, hasil kedua-dua sumber berkenaan telah memberi kemewahan dan juga mengukuhkan projek-projek pembangunan negara kita. Namun demikian, apakah kita akan selama-lamanya bergantung kepada sumber itu? Rasa-nya adalah tidak wajar untuk bergantung se-penuhnya, kerana kita sedia maklum lambat laun ianya akan pasti akan habis suatu nari nanti. Apakah kita menunggu sehingga kering kontang baru kita mencari alternatif untuk mempelbagai ekonomi?

Jawapannya sudah pasti, kita memerlukan sesuatu 'bahan' yang boleh menggantikan hasil minyak dan gas. Untuk itu, amatlah wajar dan mustahak bagi kita menggandakan usaha untuk mempertingkatkan dan meng-usahkan sepenuhnya bidang pertanian. Adal-ah diyakini, bidang pertanian kini semakin penting dalam era globalisasi, di mana ke-banyakan negara kini berlumba-lumba untuk memajukan pertanian.

Justeru itu, sudah kena pada tempatnya, kita menggembleng tenaga bersama bagi meningkatkan pertanian bagi menghasilkan bahan-bahan makanan untuk keperluan negara kita sendiri. Kita tidak mahu untuk selama-lamanya bergantung kepada pihak luar untuk mendapatkan bahan makanan. Bayangkan jika sesuatu musibah berlaku kepada negara kita bergantung, sudah setentunya, permintaan kita tidak akan dapat dipenuhi. Dalam konteks sedemikian, maka adalah kena pada tempat-nya, kita berusaha gigih menjalankan kegiatan pertanian yang lebih berteraskan pertanian moden.

Kaedah-kaedah pertanian moden dengan penggunaan mesin canggih dan terkini per-ku kita terapkan dalam pertanian negara. Di samping itu, amatlah perlu juga kita meng-gunakan kecanggihan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang diyakini dapat meningkatkan pengeluaran bahan-bahan

makanan ke tahap yang maksima. Perkara ini sudah diamalkan di negara-negara maju se-perti Amerika Syarikat, Eropah, New Zealand dan Australia.

Penjanaan industri pertanian secara tradisi yang kita amalkan selama ini wajarlah kita tukar dan beralih kepada pertanian moden. Perkara ini penting kita terokai, kerana kita tidak mahu pertanian secara kecil-kecilan yang hasilnya juga terhad dan tidak mencapai tahap sebenar seperti yang negara kita per-lukan. Kini kita lebih memerlukan penggun-aan tanah yang luas untuk memajukan pertani-an, bukan lagi secara 'kampungan' yang sudah lapuk dan ketinggalan zaman wal hal kita mempunyai tanah yang subur di seluruh negara.

Tidaklah ada salahnya kita meniru dan mengikut pertanian moden yang dijalankan di negara-negara maju, kerana itulah yang se-patutnya kita perlukan. Kita juga perlu 'cembu-ru' kepada kejayaan negara-negara luar dalam memajukan bidang pertanian mereka. Dalam waktu yang sama, kita juga perlu be-rani meneroka industri pertanian yang lebih bersifat 'raksasa' iaitu dengan mengeluarkan modal yang banyak dan penggunaan tanah yang luas. Inilah sebenarnya hasrat semua pihak yang mahu melihat bumi Darussalam ini dipenuhi dengan hasil-hasil pertanian.

Maka dalam hubungan ini, amatlah musta-hak kita menjana ekonomi menerusi industri pertanian moden. Jika ini terlaksana, kita bukan saja dapat mempelbagai ekonomi tetapi dalam waktu yang sama dapat mengurangkan import makanan dari luar yang berjumlah lebih 93 peratus. Kita percaya jika semua pihak berusaha gigih dan mempunyai komit-men pastinya kejayaan akan dicapai, pokok-nya seperti kata pepatah Melayu 'Kalau tidak dipecahkan royong manakan dapat sagunya'.

Abdul Afdhal bin Haji Mohammad
No C-4, Simpang 332, Jalan 77 Perumahan
Negara Lambak Kanan, BC 2515
No. k/p: 01-038198

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Menjana Ekonomi Menerusi Industri Pertanian Moden'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

REMAJA

BERBANGGALAH DENGAN CARA KITA

DALAM arus pergolakan sosial yang sedang berlaku sekarang kita semakin berdepan dengan pelbagai elemen yang ada kalanya menjadi parasit yang merosak akhlak, pertumbuhan generasi belia remaja dan sebagainya. Nyata kita semakin berdepan dengan masalah isu sosial yang bukan setakat perlu kita hmbangkan masalah ini kepada pelakunya, akan tetapi kita sebagai ibu bapa juga perlu berperanan dalam meneliti kenapa ia berlaku? Keadaan ini tidak boleh kita biarkan terjadi begitu sahaja. Kita perlu menggembleng tenaga dan pemikiran bagi menyelamatkan generasi belia remaja agar tidak terjebak ke lembah yang amat merosakkan kehidupan sosial mereka. Meskipun pendedahan kehidupan semakin terbuka, ia tidak bermakna kita tewas dan boleh lemas dengan gelombang perubahan sosial sedemikian ini. Kita perlu bijak menangani dan memahami apa yang tersurat dan tersirat di dalamnya.

Kita tidak perlu mempersalahkan mana-mana pihak, biarlah kita semua akan lebih bertanggungjawab. Generasi yang akan kita bina ini adalah merupakan warisan yang akan kita tinggalkan untuk meneruskan kesinambungan kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Justeru kita perlu meninggalkan sesuatu yang berkualiti baik dan mampu bertahan lama dengan kualiti yang membanggakan. Salah satu daripadanya ialah kita perlu mewariskan generasi Al-Qur'an yang akan terbina dengan kehidupan yang berakhlak mulia dan beriman teguh. Generasi sedemikian ini amat diperlukan dalam kita sama-sama mewujudkan benteng yang kukuh dari ancaman sosial yang tidak bertanggungjawab.

Kita perlu bijak dalam

meninggalkan suatu warisan yang berharga kepada generasi akan datang. Kita perlu dapat menentukan arus dan riak perjalanan kehidupan mereka dengan sesuatu yang mampu menjadi contoh dan teladan yang terbaik. Justeru adalah wajar seruan raja yang kita kasihi, apabila baginda menitahkan untuk kita berusaha bagi melahirkan generasi Al-Qur'an berkemahiran dan berkeupayaan. Mesajnya jelas ialah menjurus ke arah pengasuhan peribadi yang berhemah tinggi dan bernilai baik. Kita mahukan pembinaan sebuah masyarakat yang mampu memperlihatkan keunggulan dalam kehidupan mereka. Unggul dengan keperibadian, unggul dengan kemahiran, unggul dengan ketinggian ilmu di pelbagai bidang dan yang terpen-

ting unggul dalam memegang kuat kehidupan beragama.

Perubahan dan evolusi kehidupan masa kini, sebenarnya membuka ruang yang begitu luas kepada kita semua untuk menentukan dan mencorakkan apa yang kita inginkan. Kemudahan teknologi masa kini menambah nilai sedemikian ke tahap, di mana kita mampu mewujudkan persaingan diri yang tidak mudah terpengaruh oleh anasir-anasir yang negatif. Kerana itu janganlah kita mudah kalah atau mengalah dan menjadikan perubahan yang orang lain inginkan mencaturkan kehidupan, kebudayaan dan sosialisme yang kita miliki. Kita mesti mampu membuat penonjolan yang mencerminkan identiti bangsa dan juga kebudayaan kitani. Kita mesti berbangga yang kita adalah merupakan kelompok masyarakat yang tidak mudah terpengaruh begitu sahaja. Perubahan banyak memberikan pengajaran dan juga pengetahuan kepada kita. Namun kendatipun demikian adanya, individu masa kini perlu menjadikan keadaan dan

OLEH H. A. MANAP

perubahan sedemikian bukan sebagai asas untuk kita terjerumus ke lembah masalah sosial yang tidak berguna.

Isu-isu sosial belia remaja memang merupakan suatu yang memerlukan perhatian serius. Namun pada waktu yang sama, kita terpaksa berdepan dengan pelbagai persoalan. Persoalannya selalu akan lebih mudah jika pelakunya dapat menyelesaikan dengan sebaiknya. Persoalan kenapa perlu kepada penglibatan gejala sosial sedemikian? Apakah untungnya jika dilakukan dan implikasinya pula bagaimana akan terjadi? Persoalan-persoalan sedemikian ini sebenarnya perlu dilunaskan oleh mereka yang terlibat. Janganlah lagi kita mempersalahkan keadaan dan pergolakan sekeliling yang ada. Kita mesti melihat ke hadapan dan menjadikan keadaan di sekeliling kita adalah hamparan yang mengorak pengalaman dan meningkatkan pengetahuan. Jadikan ianya sebagai lebuhraya yang membina kekuatan hidup dan landasan untuk kita

berjalan ke arah yang betul dan terarah. Jadikan pengajaran agama, pendidikan akhlak dan nasihat ibu bapa menjadi resipi yang dipakai dalam mengharungi kehidupan kita ini.

Budaya baru bukan semua tidak boleh diguna pakai, akan tetapi biarlah ianya sesuatu yang berpatutan dan tidak bertentangan dengan kehendak agama kita. Jangan kita mudah mengambil jalan pintas semata-mata mencari keuntungan segera yang hanya seketika untuk dapat dinikmati. Biarlah kita dengan cara dan budaya orang-orang kita, kalaupun mahu mencari kebahagiaan dan kesenangan hidup biarlah pula ia menurut landasan yang betul lagi berhemah. Berbanggalah dengan apa yang kita miliki dalam erti kata mensyukuri rahmat yang Allah kurniakan yang tiada pada orang lain. Biar ia menjadi penyedap kehidupan agar kita mampu membina masyarakat yang berkualiti tinggi.

SEKILAS INFO

Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampong Tanjong Bunut

BANDAR SERI BEGAWAN. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara memaklumkan kepada penduduk-penduduk Kampong Tanjong Bunut, Mukim Kilanas bahawa Majlis Pengundian dan Pemilihan Bagi Calon Ketua Kampong Tanjong Bunut akan diadakan pada hari Ahad, 11 Jun 2006 bertempat di Kawasan Surau Kampong Tanjong Bunut bermula jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.

Oleh itu Jabatan Daerah Brunei dan Muara meminta kerjasama semua penduduk Kampong Tanjong Bunut yang terdiri dari warga Negara Brunei Darussalam dan Penduduk Tetap yang berumur 18 tahun ke atas dan bermastautin di kampung berkenaan yang nama mereka tersenarai dalam Daftar Pengundi Penduduk adalah diminta hadir ke Majlis Pengundian dan Pemilihan dengan membawa Kad Pengenalanan masing-masing.

Bagi penduduk kampung yang tidak terdapat nama mereka dalam senarai Daftar Pengundi Penduduk Kampong Tanjong Bunut hendaklah terlebih dahulu mendaftarkan nama mereka kepada Awang Haji Osman bin Haji Duraman @ Abd. Rahman, Ketua Kampong Bunut beralamat di Nombor 94, Jalan Tanjong Bunut, Kampong Tanjong Bunut, Mukim Kilanas atau ke Bahagian Institusi Mukim dan Kampung, Jabatan Daerah Brunei dan Muara mulai tarikh pendaftaran dibuka.

Pendaftaran bagi Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampong Tanjong Bunut bermula 11 Mei hingga 10 Jun 2006. Pendaftaran juga boleh diterima seawat-lewatnya sehari sebelum Majlis Pengundian dijalankan iaitu hari Sabtu, 10 Jun 2006.

Pendaftaran berkenaan adalah sangat penting kerana mana-mana penduduk kampung yang tidak tersenarai nama mereka dalam Daftar Pengundi semasa Majlis Pengundian dan Pemilihan itu tidak akan dibenarkan mengundi.

Kerjasama penduduk-penduduk Kampong Tanjong Bunut adalah sangat-sangat diharapkan.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN, JABATAN PERDANA MENTERI

BIL.	PERKHIDMATAN	TPOR
1.	Menyediakan kertas konsep/kertas cadangan ringkas	14 hari
2.	Menyediakan kertas kajian	90 hari

ALAI PINTAR

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN



SOALAN ALAI PINTAR 723

1. Apakah nama bangunan ini?

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

2. Di manakah letaknya?

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 723

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 723,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 3 Mei 2006

Bangunan Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong.

Pemenang Soalan Alai Pintar keluaran 3 Mei 2006

Zureen binti Bahrin,
Sekolah St. Andrew's
Bandar Seri Begawan.
Umur : 10 tahun

Mohd. Abd. Fathin bin Md.
Yusof,
Sekolah Rendah Danau
Tutong.
Umur : 8 tahun

Leydiana binti Gundai,
Sekolah Menengah Sufri
Bolkiah Tutong.
Umur : 12 tahun

GERAK

"H

Al Nor, selamat pagi, angan-angan jua." Aku terkejut dengan sapaan teman sejawatku. "Hai Lia, selamat pagi, bukannya ku angan-angan tapi sedang cari idea macam manakan menyele-saikan minit mesyuarat ani. Kalau anda siap dan menepati cita rasa ahli jawatankuasa aku jua yang kana 'fire' dalam mesyuarat nanti. 'Stress' banarku Lin." Azlina mendekati aku penuh simpati. "Sabar saja tah Nor sudah jadi fitrah manusia sapa mencari kesilapan dan kelemahan orang lain, padahal pada hakikatnya kalau bisidorang itu berada di tempatmu baru bisidorang sadar macam mana sengsaranya dan merah padamlah muka bisid-bila dikritik di hadapan ahli-ahli yang lain. Ok 'dear' aku pun banyak kerja yang kan kusiapkan." Azlina menggelus bahuku tanda simpatinya dan terus berlalu ke meja kerjanya.

Entah berapa lama aku tenggelam dan terperap di hadapan komputer bila tiba-tiba aku dikejutkan dengan bunyi bising gelak ketawa kawan-kawanku. Aku terus memasang telinga mencuri, dengar apakah perkara yang menjadi topik hangat mereka dalam sesi 'bincang pagi' hari ini. Itu adalah rutin teman-teman setiap hari. "Karang 'lunch time' siapa kan 'join' aku shopping?" Izza yang selalu bertindak sebagai Pengerusi membuka ruang pada teman-teman untuk menghangatkan perbincangan. "Eh ...

kau ani Izza anda habis-habis dengan 'shopping', apa lagi yang kan kau angkut, anda cukup lagi kah?" Nisah memperli Izza dengan senyum kam-bingnya.

"Bukan anda cukup tapi anda kan ingat kah, esok 14 Mei, 'Hari Ibu' jua. Aku kan membalikan mamaku hadiah." Izza mencurahkan apa yang terbuak di hatinya. Kawan-kawanku semua melopong kerana masing-masing baru teringat hari keramat tersebut. Hatiku berdegup laju, ideaku langsung terhenti. Jejamarku kaku untuk meneruskan taipan.

Oh yah 'Hari Ibu' ... Semua orang ghairah untuk membeli hadiah tanda kasih sayang mereka pada ibu yang tercinta, tapi aku ... Aku tergolongkan kedua-dua tapak tanganku ke telinga. Aku tidak mahu mendengar keceriaan mereka. Segala-galanya mengurur hatiku. Akhirnya aku terbenam dalam tangisan dan esakan yang panjang yang setentunya mengujatkan teman-temanku, sekali gus menamatkan perbincangan hangat mereka. Tanpa berfikir dan untuk mengelakkan daripada dihujani soalan mereka aku terus berlari keluar menuju ke keretaku.

Otakku benar-benar bercegar melebihi daripada kekusutanku menyedai-minit mesyuarat. Aku mengalihkan tumpuan kepada celoteh DJ Radio Rangkaian Pelangi, stesen radio kegemaranku. "Cuma tinggal dua hari sahaja lagi kita akan menyambut 'Hari Ibu', sebagai anak sudahlah para pendengar di luar sana membeli hadiah untuk ibu yang tersayang sebagai tanda penghargaan kita kepada ibu yang telah berkorban mengandung dan membesarkan kita menjadi seorang manusia yang berguna pada bangsa dan negara atau yang lebih berharga hadiahkanlah mereka dengan ciuman dan dakapan yang penuh kasih sayang kepada ibu. Itu lebih bermakna bagi mereka. Dan istimewa untuk para ibu saya hadiahkan dengan lagu 'Untukmu Ibu' daripada Mamat dan lagu 'Kau Antara Sejuta', dendangan Amy Mastura. Selamat Hari Ibu." Maka bergemalah dendangan lagu-lagu berkenaan aku terkesima mendengar seni kata yang merobek dan meluruhkan utap ketabahan-aku selama ini.

Aku tergesa-gesa sambil berlari-lari anak melewat lorong ward hospital setelah menerima panggilan telefon dari bapa. "Lai baik tah kau datang ke rumah sakit awal ani, doktor kan berjumpa. Nya ada perkara mustahak kan disampaikannya." Sebaik sahaja menerima panggilan daripada bapa, perasaanku kurang enak mulai bermain di kepalku. Fikiranku bercegar ...

yang pucat dan letih. Ya Allah berikanlah aku peluang yang panjang untuk bersama mama.

Benar kata-kata bapa tadi, mama telah mengasuh kami sejak dari kandungan, kemudian bertarung nyawa melahirkan kami. Setelah itu memelihara kami dari merah tapak kaki bersengkang mata siang dan malam memastikan anak-anaknya tidak kelaparan dan selamat. Kalau boleh seekor nyamuk pun tidak diizinkan untuk menghisap darah anak-anaknya. Bukan setakat itu sahaja pengorbanan mama. Setelah itu menyekolahkan anak-anaknya supaya menjadi manusia yang berguna pada bangsa dan negara, biarpun terpaksa berpenat lelah mencari wang ringgit untuk membiayai sepanjang pembelajaran anak-anaknya dan kadang-kadang terpaksa menepikan kepentingannya sendiri.

"Lai belajar rajin-rajin ... Sudah basar karang bekaraja, nah bukan jua mama yang sanang tapi kamu sendiri," kata-kata inilah yang selalu kuucapkan setiap kali kami ke sekolah atau malas untuk membuat kerja rumah atau mengulang kaji pelajaran.

"Eh ke mana kamu lagi tu. Jangan kamu anda mendang cakap ani. Jangan bermalah siring jalan, jangan tenang-ning, jangan mandi di sungai ... jangan ... jangan ... jangan ..." Itu antara bebelan mama.

"Eh mun tah nyawa itu berjual di kadai bisai, anda membari ingau."

Perkataan inilah juga yang menjadi penghujang omelannya. Betapa berah-ganya nyawa. Mama marah kerana terlalu sayangkan anak-anaknya, janganlah sebarang bahaya menimpa anak-anaknya.

Dan saat ini aku benar-benar sedar nilai 'nyawa' jika ia dapat dibeli dengan wang ringgit atau rela mengorbankan kesemua harta untuk memanjakan jangan-ka hayat mama. Astaghfirullah 'adziim ... Ampuni dosa-dosaku ya Allah kiranya harapanku ini seolah-olah hari daripada dadak dan qadar-Mu. Aku dengan pantas menghapuskan air mataku.

Mulai detik itu rumah sakit menjadi rumah kedua. Jururawat-jururawat yang bertugas menjadi teman setiap hari. Mama benar-benar baha-gia, di samping anak-anak dan cucu-cucu yang saban hari dan malam berkumpul bersamanya.

Anak-anak mama dan adik-adik mama tidak jem-jemu melawat mama. Apa saja makanan yang mama inginkan kami adakan.

"Agatah kamu ke kadai, belikan ku soto ... Lai esok belikan nini ayam pang-gang, tais liur nini kan makan."

Tiap hari ada sahaja pesanan mama. Mama benar-benar menikmati ketaisanliunya seolah-olah dia esok lupa tidak akan dapat lagi menikmati semua itu.

Tengah hari itu satu ketukan lembut di pintu bilik mama. Aku dengan cepat membuka daun pintu. "Maaf, jika saya mengganggu kakak. Saya di-minta untuk menjemput kakak ke bilik sebelah. Majikan saya benar-benar kepingin untuk ketemu kakak." Oh rupanya amah pesakit di bilik sebelah tapi kenapa dia hendak ber-jumpa aku. "Yati, aku ke sebelah dulu, orang sebelah itu memanggil aku. Jaga mama dulu ah. Sekejap ku ganya ni."

Aku terus mengikuti perempuan tadi ke bilik majikannya. Aku memberi salam dan menghulurkan tangan kepada wanita yang berusia dalam 50-an. Wajahnya cantik dan berkulit kuning langsat. Dia mempersilakan aku duduk. "Apa hajat kita kan berjumpa kedaki ani?" Aku cuba memulakan per-



MAMA TERSAYANG

OLEH SENJA KELABU

bicaraan. Mukanya yang putih mulai merona kemera-harahan seperti mema-han kesebakan. Aku lantas mendiamkan diri kerana takut ucapan kata-kata yang kuluahkan disalah-tafsiran dan menyinggung perasaannya.

"Namaku Hajah Latifah. Laku Hajji Ali, lama sudah meninggal dunia tiga tahun lepas dalam kemalangan jalan raya. Sudah dua minggu ku kana tahan sakit buah ping-gang." Dia menarik nafas panjang. "Setiap hari anda kira siang atau malam, aku selalu mendengar suara dari bilik sebelah. Aku mencuri-curi melihat dan bertanya-tanya jua arah jururawat siapa pesakit di bilik itu."

"Maafkan kami mak cik kerana selalu bisik dan menganggu kita. Sebenarnya bisid-rang atau adik-beradikku, cucu-cucu mama dan saudara-mara mama." Aku benar-benar kesal dengan perkara tersebut.

"Bukan itu maksudku Lai, tapi aku benar-benar kesal bah dengan sikap anak-anakku ... Sudah pun dua orang ganya, tapi kan melawat kedaki pun barat-baratan macam melawat jarat ganya, anda sampai 10 minit sudah tia gagaskan mulih. Yang bini-bini atau kononnya ingaukan anaknya di rumah, yang laki-laki tu lain pulang, sibuk 24 jam. Mun ada Pa Ji mu anda kan membiarkan aku ting-gal di sini dengan amah ganya ..."

Tangannya pantas mengambil tisu mengelap air matanya yang mulai turun membasahi pipinya. Kesedihan dan kekesalannya dapatku selami. Tangannya kupegang. "Ma cik jangan ikutkan perasaan ... Barangkali anda jua bisidia bermati untuk mengabaikan kita, mungkin banar bisidorang sibuk."

Doakan saja diorang berubah ... insya-Aallah, entah berapa lama aku telah menghabiskan masa berbual dengan Hajah Latifah.

Sebelum melangkah pulang ke bilik mama, Hajah Latifah banyak ber-cerita tentang keluarganya, termasuklah perihal anak lakinya yang masih bu-jang dan menjawat jawatan yang tinggi di sebuah Jabatan Kerajaan.

Selepas hari itu aku langsung tidak berkesem-patan mengunjungi Hajah Latifah, kerana penderitaan mama semakin bertambah teruk setelah menjalani rawatan 'chemoteraphy'.

Bibir mama pecah, kulit tangan melecur dan kedua-dua kaki mama membengkak. "Lai bagitahu arah doktor anda mama sanggup meneruskan rawatan ani lagi, sakit nyamu ... Biar tia mama macam ani se-ingan-ingannya. Mama su-da merelakan sekiranya Allah kan mengambil mama ... Mama mem-jamkan matanya dan mel-nelan air liur dengan susah payah.

Keputusan mama benar-benar memeranjatkan-ku. Aku terpaksa akur walaupun pada hakikatnya aku berada di persimpangan dilema antara mahu melihat mama sembuh dengan terus menjalani rawatan tersebut atau kesihin dengan kesakitan mama akibat rawatan berkenaan.

Hari demi hari mama mulai malas untuk makan ubat yang diberikan dan terpaksa menerima suntikan bagi menghilangkan kesakitan. Bekalan oksigen sentiasa diberikan untuk membantu pernafasannya. Untuk mengatasi perkara ini aku menghian-curkan ubat-ubat tersebut sehingga lumat dan mencampurkan dengan madu supaya terasa manis. Aku suapkan ke mulut mama.

"Ma, ani ada madu. Mama makan ah supaya badan mama sihat," aku terpaksa membohongi mama kerana kasihku yang mendalam dan harapanku untuk melihat mama kembali sihat berkumpul bersama keluarga. Maafkan aku mama ...

Minggu terakhir di bulan Mei, penyakit mama

semakin kronik. Setiap malam mama tidak dapat tidur dan meracau. Melihat keadaan mama aku terus menelefon semua adik-beradikku dan saudara-mara mama meminta mereka datang ke rumah sakit dengan segera.

Aku sejak tadi masih tetap duduk di belakang mama, tidak henti-henti mengurut-ngurut belakang mama dan membisikkan kalimah syahadat di telinganya. Mama memanggil bapa untuk mendekatinya. "Ampunkan dosa-dosaku arah kita ... halalkan segala makan minumku ... susah payah kita mengasuh aku selama sakit ani ..."

Bapa dengan tenang hanya mengangguk dan terus mengingatkan mama supaya jangan sekali-kali lupa Allah. Aku menghampiri mama, memeluk mama dan mendakapnya dengan erat seperti tidak mahu melepaskan.

"Mama ampunkan segala dosa-dosaku arah kita. Aku banyak menyusahkan mama, melukakan hati mama selama ani," aku menangis semau-mauku.

"Lai, mama anda pernah membenci anak-anak mama ... kasih sayang mama arah kamu semua nda berbelah bagi. Syukur sudah kamu mengasuh dan menjaga mama ...". Sepanjang malam itu bilik mama dipenuhi dengan esak dan tangis kami semua serta saudara-mara yang lain.

Pagi 31 Mei mama kelihatan tenang. Melihat keadaan mama yang tidak menunjukkan kesakitan saudara-mara mama minta izin untuk pulang. Dalam ketenangan itu rupa-rupanya tidak seorang pun yang menyedari bahawa mama telah dijemput oleh Ilahi, sesuai dengan permintaan beliau.

"Lai mama minta ... Kamu semua jangan menangis ... kacau fikir mama ... ingau hati mama ...". Mama mau ketenangan ... Satu kalimat yang hanya beliau sahaja dapat mengetahui makna yang tersirat di sebalikinya. Sedangkan pada masa itu kepala mama berada di pangkuan kakakku. Kami hanya menyedari apabila dada mama sudah tidak berom-

bak. Senyum kepuasan ter-simpul di bibirnya. Ma-ma nya tertutup rapat seperti orang yang sedang menik-mati tidur yang nyenyat setelah penat bekerja keras. Adikku segera ber-lar memanggil doktor dan juru-rawat. Doktor mengarah-kan kami semua keluar ke-rana beliau mahu mem-buat pemeriksaan.

Tidak seorang pun antara kami yang menge-luarkan kata-kata selai daripada berdoa kepada Allah semoga perkara it-tidak akan berlaku.

Setelah sekian lam-berada di dalam kesusahan-doktor dan jururawat kelu-dari bilik mama.

"Maafkan kami, kami sudah berusaha, tapi Tuhan lebih sayangkanny." Aku ter-paku seolah-olah tidak percaya apa yang kudengar.

Sekujur tubuh mam-yang terbaring di atas kat-rupanya sudah tidak ber-nyawa lagi. Aku sudah tidak punya mama, aku ta-kan lagi mendengar suar-mama dan aku tidak akan dapat melihat wajah mama.

Mamama ... Antar-sedar dan tidak aku me-raung memanggil mama. Tangisan-ku memenuhi ruang bilik mama. Jurur-wat memelukku. "Allah lebih sayangkan kedai. I-nda mau terus menyusah-kan kamu. Sabar ... Berdo-kepada Allah supaya rohny diucuri Allah."

Pritt ... Aku terkeju-mendengar hon kereta di-bunyikan. Rupa-rupany-aku tenggelam dalam bay-alan yang panjang. Nyar-is-nyaris aku melangka-kereta yang berada di lalau-sebelah kananku. Pemandi-kereta tersebut menjelin-tajam kepadaku. Ental-berapa bakul sumpah ser-nah kepadaku. Aku angka-tangan memohon ke-maafan. Pemandu tersebut terkejut. Pandangan kam-beraut. Hatiku berdetik-kencang. Ya ... wajah it-seperti pernahku temui, tap-di mana ... Sehingga kerc-tanya hilang dari pandan-gan aku masih belum memperoleh jawapannya.

Aku pulang ke rumai-dengan langkah yang lesi-

Dari muka 8

Kutatapi potret mama berahang kali, gambar tarikh ketika meraihan 'Hari Ibu'.

Mama sedang memotong kek yang dikelilingi oleh anak-anak dan cucu-cucunya. Air mataku turun dengan laju persis butir-butir mutiara yang putus dari rangkaiannya. Kuelus wajah mama dengan jemari, kudakap gambarnya ke dadaku.

Mama ... tahun ini dan tahun-tahun berikutnya kami tak menyambur hari keramat tersebut bagi dulu. Aku benar-benar rindukan belaian mama, lenteran mama setiap kali memarahi kami. Gemersik gelak ketawa mama setiap kali diusik oleh gurau senda cucu-cucunya hanya tinggal kenangan.

Tak ada lagi suara mama yang mengejutkan kami untuk makan sahur ketika bulan puasa. Dan tak akan ada lagi tangan mama yang dicium ketika berziarah di pagi Hari Raya Aidilfitri.

Tiba-tiba saja aku merasa badanku melayang-layang diterbangkan angin yang amat kencang. Debuannya begitu mengekorkan dan membengkakan telinga. Akhirnya badanku terdampar di atas hamparan rumput hijau.

Ya Allah ... di manakah aku berada ... Tempat ini begitu asing bagiku. Aku berjalan perlahan-lahan. Di hadapan aku air terjun yang begitu indah dengan deruan air yang gemersik. Aku melihat ada seorang wanita yang sedang duduk di bawah sepon pohon pokok berhadapan dengan air terjun tersebut. Dia memakai Jubah dan bertudung litup berwarna putih. Naluri ingin tahu yang begitu menebal menggamit perasaanku untuk mengahapirinya.

"Assalamualaikum," aku menghulurkan salam perkenalan kepadanya. Dia lantas menolehkan mukanya kepadaku. "Walaikum-salam," jawabnya dengan lembut.

"Mama ...," aku terus

belari memeluk wanita tersebut. Terlerailah segala kerinduanku kepadanya. "Mama aku rindukan mama ...," aku menangis di ribaannya. "Mama tau Lai tapi dunia mama sudah berbeza ... Alam mama dengan kamu berlainan." Mama membelai rambutku dengan lembut.

"Lai ingat pesan mama ani. Pertama jangan sekali-kali kau lalai untuk mengerjakan sembahyang selagi bernyawa. Sesungguhnya azab Allah itu amat pedih. Lagipun nyawa katani ani hanyalah pinjaman semamata-mata, bila sampai waktu ia akan dikembalikan sama ada katani mau atau tidak. Bukti mama sendiri yang anda lagi dapat bersama-sama kamu." Air mata mama menitis jatuh ke pipiku.

"Kedua, mama mau kamu semua tetap mengimalkan kelaziman bertahil dan membaca Surah Yaa Siin. Sesungguhnya amalan tersebut membantu memberikan kelapangan kepada orang yang telah meninggal dunia. Anak-anak yang salih dan berbakti kepada orang tua akan memberikan kamu kesenangan, terutama sekali di hari tua dan sakitmu. Yang penting ketika matimu ... Anak-anak yang salih akan sentiasa mendoakan kedua-dua orang tuanya ketika hidup dan meninggal dunia."

Tiba-tiba suara laungan azan yang merdu bergema menyeru umat Islam untuk mengerjakan sembahyang. "Lai azan Maghrib sudah ni. Agatah balik mandi. Lapas atu jangan lupa sembahyang ah. Mama pun kan sembahyang ni ...," Mama membungkuk aku dari ribaannya. Mama mencium kedua-dua pipi dan dahi. Mama memeluk erat.

"Ma ... jangan tinggalkan aku lagi ma ...," aku mau ikut kita. Aku inda mau berpisah lagi dengan kita bah ...," Aku tidak mahu melepaskan tangan mama. "Inda dapat Lai ... dalam masanya kau bersama mama."

Agatah balik sembahyang, jadikan pesan mama sebagai 'utap' mu

mengharungi hidup ani." Mama dengan lembut menarik tangannya. Perlahan-lahan dia berjalan meninggalkan aku keseorangan.

Aku cuba berlari sekuat tenaga mengejar mama, tapi hampa kakiku langsung tidak dapat digerakkan. "Mama ... Mama ... Mama ... sampai hati mama meninggalkan aku lagi ... Ma ..."

"Eh Lai kenapa ni mengigau kau kah? Bapa dangar kau memanggil mamamu." Bapa menggerak-gerakkan badanku. Astaghfirullah! adzim rupanya aku bermimpi bertemu mama. Gambar mama masih dalam dakapanku.

"Agatah mandi, inda baik tidur waktu Maghrib ani, yatah membari mengigau."

Bapa terus berlalu meninggalkan aku yang masih berada di dalam kebingungan. Terasa masih panas ciuman mama di kedua-dua belah pipi dan di dahiku.

Pagi ini di kala anak-anak mungkin sibuk mengadakan majlis meraihan 'Hari Ibu' bersama ibu tersayang, aku awal-awal lagi sudah melangkah memanjang tangga tanah perkuburan di mana ibuku disemadikan dengan sejabak bunga ros. Aku membersihkan bunga-bunga yang sudah kering yang kubawa hari Jumaat lepas. Daun-daun kering kukutip dan kumpulkan di bawah pokok jati yang berdekatan.

Memang sedari dulu aku dan adik-beradik yang lain memastikan supaya sekitar kawasan pusara mama dan nenek-nenekku yang lain sentiasa kelihatan bersih dan kemas.

Kadang-kadang naluriku tersentuh bila melihat kuburan lain yang dipenuhi dengan rumput-rumput yang panjang dan ditutupi dengan daun-daun kering. Terfikir di mindaku di mana anak-anak atau keluarga mereka, adakah mencukupi untuk menziarahi ke kubur hanya pada Hari Raya Aidilfitri atau hari-hari yang tertentu sahaja? Adakah mereka su-

dah terlupa untuk menjenjng pusara ayah dan ibu ... atau masa tidak mengizinkan mereka untuk berbuat demikian. Walaupun mereka sudah berada di alam lain tapi biarlah mereka tetap dekat di hati. Mudah-mudahan nasibku kelak tidak sebegini. Ya ... benar pesan mama 'anak yang salih akan sentiasa mendoakan orang tuanya'.

Setelah itu, aku membaca Surah Yaa Siin untuk mama dan semua nenek-nenekku yang terdahulu kembali ke rahmatullah.

"Terima kasih mama kerana telah datang menemuiku, meskipun kau hanya hadir di dalam mimpi tapi ia sudah memadai sebagai hadiah di hari yang amat bermakna ini. Walau hanya sebentar tapi cukup melepaskan longgokan rindu yang bersarang di dalam jiwa ku selama ini. Mama. Pesamu akan tetap kupegang, insya-Allah, 'Selamat Hari Ibu' mama ..."

Aku lantas meletakkan kuntuman bunga ros di pusara mama. Entah untuk ke berapa kalinya aku menangi, meluahkan segala kesedihan yang membuak di hati.

Aku meninggalkan pusara mama dengan langkah yang berat. Rasanya ingin aku terus berada di sana. Aku menuju ke keretaku. Kulihat ada seorang wanita berada di dalam sebuah kereta mewah. Melihat aku datang dia terus keluar dan bersalaman. "Aku Saidatul Ameerah. Kita Normajwa Syakillah kan," Aku hanya mengangguk-anggukkan kepala mengiakan kata-katanya.

"Aku datang ani menyampaikan hajat babu, katanya ia banar-banar kan berjumpa Normajwa. Mari taku ikut keretaku saja." Wanita itu cukup cantik seperti aktris Bollywood. "Macam ani saja, aku pakai keretaku saja. Aku mengikutkan dari belakang." Setelah itu tanpa banyak bicara kami berlalu. Dalam minda dipenuhi dengan pelbagai pertanyaan siapa kenapa di mana.

Akhirnya kami memasuki kawasan rumah yang

tersergam besar dan indah. Halamannya dihiasi dengan landskap yang begitu menarik dengan barisan pohon-pohon plam dan bunga-bunga yang pelbagai jenis. Saidatul Ameerah menjemput aku masuk ke dalam dan mempersilakan aku duduk di ruang tamu yang dilengkapi dengan perabot yang mahal. Aku tidak mampu berkata-kata. Siapakah tuan empunya rumah misteri ini. Sedang aku tenggelam menikmati keindahan seni bina rumah tersebut tiba-tiba bahu ku terasa dicuit.

"Normajwa terima kasih kerana kau menjumpai mak cik." Hajah Latifah terus memelukku. Dia kelihatan sihat dan ceria berbanding semasa di rumah sakit dahulu. "Aku yang patut minta maaf arah kita, kerana inda datang-datang melawat kita ... Lagipun setelah mama meninggal aku banar-banar terkejut. Sampai aku lupa untuk menjumpai kita," aku melepaskan kekesalanku padanya.

"Sebenarnya aku ani kan mengucapkan rasa terima kasih aramu. Hubungan baik dan keakraban kamu sekeluarga semasa menjaga mamamu dulu menimbulkan kesadaran arah kami sekeluarga. Anak-anakku pun sudah sadar dengan kelaianan bisidia mengabaikan tanggungjawab arah indung. Mana kan jua setiap kali diorang datang kusuruh diorang menyubuk ke bilik kamu."

Sejak itu bisidia mulai berubah, terutama sekali Abang Ameerah ani sampai ia mengambil cuti panjang untuk menjaga aku. Ani alhamdulillah kata doktor, penyakitku pun sudah beransur sembuh.

Sedang kami rancak berbual Ameerah masuk dan berbisik ke telinga ibunya. Hajah Latifah tersenyum lebar. "Aizat, ke mari tak masuk, dari tadi sudah Normajwa datang." Sejak masuk sahaja anak lelaki ini. Cawan yang berada di tanganku nyaris terlepas. Peristiwa lalu berputar ligat dalam ingatanku. "Aizat, lelaki yang kulanggar tanpa sengaja di lorong rumah

sakit dan kereta lelaki itu jugalah yang nyaris tergesel keretaku semalam.

Aku benar-benar malu. Hajah Latifah meminta izin untuk masuk ke dalam dan diiringi oleh Ameerah. Aku tambah menggelabah ditinggalkan berdua dengan 'Aizat' di ruang tamu.

"Aku minta maaf kerana peristiwa semalam dan semasa di rumah sakit dulu. Masa itu aku banar-banar panik dan sedih." 'Aizat' merenung tajam ke dalam mataku sehinggalah aku tertunduk malu.

"Aku inda akan memaafkan kamu Najwa, seandainya nanti kamu mengecewakan hati babu, menitiskan air mata babu yang sudah terubut oleh kami adik-beradik. Selama ani babu selalu menyabab namamu. Selagi aku balum dapat mencari alamatmu selama itu tah ia bibiran dan menyam. Lagipun sejak peristiwa dulu itu wajahmu menjadi igauku. Kucari-cari kau selepas itu. Pencarianku terjawab bila babu menyuruh menyubuk ke bilik sebelah rupanya orang yang ku cari ada di sana." Aku hanya menunduk malu mendengar hujah nya.

"Tapi kita terpisah semula setelah mama kamu meninggal dunia. Atas kehendak babu dan kerinduan yang tidak dapat dibendung aku tarus mengintip kamu."

Hajah Latifah masuk semula ke ruang tamu bersama Ameerah. "Aizat menghampiri." "Normajwa ... Sempena 'Hari Ibu' hari ani aku mau menghadihkan arah babu hadiah yang paling istimewa. Macam mana kasih sayang Najwa arah mama. Najwa macam mana Najwa inda mau mengecewakan hatinya macam itu jua aku arah babu. Aku selalu memerhatikan dari jauh kepatuhan dan keprihatinan Najwa arah orang tua Najwa. Aku banar-banar kagum. Najwa banyak mengajar aku untuk menghargai kasih sayang orang tua." Hajah Latifah memandangku. Di wajahnya terukir segunung harapan.

Bu ... Najwa ... aku

minta persetujuan biskita semua. Aku sudah membuat keputusan, tapi indaku tau sama ada sebelah pihak mungkin akan menolak. Bu ... aku memilih Najwa untuk menjadi pasangan hidupku, hadiahku arah babu di hari istimewa ini." Air mata Hajah Latifah menitis entah kerana terlalu gembira dengan keputusan 'Aizat'.

"Maaf ... aku inda dapat membuat keputusan saat ani. Aku perlukan ketenangan. Bari ku masa untuk berfikir ... Assalamualaikum ...," aku terus berlalu menuju keretaku meninggalkan mereka penuh tanda tanya.

Setelah bersembahyang hajat dan memanjakan doa kepada Allah, aku cuba melupakan matak. Tiba-tiba telefon bimbitku berbunyi. "Najwa ... babu sakit dari siang tadi sudah. Kalau inda kebaratan babu kan jumpa kamu, aku inda memaksa tunaikan permintaan babu kali terakhir ...," bicara 'Aizat' tamat sampai di situ tanpa menunggu jawapanku.

Aku memandu keretaku dengan laju. Janganlah terjadi perkara yang buruk ke atas Hajah Latifah. Aku merasa benar-benar bersalah. Sebaik sahaja sampai di sana aku terus menekan loceng pintu. Ameerah menjemput aku masuk dan membawa ke bilik ibunya. Matanya kelihatan bengkok. Aku menghampiri Hajah Latifah.

Kenanganku terhadap mama kembali menjelma seperti putaran wayang gambar. Tiba-tiba aku menangi dan merang memeluk Hajah Latifah.

"Jangan tinggalkan aku bu ... bariku peluang untuk manjadi anak babu ... Ya Allah jangan kecewakan aku setelah pasrah dengan keputusanku ... untuk berbakti kepada babu ..."

Tiba-tiba aku merasa badanku dipeluk oleh Hajah Latifah. Syukur alhamdulillah doaku dikabulkan Allah ...

Dari muka 3

Sebelum merampas takhta Johor, melalui serangan pada tahun 1718, Raja Kecil berkahwin dengan seorang anak Dipati Batu Kucing di Rawas, Ulu Palembang. Dari perkahwinan tersebut, Raja Kecil memperolehi seorang putera bernama Raja Rabiul Alam, yang lahir pada tahun 1712. Raja Rabiul Alam dibesarkan di Siak dan tidak pernah di bawa ke Johor sewaktu Raja Kecil menjadi sultan di sana selama empat tahun.

Di Johor, Raja Kecil yang menggelar dirinya Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah, telah membuat kesilapan besar. Baginda bukan sahaja menyingkirkan bekas Sultan Abdul Jalil Riayat Shah II dari Johor, malah menitahkan supaya ia dibunuh. Kerana perebutan kuasa Raja Kecil sanggup membunuh Bendahara Padang Saujana Tun Habib Abdul Majid [Sultan Abdul Jalil Riayat Shah II] yang sekali gus adalah nenda saudaranya [sebelah ibu] dan bapa mertuanya [Tengku Kamariah, isteri kedua Raja Kecil adalah anak Tun Habib Abdul Majid]. Bagi menuntut bela di atas kematian ayahandanya di Pahang, Raja Sulaiman [anak lelaki Tun Habib Abdul Majid] bersatu tenaga dengan putera Bugis lima bersaudara diketuai

oleh Daeng Merewah menyerang Raja Kecil. Akhirnya Raja Kecil terpaksa meninggalkan takhta Johor pada tahun 1722 dan berundur ke Siak. Baginda menjadi Sultan Siak yang pertama di sana sehingga ke akhir hayatnya [1746].

PEREBUTAN KUASA DI SIAK

Sungguhpun Raja Kecil telah dapat disingkirkan dari Johor, baginda masih tidak berpuas hati. Beberapa serangan dilakukan tetapi dapat dipatahkan oleh putera Bugis Daeng Parani yang sudah bertapak di Johor dan menjadi ahli kerabat diraja Johor melalui perkahwinan dengan adik Sultan Sulaiman, Tengku Tengah. Perkahwinan ini jugalah yang menjadi pembara jalan bagi penguasaan Bugis di dalam Kesultanan Johor hingga sekarang. Di waktu yang sama, waris Kesultanan Melaka terpaksa berpindah ke Siak, melalui Raja Kecil.

Perkahwinan Raja Kecil dengan Tengku Kamariah telah melahirkan Raja Mahmud yang diputerakan di Riau pada tahun 1723. Pada tahun 1727 Raja Kecil membawa Tengku Kamariah dan Raja Mahmud ke Siak. Kepulauan Raja Kecil ke Siak dengan membawa Raja Mahmud telah memulakan proses perebutan kuasa di antara kedua orang putera diraja berlainan ibu itu. Sungguhpun Raja Rabiul Alam sudah berusia 15 tahun pada tahun

1727 dan Raja Mahmud berusia empat tahun, Raja Kecil lebih mementingkan Raja Mahmud untuk menggantikannya berdasarkan Raja Mahmud adalah putera raja [anak sultan]. Pendirian Raja Kecil ini menimbulkan satu perebutan kuasa yang akhirnya memelahkan Kesultanan Siak.

Dalam perebutan kuasa di antara dua orang putera raja tersebut [Raja Rabiul Alam dan Raja Mahmud], campur tangan kuasa luar telah diminta. Raja Mahmud mendapat bantuan daripada orang-orang Melayu Johor [termasuk Bugis], sementara Raja Rabiul Alam memperolehi bantuan dari kaum Bugis dari Bone. Perebutan kuasa ini bertambah sengit apabila Raja Kecil mangkat pada tahun 1746. Di peringkat awalnya Raja Mahmud ditabalkan menjadi Sultan Siak Ke-2 tetapi turun takhta untuk diganti oleh Raja Rabiul Alam. Hal ini berlarutan di antara tahun 1746 hingga 1760.

Kesilapan besar yang dilakukan oleh kedua-dua orang putera raja yang berebut kuasa itu ialah membiarkan diri mereka memeralatkan dan diperalatkan oleh Belanda di Melaka sebagai sekutu mereka. Mereka tidak menyedari bahawa Belanda menggunakan taktik 'pecah dan perintah' untuk menjajah Siak di satu masa yang bersesuaian. Peluang keemasan itu terbuka apabila

Syarikat Belanda di Melaka memberi sokongan rahsia kepada Sultan Sulaiman [Johor] dan Raja Mahmud sebagai balasan kepada syarikat tersebut melakukan perniagaan di Siak. Walaupun terdapat jaminan tersebut, tentangan bersekutu daripada pihak Bugis dan Minangkabau menjadikan perjalanan perniagaan susah. Pihak Belanda terde-

bersekutu Bugis dan Minangkabau menyerang Belanda di Melaka pada tahun 1756. Tindakan mereka memberi peluang kepada Belanda untuk merajakan semula Raja Mahmud sebagai Sultan Siak tetapi dengan menuntut bahawa Siak adalah jajahan mereka yang sah, berdasarkan perjanjian Belanda dengan Sultan Sulaiman [Johor] yang

Mahmud terhadap mereka, Belanda menyusun dan melancarkan perang besar-besaran terhadap Siak. Di dalam peperangan tersebut Raja Mahmud mangkat terbunuh iaitu pada tahun 1760. Kemangkatan Raja Mahmud telah memberi peluang kepada Raja Rabiul Alam menaiki semula takhta Siak, tetapi baginda terpaksa tunduk kepada tekanan dan kema-

terpaksa melarikan diri dari Siak, pada tahun 1761, menuju ke Pulau Tuh. Kepulauan ini terkenal sebagai tempat berteduh ahli-ahli keluarga diraja yang disingkirkan dari kuasa.

Di Siak Raja Rabiul Alam yang menaiki takhta semula pada tahun 1761, dengan gelaran Sultan Alamuddin Syah, melepaskan pemerintahan negeri pada tahun 1765 dan menyerahkannya kepada anakanda baginda yang bernama Tengku Muhammad Ali, yang dianggarkan lahir pada tahun 1733. Ini bererti Sultan Muhammad Ali berusia 32 tahun ketika baginda menjadi pentadbir atau pemerintah Siak. Bonda Sultan Muhammad Ali ialah Daeng Khatijah iaitu adinda Daeng Kemboja yang menjadi Yamtuan Muda Riau yang pertama, semasa pemerintahan Sultan Sulaiman [Johor].

Dengan pesaing takhta Siak iaitu Raja Ismail melarikan diri, maka Belanda dengan mudah bersetuju Sultan Muhammad Ali menjadi pengganti ayahandanya Raja Rabiul Alam. Dalam Riwayat Siak dinyatakan bahawa kementerian Belanda menakluk Siak pada tahun 1761 berkait sedikit sebanyak dengan tindakan Tengku Muhammad Ali dan isterinya Tengku Ambang Besar yang menyiram dengan air serbuk meriam Siak dan membo-

PEREBUTAN kuasa di antara pengikut-pengikut Raja Rabiul Alam dengan pengikut-pengikut Raja Mahmud dikeruhkan lagi dengan tindakan tentera bersekutu Bugis dan Minangkabau menyerang Belanda di Melaka pada tahun 1756. Tindakan mereka memberi peluang kepada Belanda untuk merajakan semula Raja Mahmud sebagai Sultan Siak tetapi dengan menuntut bahawa Siak adalah jajahan mereka yang sah, berdasarkan perjanjian Belanda dengan Sultan Sulaiman [Johor] yang menyerahkan Siak pada tahun 1745. Menyedari kuasa mutlakny sudah dirampas oleh Belanda, Raja Mahmud bertindak, pada 6 November 1759, dengan menawan pangkalan tentera Belanda di Pulau Guntung dan membunuh penghuni-penghuninya.

sak dan terpaksa mengambil tindakan ketenteraan terhadap penentang-penentang mereka. Mereka menghalau Raja Rabiul Alam pada tahun 1755.

Perebutan kuasa di antara pengikut-pengikut Raja Rabiul Alam dengan pengikut-pengikut Raja Mahmud dikeruhkan lagi dengan tindakan tentera

menyerahkan Siak pada tahun 1745. Menyedari kuasa mutlakny sudah dirampas oleh Belanda, Raja Mahmud bertindak, pada 6 November 1759, dengan menawan pangkalan tentera Belanda di Pulau Guntung dan membunuh penghuni-penghuninya.

Sebagai membalas tindakan ketenteraan Raja

SULTAN MUHAMMAD ALI SEBAGAI PENTADBIR KESULTANAN SIAK

Bagi mengelakkan Belanda bertindak terhadap kaum kerabat Raja Mahmud yang terbunuh di dalam peperangan 1760, anakanda Raja Mahmud yang bernama Raja Ismail

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

IBU TERSAYANG

Ibu
detik demi detik
hari demi hari
minggu demi minggu
bulan demi bulan
tahun demi tahun
kau menjaga aku
dengan penuh kasih
kasih dan sayangmu
bagai menatang minyak yang penuh.

Ibu
hatimu aku gusar dan gundah
tika mendengar tangisku
kau sentiasa menjaga
setiap masa
walau dalam keadaan apa sekalipun.

Ibu
kini aku telah membesar
segala jasmu tetap kukenang
dengan pekerjaan dan pendapatanku
kini, aku bertekad akan menjagamu
kini, aku pula yang beri kebahagiaan
padamu ...
tidak kuizinkan air matamu tumpah
membasahi pipimu ...

Tidak
terima kasih aku ucapkan atas segala
pengorbanan, pengertian yang kau berikan
kaulah ibuku yang tersayang
dan ...
aku bangga menjadi anakmu ...

DI SUATU SUDUT YANG SEPI

Di suatu sudut yang sepi
telah kusedari akan
terlontarnya diri ini.

Di suatu sudut yang sepi
aku tercari-cari
akan suatu kebenaran
yang masih lagi tersembunyi.

Di suatu sudut yang sepi
terlalu sukar untuk
aku hadapi
akan suatu kenyataan.

Di suatu sudut yang sepi
dalam samar-samar
aku tetap saja menanti
menanti dan terus menanti
akan sebuah jawapan yang pasti.

Kelana Rimba

IMPIAN HAMBA ALLAH

Dia ingin memiliki ketaatan Nabi Allah Ibrahim
walau dirinya dicampak
ke dalam api
walau diperintahkan
untuk menyembelih
darah dagingnya sendiri ...

Dia juga mengimpikan suatu kesabaran
kesabaran Nabi Allah Ayub ...

walau ditinggalkan
oleh sang isteri
walau dimakan ulat sekalipun ...
namun dia tetap ...
tidak pernah meninggalkan sembahyang.

Dia ingin kelebihan Nabi Allah Sulaiman
yang faham bahasa dua dunia
agar bisa mengatur alam
mengikut acuan dari yang Esa.

Dia impikan cabaran Musa
walau hampir dibunuh tika kecilnya
walau ditentang raja berkuasa
suruhan raja segala raja tetap dilaksanakan.

Dia ingin akhlak Muhammad
walau dibenci keluarga sendiri
walau dihina kaum mulia
walau dituduh tukang guna-guna
walau ditawarkan kehebatan dunia
namun tetap istiqamah
dalam menyebar agama sejahtera.

HADIRNYA CINTA

Cinta
hadirmu tanpa disadari
tanpa kurasai
hanya membuatkan diriku ini
terasa bagaikan di atas awangan cinta.

Dikau cuba meluahkan
tujuh rasa padaku ...
rasa sayang, benci, marah, cemburu
ketawa, menangis dan rindu ...

Semuanya ...
digambarkan sebagai tujuh garisan pelangi
yang akan mewarnai kehidupanku
bahagia menerangi kesetiaanmu
dan ...
sifat curang pula
punca perpisahanmu ...

Dengan hadirnya cinta
amat sukar untuk difahami
kenapa dalam marah itu ada kasih?
kenapa dalam benci ada pula rindu?
dan kenapa ada lara sebaliknya ...

AKU TETAP KECIL

Walau sebesar mana sinar matahari
ia tetap akan hilang di gelap malam
walau seindah mana bulan purnama
ia tetap kelihatan malap di siang hari.

Walau unik mana pelangi berwarna
ia tetap akan pergi jua
secara perlahan
walaupun hujan membasahi bumi
ia hanya singgah buat seketika.

Walau fantastik mana planet
ia tetap akan kabur di pandanganmu
walau sekuat mana graviti bumi
ia juga tetap kalah di angkasa.

Walau sekecil mana diri ini
aku akan selalu tetap di sini untukmu
sehingga akhir jasadku di badan.

Langit

SABAR DAN TAQWA

Nasihat dan pesanan
perjalanan ke kampung dalam percutian
di manapun juga, lebuhraya sering mengundang
pada siapa tanpa cermat memandu
akibat padah destinasi musnah
menggerusuh terburu-buru, bala dituju
air mata adan darah tumpah, tubuh kaku
bergelimpangan
menyesal tak sudah, tanpa ingat dan berhati-hati
lupa diri syok sendiri
takdir ditempah dalam lalai dan berangan
putus jari, hilang penglihatan, rosak
pendengaran
semua berentakkan tinggal orang tersayang
malang tak berbau, kerana laju memandu.

Ingat pada yang tinggal, sematkan di hati,
berzikir di sanubari
hidup jangan disia-siakan, ajal tidak ada
tawar-menawar
manusia sering berperang dengan nafsu
menurut rasa hingga binasa dan
berperangai terus buruk
biarpun dalam kepayahan, teruskan berhemah
saling bermaafan jauhi persengketaan
permusuhan
tolong-menolong, bantu-membantu
jangan biarkan si miskin di lubuk usang
ingat, dalam senang kenangan orang
fakir dan daif
ringankan tulang pada manusia semangkuk rasa
carilah tautan erat dalam persaudaraan
dan pupuk harmoni dalam berjiran
carilah damai jika hanya sekubit persengketaan
semoga kita mendapat rahmat seluruh
kebesaran dan keagungan Tuhan.

KASIH YANG TERLERAI

Dalam malam syahdu bagaikan rahmat
rindu makin lemas dibuat angan dalam kenangan
walaupun dikau jengkerik malam
seolah memperli diri.

Bertambah sedih mengusik jiwa menusuk pilu
dari kenangan lama yang suram
masih terngiang celotehmu di copeng telinga ini
bak mentari panas yang mendakap badan
namun diri ini ingin minta dibelai lagi
jejari halusnyanya yang pernah hinggapi
memusuk hati, sehingga abadi, tapi
kini tak bererti lagi.

Kini aku cuba menjauh
membawa diri, meskipun tanpa tujuan
namun kebencian tetap menerpa dan di sini ...
ingin kuceritakan ceritera ini
kisah yang terjadi
riwayat yang hancur berkubur tanpa nisan
kasih sayang yang ditabur sudah
bersemadi kecundang
putus di tengah jalan.

Tinggal janji-janji yang sudah termeteri
dilempar tanpa silu, bak seperti
tali layang-layang yang diturut jauh ke langit
mulanya teranah tanpa gundah
telah putus kerana sauk-sauk dan menyauk
cinta kini tak bersemi lagi, lantaran

pergolakan peribadi
nada dan alunan madah sudah berubah
menjadi kasar tersasar
hancurlah impian istana pasir cinta yang dibina
kerana beza jurang yang penuh kerikil
berkecai terburai tak boleh diselamatkan lagi.

Air mata kini sudah kering
tidak lagi bercucuran
semuanya bertukar menjadi kebencian
yang hanya tinggal baki denyutan hati
yang sesak dangkal di sanubari
bersemadi dengan timbunan luka
menghiris menalar di jantung sukma
parah derita.

Haji Mat Noor Matussin

ANAK-ANAK KITA

Anak-anak kita
kemanusiaan sirna bersama terbitnya mentari
setan hablor bermukim di sanubarinya
menjelang malam
keegoannya melebihi batas-batas nafsu
dan berteriak 'merdeka'!
tetapi hanya kata-kata hambar
bolong
kosong
jolong
linglung
terpesong
anarkisme memboyong hati nurani
kehilangan jati diri untuk berkarya.

Anak-anak kita
membesar dari kejayaan dan
kesombongan orang tua
yang berkiblat pada materi
fanatik pada hedonisme
lalu ...
mereka cuma pandai meminta-minta
mengejar kebahagiaan penuh kepura-puraan
hanyut ditelan usia yang sia-sia.

UMI

(kau telah pergi mendahului kami)

Hari ini kuziarahi lagi
pusaramu yang sepi dan kaku
rerumput dan dedaun kering
berserakan di atas kuburanmu.

Aku selalu ingat padamu
seorang wanita berwajah ceria
cinta pada suaminya
kasih pada anak-anaknya
sayang pada keluarga dan sanak saudara
dan tabah menghayati kehidupan.

Hingga kini usiaku menjangkau senja
cinta kasih sayangmu membahana hati nurani.

Aku masih ingat pesanmu
cinta dan kasih sayang itu
milik dan pada Allah Azzawajalla
kerana kau hak-Nya.

Anisis Ans



ستيتاس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيليسيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

RABU 17 MEI		PETANG		6.45 JALAN MENUJU ALLAH		AHAD 21 MEI		12.00 SIARAN TAMAT	
PAGI		1.00	IMPACT TV	MALAM		PAGI		PETANG	
6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	1.30	JUST FOR VARIETY	7.00	LIPUTAN SEMASA	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	4.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN	2.30	PHILIPPINES MOVIES - 'Forever More'	7.30	KOLEJ	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	3.40	AZAN ASAR	7.40	AZAN ISYAK	9.00	BERITA	4.15	KIDS HOUR: 'Squiggle-Vision'
9.00	BERITA	3.45	PHILIPPINES MOVIES - Sambungan	8.00	BERITA NASIONAL	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.45	SCIENCE COURT
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.15	ATOM YR. 1	8.55	FORUM PERDANA	10.00	RANCANGAN HARI INI	5.15	AMERICA'S FUNNIEST HOME VIDEO
10.15	TELENOVELA- 'Betty, La Fea (Betty, The Ugly One)'	4.45	DRAGON TALES SEASON 1	10.00	NEWS AT 10	10.15	ANIMATION HOUR - 'Magic School Bus'	5.45	BERITA
11.00	SCREECH OWL	5.15	BEYOND 2000 SR. VII	10.45	KHUTBAH JUMAAT	10.45	ACCORDING TO JIM	6.00	WALKING WITH THE BEAST
11.30	LIPUTAN SEMASA	5.45	BERITA	11.00	TELEDRAMA - 'Menantu Tanjung'	11.15	PADA SUATU HARI	6.28	AZAN MAGHRIB
12.00	SIARAN TAMAT	6.15	RECORD BREAKER	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT	11.30	BERITA	6.45	BIMBINGAN KELUARGA
PETANG		6.27	AZAN MAGHRIB	SABTU 20 MEI		11.45	SUNDAY MATINEE - 'Guest For Camelot'	MALAM	
4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.45	FIQHUL MIRATS	PAGI		12.18	AZAN ZUHUR	7.00	LIPUTAN SEMASA
4.02	TILAWAH AL-QUR'AN	MALAM		6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	PETANG		7.30	LEGENDA
4.15	CYBERCHASE SEASON 4	7.00	SURAH-SURAH PILIHAN	6.02	TILAWAH AL-QUR'AN	1.15	GILLETTE WORLD OF SPORT SR. 2	7.42	AZAN ISYAK
4.45	MONSTER BY MISTAKE	7.30	WARTA ISLAM 2006	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	1.45	JUST KIDDING	8.00	BERITA NASIONAL
5.15	FAR FETCHED	7.40	AZAN ISYAK	9.00	BERITA	2.40	JUARA 2006	9.00	DRAMA - 'Retak Setalam'
5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL	10.00	RANCANGAN HARI INI	3.41	AZAN ASAR	9.30	INFOSIHAT SR. 4
6.00	DRAMA - 'Menjejak Dalang'	9.00	AN NUUR - Siaran Langsung	10.15	WHAT'S WITH ANDY?	4.00	LEGEND OF THE DRAGON	10.00	NEWS AT 10
6.27	AZAN MAGHRIB	10.00	NEWS AT 10	10.45	HOLLY'S HEROES	4.30	TEKNO M3	10.30	LIGA PERDANA MALAYSIA - 'Brunei DPMM lwn Sarawak'
6.45	SINAR SR. 2	10.30	DRAMA: 'Syurga Di Bawah Telapak Kaki Ibu'	11.15	DRAMA CO. PROD 'Jodoh' - Ulangan	5.00	KAUNSELING MASYARAKAT SR.1 - 'Marah Dengan Ikhlas' Bhg. 1	11.30	WILDLIFE SPECIAL - 'Lion'
MALAM		11.30	WAYANG PILIHAN - 'Evolution'	11.30	BERITA	5.30	PENGAJARAN DARI AL-QUR'AN	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT
7.00	LIPUTAN SEMASA	12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT	12.00	GILLETTE WORLD SPORT	5.45	BERITA	SELASA 23 MEI	
7.30	MUZIK '05	JUMAAT 19 MEI		12.18	AZAN ZUHUR	6.00	SURVIVING ASIA	PAGI	
7.41	AZAN ISYAK	PAGI		PETANG		6.28	AZAN MAGHRIB	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
8.00	BERITA NASIONAL	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	12.45	PANGGUNG PETANG SABTU - 'Bear With Me'	6.35	COLORS OF THE EAST	6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
9.00	DRAMA - 'Wira'	6.02	TILAWAH AL-QURAN	2.15	DRIVE	MALAM		6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.30	JASAMU	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	2.45	ODD SPOTS	7.00	TAHUKAH AWDA SR. 3	9.00	BERITA
10.00	NEWS AT 10	9.00	BERITA	3.15	THIRD WATCH SR. 1	7.42	AZAN ISYAK	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.30	SUKAN ANTARABANGSA	10.00	RANCANGAN HARI INI	3.41	AZAN ASAR	8.00	BERITA NASIONAL	10.00	RANCANGAN HARI INI
11.00	LIFE WITH BONNIE YR. 1	10.15	PLAY WITH SESAME	4.00	AROUND THE WORLD IN 80 DAYS	9.00	TIRAI KELUARGA - 'Leftenan Adnan'	10.15	TELENOVELA- 'Betty La Fea (Betty, The Ugly One)'
11.30	DARK ANGEL YR. 2	10.45	FRANKLIN	5.00	THE NEW ADVENTURES OF OCEAN GIRL	10.00	NEWS AT 10	11.00	SCREECH OWL
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT	11.15	RAKAN CYBER	5.30	CAITLIN'S WAY	10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan	11.30	LIPUTAN SEMASA
KHAMIS 18 MEI		11.30	BERITA	5.45	BERITA	11.30	LION IN WINTER	12.00	SIARAN TAMAT
PAGI		11.45	JEJAK RASUL 10	6.15	MUSLIM WORLD	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT	PETANG	
6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	12.15	ART ATTACK	6.28	AZAN MAGHRIB	ISNIN 22 MEI		4.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN	12.30	SEMBAHYANG FARDHU JUMAAT - Siaran langsung	6.45	PEDOMAN AQIDAH	PAGI		4.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	PETANG		MALAM		6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	4.15	CEDRIC SR. 2
9.00	BERITA	1.30	VISI SUCI	7.00	DUNIA ASIA	6.02	TILAWAH AL-QUR'AN	4.40	GOL GOL BRUNEI
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	2.00	TETAMU SUKAN - Siaran Langsung	7.30	2006 FIFA WORLD CUP IN GERMANY	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	5.15	BODY AND SOUL
10.00	RANCANGAN HARI INI	2.30	MENARA SUMBER - Ulangan	7.41	AZAN ISYAK	9.00	BERITA	5.45	BERITA
10.15	TELENOVELA- 'Betty, La Fea (Betty, The Ugly One)'	3.00	TAYANGAN GAMBAR HINDI	8.00	BERITA NASIONAL	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	6.00	KID SINAR SR. 3
11.00	SCREECH OWL	3.39	AZAN ASAR	9.00	DARI STUDIO SATU	10.00	RANCANGAN HARI INI	6.28	AZAN MAGHRIB
11.30	LIPUTAN SEMASA	3.45	TAYANGAN GAMBAR HINDI - Sambungan	10.00	NEWS AT 10	10.15	TELENOVELA - 'Betty, La Fea (Betty, The Ugly One)'	6.45	AL-ISLAM
12.00	DRAMA - 'Matahariku'	5.45	BERITA	10.30	TALENTIME 2006	11.00	SRCEECH OWL	MALAM	
12.18	AZAN ZUHUR	5.55	DR. OTTER	11.30	TAYANGAN GAMBAR - 'Apt Pupil'	11.30	HEALTHY HOME	7.00	DRAMA - 'Gerimis Senja'
		6.00	SYIAR MASJID	1.00	DOA DAN SIARAN TAMAT			7.30	DOKUMENTARI - MENARA IMPIAN - 'Kerjaya Juruukur Bahan'
		6.27	AZAN MAGHRIB					7.42	AZAN ISYAK
								8.00	BERITA NASIONAL
								9.00	RANCANGAN KHAS
								9.30	DRAMA - 'Bila Mama Pakai Celana'
								10.00	NEWS AT 10
								10.30	VERTIAS : THE QUEST
								11.30	MISS MATCH YR. 1
								12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

PERADUAN MEMBACA AYAT-AYAT SUCI AL-QUR'AN SECARA MURATTAL SEMPENA PERAYAAN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DYMM KE-60 TAHUN

1. TUJUAN

- 1.1 Sebagai salah satu acara bercorak keagamaan Sambutan Perayaan Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60 2006M.
- 1.2 Sebagai dorongan untuk meningkatkan dan memantapkan lagi mutu bacaan selain dari secara tilawah dan berlagu juga membaca secara murattal bagi membiasakan kelancaran dan kefasihan.
- 1.3 Bagi menggalakkan bacaan Al-Qur'an sebagai bacaan sepanjang hayat.
